MAHBOOK
Publications
7 WALI
MELAYU
Memartabatkan (memuliakan)
bangsa Melayu dengan nur Iman
dan Islam
ABDUL GHANI SAID

7 WALI MELAYU

Abdul Ghani Said

Cetakan Pertama Julai 1993

Cetakan Kedua Januari 1994

Cetakan Ketiga Ogos 1997

Cetakan Keempat Jun 1998

Cetakan Kelima Oktober 1998

© Mahbook Publications

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian daripada penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpan kekal atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada cara elektronik, sawatan, fotokopi dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis penerbit.

Diterbitkan oleh

MAHBOOK Publications

Lot 2980, Sg. Penchala,

Jalan Damansara, 60000

Kuala Lumpur

Tel: 03-719 5490

Diedarkan oleh

SABAS AGENSI

Kandungan

Penghargaan

(kepada mereka yang memberi maklumat lisan kepada penulis mengenai diri 7 Wali yang riwayat hidup mereka dipaparkan dalam buku ini)

Ustaz Hj. Mohd. Shaghir Abdullah, penulis dan ahli sejarah Islam Nusantara; Pak Cik Muhammad Abu Bakar, khadam dan murid Syeikh Said Al Linggi; Sayid Hassan Al Khattib, pemelihara Maqam As Sayid Habib Nuh r.h. di Singapura; Tuan Guru Sayid Umar bin Abd Kadir Al Idrus, cucu Tukku Paloh, ulama terkenal di Terengganu; Tuan Sayid Abdul Aziz, cucu Tokku Paloh, banyak menyimpan khazanah sejarah peninggalan Tukku Paloh; Pak Cha, khadam dan murid Tukku Paloh; Pak Cik Ali Haji Yusof, cicit Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong, Kuala Terengganu; Tuan Haji Hussein Haji Mat, Kampung Gong Ubi, Besut, pengembang Syahadat Tukku; Tengku Muhammad dan Tengku Badaruddin, ahli kerabat Diraja Terengganu; Tuan Haji Ismail Haji Hussein, imam masjid, Kampung Kuala Talang, Kuala Pilah; Tuan Haji Isa Jaafar, Kuala Pilah; Encik Abdul Aziz, cicit Tuan Guru Haji Abdul Rahman (Tuk Ayah Man), Lubuk Kawah, Temerloh; Tuan Syeikh Haamid, anak Syeikh Said Al Linggi salah seorang pewaris (peneraju) amalan Tareqat Ahmadiah di Negeri Sembilan; Haji Zain bin Haji Ibrahim, cucu Syeikh Said Al Linggi; Pak Ngah Idris, Linggi, murid Syeikh anak Syeikh Said Al Linggi salah seorang pewaris (peneraju) amalan Tareqat Ahmadiah di Negeri Sembilan; Haji Zain bin Haji Ibrahim, cucu Syeikh Said Al Linggi; Pak Ngah Idris, Linggi, murid Syeikh Said Al Linggi; Hajah Fatimah, anak bungsu Syeikh Muhammad Nor Al Kholidi; Haji Ahmad Othman, Imam Masjid Syeikh Muhammad Nur, Sungai Cincin, Batu 7, Gombak; Encik Abd Rahman Jalis, bilal Masjid Sungai Cincin; Almarhum Haji Mu hammad Syeikh, anak Syeikh Muhammad Nur Kholidi, Tok Empat Kg Sungai Cincin; Hajah Fatimah Syafir, isteri Almarhum Haji Muhammad Syeikh; Ustaz Abdullah Qari Haji Salleh, penulis Kelantan yang banyak menyimpan maklumat tentang riwayat hidup Tuk Kenali; YB Ustaz Haji Mawardi Haji Ahmad Bakok, cucu Tuk Kenali yang kini mengambil alih pentadbiran pondok Kenali, Kubang Kerian; Tuan Guru Haji Nor Bot (Tuk Ayah), Ketereh; Haji Mohammad Senik, Imam dan guru Quran di Kampung Paya, kampung di mana terbangunnya pondok pertama Tuk Kenali sebelum di Kubang Krian; Tuan Guru Haji Yahya Junid (Pak Ya), Mudir Madrasah (pondok) Taufiqiah Al Halimiah Batu 16, Padang Lumat, Kedah yang juga Ketua Dewan Ulama PAS Kedah; Haji Abdul Malik Zain, anak saudara dan juga murid Tuan Hussein.

Dari Penerbit

PENERBITAN buku kecil ini adalah lanjutan usaha memperkenalkan peranan tokoh agama dalam sebuah negara yang kcseluruhan penduduk Melayunya beragama Islam. Jasa-jasa mereka amat besar sehingga berjaya mengubah satu bangsa yang dulunya menganut agama hindu, kembali berpegang kepada Dinul Islam yang diredhai Allah SWT. Usaha ini dijalankan menerusi siasah dakwah dan bimbingan tarbiah yang bergerak secara hcrniaga dan menerusi institusi pendidikan pondok, pengajian di surau, masjid, di rumah-rumah juga ada yang bergerak secara individu. Keperibadian mereka dapat dicontohi di mana "Lisanul Hal" (tingkah laku) seseorang itu lebih mudah diikuti daripada kala-katanya.

Usaha-usaha mulia ini sudah bermula lebih lima abad yang lampau sejak kemasukan Islam ke Tanah Melayu sama ada menerusi negeri Terengganu sepertimana tercatat pada batu hersurat yang ditemui di Kuala Berang atau menerusi pedagang-pedagang Arab dan India yang aktif di pelabuhan Lembah Bujang, Merbok, Kedah dan pelabuhan Melaka yang termasyhur itu. Sejak daripada itu kerja-kerja penyebaran agama Islam seperti yang dicontohkan kepada kita oleh baginda Rasulullah SAW serta para sahabat itu terus bersambung dari satu generasi kepada satu generasi sehinggalah kepada zaman hidupnya tujuh tokoh agama yang biografinya mereka ditulis dalam buku 7 Wali Melayu ini.

Justeru bagi mengkayakan generasi hari ini dengan ilmu sejarah bangsa yang besar jasanya kepada agama, bangsa dan tanah air, kami sekali lagi menerbitkan buku ini bagi cetakan kali keempatnya. Cetakan ulangan ini adalah hasil daripada sokongan pada pembaca sekalian daripada semua lapisan masyarakat yang merasa bertanggungjawab untiik meneruskan perjuangan suci yang diwarisi daripada orang-orang soleh itu. Alhamdulillah. Ianya amat bermanfaat bagi kita mengambilnya sebagai suri teladan. Firman Allah SWT (maksud): "Sesungguhnva pada diri Rasulullah itu terdapat ikutan terbaik." Dan sabda Rasulullah SAW (maksud): "Ulama pewaris para Rasul."

Prakata

ALHAMDULILLAH, dengan izin Allah SWT buku ini ditulis berkat galakan kawan-kawan dan pandangan orang ramai yang saya temui bahawa sejarah perkembangan Islam di negara kita yang tercinta Tanah Melayu, juga gugusan Nusantara khususnya mengenai riwayat hidup tokoh-tokoh Islam itu sendiri perlu ditulis dengan fakta-fakta yang lebih tepat berdasarkan (pandangan) kaca inata Islam. Sebab kita dalam rumpun bangsa Melayu termasuk negara jiran kita Indonesia amat kaya dengan sejarah kebangkitan Islam bukan saja pada fakta-fakta zahir juga keistimewaan dan kelebihan rohaniah yang dikurniakan oleh Allah SWT.

Insya-Allah dengan demikian barulah ianya akan menjadi suri teladan yang berkesan kepada generasi kini dan akan datang. Dan dengan demikian barulah dapat kita merasai ungkapan para sejarawan; "Hanya bangsa yang besar saja tahu menghargai ketinggian nilai sejarah bangsanya". Apatah lagi pada bangsa Melayu itu sendiri yang begitu sinonim (lazim melazim) dengan agama Islam.

Lihat saja kitab suci Al Quranul Karim mukjizat terbesar bagi Rasulullah SAW banyak dipenuhi dengan kisah-kisah sejarah nabi-nabi dan orang-orang soleh untuk dijadikan contoh teladan dan begitu pula sebaliknya kisah-kisah mereka yang ingkar juga dipaparkan sebagai iktibar. Dengan rakaman begitu banyak sejarah yang dimuatkan dalam kitab Al Quran membuktikan kepada kita bahawa peranan sejarah amat kuat untuk mengubah dan mencorak cara hidup berbagai suku bangsa manusia sepanjang zaman.

Untuk menyiapkan penulisan buku ini saya sentiasa mendapat kerjasama kawan-kawan yang arif tentang penerbitan buku dan majalah, baik berupa sumbangan buah fikiran mahupun urusan mencari fakta-fakta, pengambilan gambar dan penyuntingan. Nama-nama mereka tidak perlu disebut di sini melainkan saya berserah saja kepada Allah SWT untuk mengurniakan pahala di sisi-Nya. Tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang menjadi sumber rujukan penulis (lebih daripada 70 sumber) baik berbentuk kenyataan lisan mahupun dari sumber tulisan mereka. Lebih-lebih lagi kepada waris terdekat, ahli keluarga dan sahabat-sahabat kepada tujuh tokoh pilihan ini di mana mereka begitu bermurah hati dalam memberi berbagai maklumat berharga bagi menyempumakan penulisan buku ini. Semoga kerjasama yang baik itu dinilai oleh Allah SWT sebagai amal soleh.

Alhamdulillah, walaupun dalam menjalankan usaha mencari maklumat dan urusan pengambilan gambar, saya terpaksa mcnempuh beberapa kesukaran ekoran ada di antara mereka yang berkenaan tidak bersedia memberi kerjasama; tidak senang dengan kerja-kerja ini dan ada yang seolah-olahnya menghalau kedatangan rombongan kami dan sebagainya, namun pada keseluruhannya kerja mendapatkan bahan-bahan maklumat itu berjalan begitu mudah sekali berkat kerjasama kawan-kawan dan doa orang yang soleh. Malah banyak juga bantuan-bantuan di luar dugaan yang kami perolehi sepanjang kerja-kerja ini dijalankan. Saya tidak dapat memaparkan di sini kerana ia akan mengambil ruangan yang panjang. Yang penting kita sentiasa mengharapkan bantuan Allah SWT.

Alhamdulillah, buku ini sudah berada di tangan pembaca. Dan dengan rendah diri saya sentiasa bersedia menerima teguran dan pandangan bagi memperbaiki keseluruhan biografi yang menyentuh diri tujuh tokoh kekasih Allah ini. Biar apa pun saya hanya sekadar berusaha sedaya mungkin bagi memperelokkan penulisan terutamanya memilih fakta-fakta yang sahih dan lebih kukuh tentang diri tokoh terpilih ini dan dari masa ke semasa kita sentiasa memperbaiki di mana saja ada kekurangan dan kelemahan yang masih boleh diperelokkan. Sesungguhnya kebenaran dan kebaikan yang ada semuanya datang dari Allah

SWT, manakala yang tidak benar itu datang daripada kelemahan diri saya sendiri. Dan hakikat segala-galanya daripada Allah SWT.

Moga-moga Allah terima amalan ini sebagai amal soleh. Semoga diberi-Nya hidayah dan taufik serta keampunan sekiranya semasa menulis buku ini terdapat berbagai sifat mazmumah yang datang ke dalam hati ibarat desiran semut hitam pada malam yang gelap-gelita; susah untuk dikesan dan susah untuk dibuang.

Buku ini kalau ada manfaatnya, saya hadiahkan pahala kepada arwah arwah ibu saya Hajah Sofiah binti Mat (kembali ke rahmatullah sewaktu saya berusia 9 tahun) dan ayah saya Haji Said bin Haji Ahmad yang kini berusia hampir 100 tahun, juga kepada guru-guru tersayang yang telah banyak mencurahkan ilmu dan bimbingan kepada saya. Begitu juga kepada kekasih Allah yang riwayat hidup mereka dipaparkan dalam buki ini; semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh-roh mereka dan berada di kedudukan yang tinggi lagi mulia di sisi-Nya. Amin ya Rabbal 'alamin.

Hamba yang dhaif,

Abdul Ghani Said

Kuala Lumpur.

Muqaddimah

SUKAR untuk mengenal seseorang itu sebagai wali, lebih-lebih lagi memang pada hakikatnya, hanya wali yang mengenal wali. Namun setiap orang wali ada ciri-ciri kewalian pada dirinya seperti warak, sangat kuat beribadah, berakhlak (berani, pemaaf, penyayang, tawadhuk, pemurah), bersyakhsiah, berpengaruh dan sebagainya.

Peribadinya terbilang hebat dan tidak kelihatan cacat-celanya (walaupun bukan maksum seperti nabi dan rasul). Beraninya ketara kerana dia hanya takut kepada ALLAH. Air mukanya menyenangkan hati setiap orang yang memandangnya dan membuat orang jatuh kasih dan taat kepadanya. Dia amat disayangi oleh masyarakat dan amat dibenci (tapi dikagumi) oleh musuh-musuhnya. Cakap-cakapnya bernas dan berisi, tidak ada yang sia-sia. Lidahnya masin (terjadi apa yang dicakapkannya). Dan banyak lagi sifat terpuji ada pada dirinya.

Sifat-sifat ini jelas tertonjol pada tujuh wali Melayu yang kita ketengahkan di sini. Sebenarnya banyak lagi wali di Tanah Melayu yang hidup pada zaman itu, cuma sejarah hidup perjuangan mereka tidak ditonjolkan.

Tujuh wali yang menjadi fokus buku ini hidup sezaman iaitu antara awal abad ke-19 dan awal abad ke-20 ketika penjajah British sedang menguatkan cengkamannya ke atas negeri-negeri Melayu melalui dasar 'pecah dan perintah'nya (divide and rule). Ketika itu umat melayu rata-rata masih belum kuat asas agamanya, baik dari segi ilmu mahupun amalan. Para aulia Allah ini tampil untuk menguatkan benteng aqidah dan menyemarakkan amalan Islam di kalangan orang-orang melayu khususnya persoalan hablumminallah.

Dengan gigihnya tokoh-tokoh ini melagang kelas-kelas pengajian formal yang dihadiri oleh ramai anak murid. Tuan Hussein misalnya, mengasaskan enam buah pondok pengajian dan beliau sendiri menjadi tuan guru utama. Tuk Kenali pula terkenal sebagai pelopor kebangkitan pondok ketika mana pengaruh pondok begitu ketara sekali di Tanah Melayu serentak dengan kehebatan pengaruh pondok pesantren di Indonesia. Syeikh Said Al Linggi dan Syeikh Muhammad Nor Al Kholidi jugat turut membangunkan pondok pengajian masing-masing di samping menjadi khalifah tareqat.

Sebenarnya, seperti juga di Indonesia, corak pengajian Islam secara bersistem telah lama wujud sebelum zaman wali-wali ini, sepertimana yang dibangunkan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (bergelar Tuk Pulau Manis dan juga terkenal sebagai wali ALLAH) di Terengganu pada abad ke-17. Begitu juga dengan Syeikh Ar Raniri di Acheh. Maka dengan itu peranan wali-wali Melayu ini ialah meletakkan asas yang lebih kukuh dan lebih kemas bagi sistem pengajian pondok yang sudah diasaskan oleh ulama sebelumnya.

Pada zaman mereka dan selepasnya iaitu menjelang akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, pondok-pondok pengajian mercup tumbuh di merata pelusuk tanahair, dan sesetengahnya masih wujud hingga ke hari ini. Kecuali Tuan Tulis dan Habib Noh, mereka ini memainkan peranan penting menyuburkan sistem pengajian pondok di Tanah Melayu waktu itu. Tukku Paloh, walaupun tidak mengasaskan sistem pengajian pondok, tetapi giat mengembangkan ilmu dan mempunyai ramai pengikut. Beliau juga terkenal sebagai ulama rohani yang menjadi benteng kepada kemaraan musuh untuk menjajah Terengganu. Manakala Tuan Tulis dan Habib Noh masing-masing mempunyai peranan besar yang tersembunyi.

Baik secara langsung atau tidak, tokoh-tokoh wali ini juga telah berusaha melahirkan thoifah-thoifah atau jemaah kecil-kecilan sama ada dalam bentuk jemaah pengajian atau masyarakat Islam yang mereka wujudkan. Peranan thoifah ini diberitahu oleh Rasulullah SAW dalam sabda baginda yang bermaksud:

> "Akan sentiasa ada satu thoifah (golongan) daripada umatku yang dapat menzahirkan kebenaran; tidak dapat dimudaratkan oleh orang-orang yang menentang, hinggalah datang perintah Allah (Qiamat)."

Kini peranan ini diambil alih oleh pejuang-pejuang Islam akhir zaman yang membentuk thoifah (jemaah) yang terdiri dari kumpulan kerohanian, khususnya di Timur atau lebih tepat lagi di Alam Melayu ini. Sesuai dengan taraf sebagai thoifah mereka tidaklah dapat menguasai negara, jauh sekali dunia. Tetapi thoifah ini cukup berperanan untuk memelihara bara api Islam dari terus padam.

Ada di kalangan tokoh-tokoh wali ini mempunyai pengalaman berdepan secara langsung dengan penjajah. Antaranya Tukku Paloh di Terengganu dan Habib Noh di Singapura. Mereka digeruni oleh penjajah, dan kehadiran mereka sedikit sebanyak dapat mengimbangi pengaruh penjajah.

Jalan perjuangan yang dipilih oleh para aulia ALLAH ini adalah jalan yang lemah-lembut iaitu melalui dakwah dan tarbiah. Mereka tidak terpengaruh dengan perjuangan berlandaskan semangat nasionalisme sempit sebagaimana dilakukan oleh setengah golongan pejuang di merata dunia. Mereka juga menolak perjuangan secara revolusi seperti yang dilakukan di beberapa negara lain pada masa itu termasuk di Jepun dengan Revolusi Meijinya (1869) yang merupakan revolusi pertama berlaku di Asia sebagai reaksi dari kehadiran kuasa penjajah.

Malah tujuh wali Melayu ini sangat berhalus dalam siasah mereka untuk menyelamatkan aqidah umat Melayu dari diresapi racun sekularisme dan cucukan jarum kristian yang dibawa oleh penjajah. Tukku Paloh dan Tuan Hussein Kedah misalnya, mempunyai hubungan baik dengan sultan yang memerintah; membolehkan berlakunya gandingan rapat antara ulama dan umarak untuk berdepan dengan sebarang pengaruh luar.

Kejayaan orang-orang pilihan ALLAH ini memimpin masyarakat waktu itu bukan saja disebabkan bijaknya mereka mengatur strategi dan bersiasah tetapi juga hasil dari kekuatan dalaman atau kerohanian serta dibantu oleh karamah yang ALLAH anugerahkan kepada mereka.

Dalam hubungan ini, ketujuh-tujuh tokoh yang terkemuka ini adalah ahli-ahli rohani yang mengamalkan tareqat. Tukku Paloh adalah khalifah Tareqat Naqsyabandiah, Syeikh Said Al Linggi khalifah Tareqat Ahmatfiah, Syeikh Muhammad Nor Al Kholidi khalifah Tareqat Naqsyabandiah, Tuk Kenali mengamalkan Tareqat Ahmadiah dan Tuan Hussein mengamalkan Tareqat Syathariah. Cuma Habib Nuh dan Tuan Tulis tidak dapat dipastikan bentuk wirid yang menjadi amalan mereka. Yang pasti, mereka terkenal sebagai ahli kerohanian yang dapat menyingkap rahsia-rahsia ghaib.

Melihat peri pentingnya soal ini maka sudah sampai masanya hal-hal kerohanian dan yang menyentuh tentang kewalian diberi perhatian oleh umat Islam. Dalam keadaan masyarakat yang sedang dilanda berbagai-bagai krisis pada hari ini, barangkali hanya pemimpin bertaraf wali yang mampu mengembalikan masyarakat kepada kesejahteraan total. Pemimpin taraf biasa tidak mungkin dapat berbuat demikian kerana mereka tidak mempunyai apa-apa kelebihan luar biasa untuk mengubat segala penyakit masyarakat yang sedang kronik.

Oleh itu eloklah kita mengenal peribadi dan liku-liku perjuangan wali sebelum tiba masanya kelak kita duduk di bawah pimpinan wali.

Darihal Wali dan Kewalian

PARA wali adalah kekasih-kekasih ALLAH; golongan yang amat hampir dengan ALLAH (muqarrabin). ALLAH jelaskan dalam satu Hadis qudsi bahawa mereka itu mendengar dengan pendengaran ALLAH, melihat dengan penglihatan ALLAH, dan berkata-kata dengan perkataan ALLAH. Memuliakan mereka bererti memuliakan ALLAH, manakala menghina mereka bererti juga menghina ALLAH. Hingga ada ulama berkata, menghina wali ALLAH dengan kata-kata dan sebagainya, adalah petanda mati dalam suul khatimah. Wal 'iyazubillah. Sebab itu ALLAH juga berfirman dalam Hadis qudsi lain:

"Barang siapa memusuhi wali-Ku, maka Aku akan mengisytiharkan perang terhadapnya."

(Riwayat Al Bukhari)

Berkata seorang ulamak yang arif dalam tulisannya bahawa:

"Wali ALLAH atau kalimah jamaknya aulia ALLAH. Wali juga ertinya pemimpin. Boleh juga diberi erti kekasih yang dilantik oleh ALLAH. Jadi seseorang ulama yang mencapai darjat wali ALLAH ini adalah seorang kekasih ALLAH yang dilantik oleh ALLAH untuk memimpin. Wali ALLAH adalah orang yang paling bersih, murni lahir dan batin dan orang-orang suci-Nya.

Ulamak Sufi menjelaskan bahawa terdapat bermacam-macam jenis atau peringkat wali yang dilantik. oleh ALLAH dengan syarat-syarat perlantikan yang hanya ALLAH jua mengetahuinya, iaitu:

1. Ghaus (Kutubul Aqthab)

Ghaus adalah gelaran kepada ketua wali di sesuatu zaman. Ketua wali disebut juga Sultanul Aulia. Ghaus cuma seorang untuk satu zaman.

2. Wali Kutub

Istilah jamak (ramai) bagi kutub ialah aktab. Bilangan wali Kutub di setiap zaman ialah empat orang.

3. Wali Najib

Najib gelaran bagi seorang. Kalau ramai disebut Nujabak. Bilangan mereka di setiap zaman 300 orang.

4. Wali Watad

Jamaknya Autad. Bilangan wali Autad untuk satu-satu zaman ialah empat orang.

5. Wali Badal

Jamak bagi Badal ialah Abdal. Bilangan mereka 40 hingga 60 orang untuk sezaman. Ada qaul mengatakan 30 orang, 14 orang dan ada mengatakan hanya tujuh orang saja.

6. Wali Naqib

Panggilan ramai bagi Naqib ialah Nuqabak. Bilangan untuk sezaman ialah 40 orang.

Di bawah disenaraikan antara wali-wali besar yang sebahagiannya bukan saja memerintah negeri dan negara bahkan memerintah dunia:

1. Sahabat-sahabat Rasulullah SAW terutama Khulafa'ur Rasyidin.

2. Imam-imam mazhab (dalam ilmu feqah dan tauhid) terutamanya imam mazhab yang empat.

3. Para mujaddid terutamanya Sayidina Umar Abdul Aziz (mujaddid kurun pertama) dan Imamul Mahdi (mujaddid kurun ke-15).

4. Para perawi Hadis seperti Imam Bukhari, Imam Termizi dan Imam Muslim.

5. Pengasas-pengasas tareqat seperti Tareqat Naqsyabandiah, Ahmadiah, Qadariah, Aurad Muhammadiah dan lain-lain.

6. Ulama-ulama besar sufi seperti Imam Hassan Al Basri, Syeikh Junaid Al Baghdadi, Syeikh Abu Yazid Bustami, Syeikh Abdul Kadir Jailani, Imam Al Ghazali, Syeikh Abu Hassan Syazali, Imam Sayuti, Imam Nawawi, Syeikh Ramli dan ramai lagi.

7. Di kalangan wanita, antaranya ialah Sayidah Nafisah dan Rabiatul Adawiyah. Juga isteri-isteri Rasulullah dan puterinya Siti Fatimah Az Zahrah.

Terdapat wali yang orang tidak kenal kewalian dan kemuliaan mereka, malah disangka gila. Misalnya Uwais Al Qarni yang hidup sezaman dengan Rasulullah tetapi tidak pernah berjumpa dengan baginda. Kewaliannya diberitahu oleh baginda Rasulullah sendiri kepada Sayidina Umar Al Khattab dan Sayidina Ali Abi Talib. Begitu juga dengan Sahabat Huzaifah Al Yamani, walaupun tidak terkenal dalam bidang kepimpinan tetapi banyak mengetahui rahsia-rahsia kerohanian. Malah Sayidina Umar pun merujuk kepadanya. Demikian lagi peranan Nabi Khidir a.s. di zaman Nabi Musa a.s. Dan dalam buku ini, Habib Nuh dan Tuan Tulis tergolong dalam golongan wali kategori ini.

Wali-wali yang tersembunyi ini pada lahirnya tiada apa-apa keistimewaan. Tetapi sebenarnya mereka adalah manusia yang sangat penting pada dunia. Sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

1. Doa mereka sangat makbul. Yakni permintaan mereka ALLAH tunaikan. Rintihan mereka ALLAH beri perhatian.

2. Walaupun tidak memimpin dan tidak terkenal, namun sikap hidup serta percakapan mereka menjadi ikutan dan tiruan orang-orang sekeliling. Ertinya, adanya mereka di satu-satu tempat sudah cukup untuk mengubah akhlak manusia.

3. Dengan adanya orang-orang seperti mereka di muka bumi ini, maka ALLAH masih menurunkan hujan, memberi rezeki dan memberi bantuan kepada semua manusia termasuk yang derhaka. Juga ALLAH pindahkan atau alihkan azab dan bencana tenggelam atau karamnya bumi ini. Sekurang-kurangnya azab itu dibuat bertahap-tahap, berperingkat-peringkat hingga berpeluang bagi manusia menyelamatkan diri dan bertaubat. Sedangkan kalau azab itu diturunkan sekaligus secara menyeluruh, habislah manusia ini.

4. Ada Hadis yang mengatakan, kerana mereka inilah (orang-orang soleh dan wali-wali-Nya) dunia belum diqiamatkan.

Sebagai golongan istimewa di sisi ALLAH, mereka dianugerahkan penghormatan dengan berbagai kelebihan dan kemuliaan berupa karamah yang tidak diberi pada manusia biasa (orang awam). Justeru itu tidak hairanlah di kalangan orang ramai akan mengaitkan cerita-cerita tentang karamah apabila memperkatakan darihal peribadi seseorang wali itu.

Dalam pada itu orang ramai umumnya hanya mengenali karamah-karamah berbentuk zahiriah atau karamah hissi iaitu kejadian-kejadian luar biasa yang mencarik adat yang berlaku pada wali-wali dan dapat dilihat dengan mata zahir. Contohnya seperti karamah boleh berjalan di atas air, boleh berada di dua tiga tempat dalam satu masa, boleh terbang di udara, boleh bergerak dari setempat ke setempat dengan sekelip mata, dan sebagainya.

Tetapi jarang orang mengetahui terdapatnya satu bentuk lagi karamah anugerah ALLAH pada para aulia yang dipanggil karamah maknawiyah. Karamah bentuk ini tidak dapat dilihat dengan mata zahir tetapi hanya dapat dilihat dan diketahui oleh orang yang mempunyai ketajaman mata hati. Keistimewaan karamah maknawiyah antara lain ialah kata-katanya memberi kesan pada hati pendengar hingga mendorong orang membuat perubahan pada jalan kebaikan. Malah orang ramai akan ikut tingkah laku dan cakap-cakapnya. Biasanya karamah bentuk ini lebih menonjol pada para wali yang memimpin umat di samping dikurniakan juga karamah-karamah zahiri atau hissi.

Ini kerana bukan senang memimpin orang ramai kepada kesedaran beragama dan amalan Islam, lebih-lebih lagi zaman sekarang di mana orang ramai begitu sibuk dengan kehidupan dunia hatta menilai agama pun berdasarkan kedudukan, dan pengaruh wang ringgit. Walaupun terdapat setengah orang hebat berceramah di sana-sini dan dapat menghimpun ribuan orang mendengarnya, tapi sayangnya para pendengar tak boleh buat perubahan melainkan dalam soal-soal ibadah khusus sahaja. Manakala kehidupan seharian mereka tetap bercampur aduk dengan aneka maksiat.

Mereka ini kebanyakannya berpegang pada konsep fifty-fifty: Akhirat hendak juga, dunia pun hendak juga. Maksiat tak apa asalkan diimbangi dengan amal kebaikan; air dan minyak tak akan bercampur, kata mereka. Lalu di samping diadakan program agama, diperbanyakkan juga program maksiat. Atau dengan kata lain, perkara-perkara yang haq dicampur dengan yang batil hingga melahirkan umat Islam yang bertasabuh. Hingga musuh ambil peluang untuk melekangkan roh Islamiah dari hati umat Islam. Kita khuatir, aktiviti-aktiviti agama akhirnya akan jadi satu macam hobi bagi menghabiskan masa yang terluang sahaja sedangkan dalam masa yang sama maksiat semakin menjadi-jadi dan bermaharajalela. Kebimbangan ini perlu diatasi segera sebelum ianya menjadi jauh lebih kronik.

Di sinilah peranan wali ALLAH yang memiliki karamah maknawiyah yang layak memimpin umat manusia kerana akhlak dan tutur katanya dapat menarik orang ramai kembali kepada cara hidup Islam di tengah-tengah suasana kehidupan yang penuh mungkar. Tidak mustahil berlakunya dengan sekali dia berceramah, berpuluh orang boleh buat perubahan.

Contoh karamah maknawiyah lagi ialah dapat merasa kelazatan beribadah tanpa diusahakan sungguh-sungguh, dapat tinggalkan maksiat tanpa susah-susah mujahadah, dapat istiqamah dengan sesuatu amalan seperti boleh berada di tikar sembahyang beberapa minit lebih awal pada setiap waktu sembahyang fardhu, dan sebagainya. Atau karamah dapat pertahankan wudhuk untuk tempoh yang lama seperti Syeikh Abdul Qadir Jailani, Uwais Al Qarni, Rabiatul Adawiyah dan umum para wali ALLAH yang sembahyang Subuh dengan wudhuk sembahyang Isyak. Dan mereka sentiasa dalam keadaan berwudhuk setiap waktu dan ketika.

Nyatalah dari kedua-dua bentuk karamah ini, karamah yang lebih utama ialah karamah maknawiyah kerana ia boleh menyelamatkan tuan punya diri dari api Neraka. Ada wali yang dikurniakan satu bentuk karamah saja, ada yang dapat dua-dua sekali, bahkan ada wali yang berdoa kepada ALLAH agar tidak dikurniakan karamah terutama karamah zahiriah kerana takut tidak dapat menjaga nikmat ALLAH itu.

Bagaimanapun, kedudukan aulia di sisi ALLAH tidak ditentukan oleh karamah. Sesetengah wali tidak ada apa-apa karamah, tapi dia tetap mulia pada pandangan ALLAH. Cuma banyak wali yang dikurniakan

karamah kerana melaluinya ALLAH hendak kuatkan agama-Nya (sebagai hujah mempertahankan kebenaran) dan untuk memberi pengajaran atau menambah keyakinan pada diri wali itu sendiri.

Bagi wali yang menjadi pemimpin sama ada pemimpin negara, masyarakat atau jemaah, karamah merupakan kemudahan untuk mengatur masyarakat. Ini berlaku pada beberapa orang tokoh wali yang akan kita paparkan kisah hidup dan liku-liku perjuangan mereka di dalam buku ini iaitu Tukku Paloh, Tuk Kenali, Syeikh Muhammad Nor Al Kholidi, Syeikh Said Al Linggi dan Tuan Hussein. Mereka terkenal sebagai pemimpin masyarakat dan pemimpin jemaah pengajian.

Manakala Habib Nuh dan Tuan Tulis pula tidak berapa ketara peranannya di tengah masyarakat. Mereka tidak memimpin masyarakat secara langsung tetapi memainkan peranan tersendiri sebagai pendidik masyarakat. Seperti kata seorang ulamak:

"Pemimpin tidak rasmi ialah orang yang diikuti akhlak dan sifatnya (sikapnya) tanpa dia sedar."

Kita dapati setiap orang wali itu berperanan mengikut syakilah (bakat) masing-masing. Secara umum mereka adalah penguat-penguat agama dan pembawa kesejahteraan pada masyarakat serta umat.

Dalam sejarah ada wali yang menjadi pemimpin negara seperti Khulafa'ur Rasyidin (Sayidina Abu Bakar, Umar, Usman dan Ali), Sayidina Umar Ibnu Aziz, Muhammad Al Fateh, Sultan Murad (bapa kepada Muhammad Al Fateh), Sultan Salahuddin Al Ayubi, dan lain-lain.

Ada juga wali yang menjadi pemimpin peringkat negeri seperti beberapa orang dari kalangan para Sahabat (Sayidina Bilal, Abu Ubaidah, Saad bin Abi Waqqas, Said bin Amir Al Jumahy dan lain-lain), kalangan Wali Songo di Tanah Jawa, dan banyak lagi.

Ada pula wali yang seperti tidak bermasyarakat tetapi kehadiran mereka menyebabkan masyarakat dapat tumpang barakah, seperti Uwais Al Qarni. Orang sepertinya terkenal di langit tapi tidak terkenal di bumi hingga riwayat hidupnya pun tidak diketahui orang.

Ketujuh-tujuh tokoh wali yang menjadi pilihan buku ini adalah tokoh-tokoh yang terkenal di Tanah Melayu ketika itu (termasuk Singapura). Maqam mereka dijaga dengan baik dan hingga kini sering dikunjungi pelawat.

Cerita-cerita tentang karamah adalah perkara biasa di kalangan masyarakat Islam di negara ini satu ketika dulu. Orang tidak anggap pelik kerana ramai yang telah menyaksikannya atau sekurang-kurangnya mendengar cerita dari orang yang melihat berlakunya karamah pada wali, terutama di kalangan anak murid wali itu sendiri. Cuma sekarang ini perkara itu sudah jarang diceritakan oleh umat Islam di zaman ini. Namun ini tidak bermakna wali sudah tidak wujud lagi.

Wali tetap ada di setiap zaman. Setiap meninggal seorang wali, ALLAH akan naikkan orang lain menggantikannya sebagai wali mengikut daijat-darjat tertentu. Cuma antara menonjol atau tidak menonjolnya mereka di tengah masyarakat.

1

AS SAYID HABIB NUH

Peranannya Tersembunyi

DI SINGAPURA, nama As Sayid Habib Nuh sudah tidak asing lagi. Beliau berketurunan Rasulullah SAW menerusi nasab Zainal Abidin bin Sayidina Hussein r.a. Maqamnya yang terletak di atas sebuah bukit kecil di Jalan Palmer, sering di-kunjungi pelawat terutama pada hari-hari cuti.

Pengunjung maqam itu bukan saja daripada kalangan orang Islam Singapura dan Malaysia tetapi ramai juga dari negara- negara Asia lain. Ini menunjukkan Habib Nuh r.h. lebih masyhur selepas kematiannya berbanding semasa hayatnya.

Sebagai seorang wali Allah, pelbagai cerita pelik dan luar biasa berlaku kepada dirinya, dan cerita-cerita itu belum di- tulis dalam bentuk buku atau manakib. Tulisan ini memaparkan sebahagian daripada keistimewaan, karamah dan kejadian-kejadian aneh yang berlaku ke atasnya yang menggambarkan beliau sebagai orang kerohanian yang mempunyai peranan tersendiri dan tersembunyi.

Hadiri Sidang Wali-wali

Orang hanya mengenali Sayid Habib Nuh sebagai wali Allah yang mempunyai pelbagai karamah, tetapi tidak ramai yang dapat menyelami peranannya sebagai orang kerohanian yang hampir dirinya dengan Allah SWT. Kerana peranan sebagai rijalullah atau rijalulghaib ini amat simbolik dan sukar di fahami menerusi bahasa dan pengertian yang zahir, sedangkan tugas mereka juga besar.

Barangkali tugas yang tersembunyi inilah yang diberikan kepada orang-orang seperti Nabi Khidir a.s. pada zaman Nabi Musa a.s., Abu Huzaifah r.a. pada zaman Sayidina Umar Al-Khattab r.a. dan Uwais Al Qarni pada zaman Sahabat dan tabi'in.

Nabi Khidir a.s. umpamanya, seorang yang tinggi kerohanian dan kasyaf sehingga Nabi Musa a.s. berguru dengannya dalam bidang kerohanian. Dengan kata lain, dalam soal menyingkap rahsia alam ghaib, Nabi Khidir a.s. melebihi Nabi Musa a.s. walaupun maqam Nabi Musa lebih tinggi kerana, selain terkenal di kalangan Bani Israil, Nabi Musa a.s. seorang rasul bertaraf ulul azmi. Banyak riwayat mengatakan Nabi Khaidir a.s. masih hidup dan masih berperanan (di alam kerohanian).

Abu Huzaifah r.a. pula dikurniai keistimewaan kasyaf; boleh mengenali orang-orang munafiq. Malah Sayidina Umar Al Khattab r.a. sewaktu menjadi khalifah sentiasa mendapat panduan daripada Abu Huzaifah untuk mengenal pasti orang-orang munafiq khususnya dalam menentukan seseorang yang meninggal dunia itu Mukmin atau munafiq. Walhal Sayidina Umar terkenal sebagai Sahabat yang lebih kanan dan dijamin masuk Syurga. Jelaslah Allah SWT membuka tirai hijab bagi Abu Huzaifah yang melihat perkara-perkara yang orang lain tidak dapat melihatnya.

Demikian juga Uwais Al Qarni yang "tidak terkenal di bumi tetapi terkenal di langit". Beliau adalah seafdhal- afdhal tabi'in. Rasulullah SAW berpesan kepada Sayidina Umar dan Sayidina Ali supaya menemui Uwais, dan "mintalah doanya". Sedangkan Sayidina Umar dan Sayidina Ali terkenal dengan ketaqwaan dan tinggi kerohanian.

Maka kedua-duanya, Sayidina Umar dan Sayidina Ali dari tahun ke tahun sibuk di musim Haji bertanya khabar kepada setiap khafilah yang datang dari Yaman kalau-kalau terdapat seorang bernama Uwais Al Qarni seperti sudah digambarkan oleh Rasulullah SAW itu. Akhirnya bertemu juga.

Uwais Al Qarni rupa-rupanya hanya seorang khadam penngembala kambing bagi kafilah dari Yaman yang disertainya. Dia tidak dipedulikan dan disangka seorang yang tidak begitu siuman. Tetapi matanya kebiru-biruan, dan kepalanya sentiasa dihanggukkan kerana berzikir. Apabila diminta berdoa untuk mereka, Uwais Al Qarni menjawab: "Aku tidak akan mendoakan kamu berdua tetapi aku berdoa untuk kesejahteraan semua manusia." Nyatalah doa orang seperti Uwais Al Qurni sangat makbul dan ianya diperlukan oleh dunia.

Berdasarkan ciri-ciri istimewa yang ada pada Nabi Khidir a.s., Abu Huzaifah r.a. dan Uwais Al Qarni r.h. maka ciri- ciri yang sama juga ada pada As Sayid Habib Nuh. Ini diakui oleh Syed Omar bin Abd Kadir Al Idrus, seorang ulama, cucu Tokku Paloh, sewaktu ditemui beberapa tahun lalu.

Pada masa hidupnya, Habib Nuh tidak dipedulikan malah dikata gila, tidak gemar bergaul dengan manusia. Cuma beliau dikenali sebagai seorang yang sangat menyayangi kanak- kanak kerana kanak-kanak tidak berdosa dan dijamin Syurga.

Dan Habib Nuh tidak meninggalkan apa-apa jasa berbentuk lahir seperti sekolah, kitab-kitab, atau masjid yang beliau bangunkan. Tidak ada. Anehnya, setelah meninggal dunia, beliau sangat masyhur.

Mengenai keistimewaan dan ketinggian kedudukan Habib Nuh, Pak Cik Muhammad Abu Bakar, 102 tahun, khadam kepada Syeikh Haji Said Al Linggi r.h. menceritakan satu peristiwa yang berlaku ke atas gurunya yang ada kaitan dengan As Sayid Habib Nuh:

Pada satu hari, seperti biasa Syeikh Muhammad Said masuk ke bilik suluk khas selepas sembahyang jemaah Asar. Seperti biasa juga, Pak Cik Muhammad menunggu di luar bilik kalau-kalau beliau dipanggil masuk oleh gurunya untuk satu-satu hajat. Tetapi pada petang itu beliau tidak dipanggil, dan gurunya keluar dari bilik suluk itu apabila hampir masuk waktu Maghrib dan terus sembahyang jemaah Maghrib bersama anak-anak muridnya.

Malam itu Syeikh Said tidak mengajar. Selesai sembahyang sunat, beliau bercakap dengan Pak Cik Muhammad secara empat mata.

"Engkau tahu aku pergi ke mana tadi?" kata Syeikh Said. "Saya tidak tahu," jawab Pak Cik Muhammad dengan beradab.

"Aku pergi bersidang di Bukit Qhauf. Aku dan Habib Nuh sahaja yang mewakili umat sebelah sini. Rasulullah SAW juga hadir, dan engkau jangan cerita berita ini kepada sesiapa sebelum aku mati."

Pak Cik Muhammad Abu Bakar menyimpan amanat ini sehingga beliau memberitahu penulis sewaktu ditemui di rumahnya di Seremban pada tahun 1991. Syeikh Said Linggi meninggal dunia pada tahun 1926.

Menurut Pak Cik Muhammad, Bukit Qhauf itu duduk di luar daripada Alam Syahadah. Wallahu a'lam.

"Walaupun persidangan itu dihadiri oleh Rasulullah SAW tetapi ia dipengerusikan oleh seorang lain, tak tahulah siapa orang istimewa itu," tambah Pak Cik Muhammad. "Bila ditanya siapa orang yang mempengerusikan majlis itu, Syeikh Said tidak memberitahu."

Syeikh Said memberitahu juga bahawa majlis yang dihadiri oleh beliau dan Habib Nuh ialah persidangan wali-wali yang membincangkan, di antara lain, tentang satu wabak yang akan turun, yakni wabak cacar. Dan para wali yang bersidang itu mohon bala itu supaya tidak turun. Alhamdulillah, makbul. Tetapi, menurut Pak Cik Muhammad, "tempiasnya" masih mengenai orang ramai sehingga ramai yang mati terutamanya orang-orang kafir. (Wabak cacar pada masa itu merupakan penyakit yang sangat merbahaya dan belum ditemui ubatnya).

"Saya tiga hari pengsan, dan bahu saya masih berparut diserang wabak cacar itu. Itu pun Syeikh Said yang mengubat saya," kata Pak Cik Muhammad sambil menunjuk parut cacar di atas bahunya.

Cerita ini menggambarkan peranan tersembunyi As Sayid Habib Nuh sebagai 'pencatur dunia' yang mana kenyataan ini sukar diterima oleh mereka yang hanya menggunakan akal dalam menilai sesuatu kebenaran.

Pakcik Muhammad Abu Bakar menunjukkan bekas parut di bahunya akibat penyakit cacar.

Para pelawat berdoa di maqam Habib Nuh.

Menunduk Gabenor Yang Angkuh

As Sayid Habib Nuh dikurniai Allah berbagai-bagai karamah sebagai tanda kemuliaan pada dirinya. Pelbagai cerita mengenai kewalian dan karamah beliau dibawa dari mulut ke mulut sehinggalah kepada Sayid Hassan Al Khattib, penjaga maqam Habib Nuh r.h. Di antaranya adalah seperti berikut:

As Sayid Habib Nuh bersikap tidak menghormati orang- orang yang angkuh dengan kekayaan atau jawatan duniawi. Begitulah, walaupun orang menghormati atau takut kepada Crawford, Gabenor Singapura ketika itu, tetapi Habib Nuh tidak pernah menghormati atau takut kepada wakil penjajah itu.

Dalam satu peristiwa, Gabenor Crawford marah dan menghina Habib Nuh kerana Habib Nuh tidak menghormatinya. Tiba-tiba saja kereta kuda yang dinaiki Gabenor itu terlekat di bumi dan tidak dapat bergerak. Gabenor naik marah dan bertanya hal itu kepada pengiringnya. Tetapi pengiring itu bertanya kepada tuan Gabenornya, "Tahukah tuan siapakah orang yang tuan marah dan hina itu?"

Gabenor menjawab, "Itu orang gila."

"Sebenarnya dia bukan gila tetapi dia orang baik dan ada karamah. Lihat, bila tuan marah pada dia, dia sumpah dan sekarang kereta tuan tidak dapat bergerak," jelas pengiringnya.

Gabenor menjadi takut dan akhirnya meminta maaf kepada Habib Nuh. Setelah Habib Nuh menepuk-nepuk kaki kuda itu, barulah kuda itu berjalan pantas seperti biasa. Sejak itu Gabenor sedar betapa As Sayid Habib Nuh r.h. mempunyai kelebihan luar biasa.

Bagaimanapun, pada satu ketika Gabenor Crawford terus bersikap bongkak dan sombong dan memerintahkan orang- orangnya menangkap Habib Nuh dan mengurungnya di dalam penjara dengan kaki dan tangannya dirantai. Tindakan keras ini diambil kerana As Sayid Habib Nuh tetap enggan menghormati wakil penjajah yang beragama kristian itu. Anehnya, para pengawal penjara kemudian melihat Habib Nuh berada di luar penjara. Tangan dan kakinya tidak dirantai.

Walaupun ditangkap semula, dia tetap dapat keluar dan kelihatan seolah-olah tidak ada apa-apa yang berlaku padanya. Akhirnya beliau dibebaskan sepenuhnya.

Dalam satu peristiwa lain, ketika sebuah kapal hendak belayar, muncul Habib Nuh di pelabuhan. Habib Nuh menahan barang-barang yang berharga daripada dibawa bersama dalam pelayaran itu. Orang-orang yang terlibat tidak senang dengan sikap Habib Nuh tetapi Habib Nuh tetap bertegas: "Tidak boleh barang-barang yang berharga itu dibawa."

Setelah lama berbalah, akhirnya orang ramai terpaksa akur dengan kemahuan Habib Nuh itu dan pemilik barang-barang tersebut tidak jadi mengirim barangnya dengan kapal itu.

Beberapa hari kemudian, penduduk Singapura mendapat berita bahawa kapal yang belayar itu terbakar dan tenggelam di tengah lautan. Barulah tuan punya barang-barang tersebut sedar hikmah di sebalik larangan Habib Nuh itu. Beliau bersyukur yang tidak terhingga kepada Allah SWT.

Seorang lelaki yang hendak belayar menemui Habib Nuh meminta beliau mendoakan agar pelayarannya itu selamat. Alhamdulillah, lelaki itu selamat dalam pelayaran. Dan anehnya apabila sampai di tempat yang dituju dan sebaik saja turun dari kapal, didapatinya Sayid Habib Nuh sedang menunggunya. Orang itu terperanjat, bagaimana Sayid Habib Nuh boleh berada di situ dan dengan apa dia datang.

Dalam satu penstiwa lain, seorang berniat dalam hatinya ketika hendak belayar, sekiranya dia selamat pergi dan balik dia akan menghadiahkan kain kepada Habib Nuh. Setelah 10 tahun berlalu, dia pun pulang dari pelayaran itu. Habib Nuh pergi menemuinya dan menuntut kain seperti yang diniatkannya itu. Orang itu terperanjat kerana dia tidak pernah menyatakan niatnya itu kepada sesiapa dan dia sendiri sudah lupa dengan niatnya itu kerana terlalu lama, tetapi Habib Nuh datang mengingatkannya akan niat baiknya itu.

Menurut orang-orang yang hidup sezaman dengan Habib Nuh, mereka pernah bertemu atau berada dengannya di beberapa tempat dalam satu masa yang sama. Kejadian seperti ini tidak pelik bagi para wali-wali Allah.

Syed Mohd Rosdi (kiri), yang lebih dikenali sebagai Tok Aki, bersama Abuya Imam Ashaari Muhammad At Tamimi dalam satu pertemuan di Singapura pada Mei 1991. TukAki adalah ahli keluarga Habib Nuh dan merupakan mur'id Sayidi Syiekh Muhammad bin Abdullah As Suhaimi (pengasas Tareqat Aurad Muhammadiah) yang masih hidup.

Maqam Habib Nuh r.h. di atas bukit, di Jalan Palmer, Singapura.

Antara sifat yang menonjol pada diri Sayid Habib Nuh ialah, beliau sangat menyayangi kanak-kanak. Sering orang bertemu Habib Nuh dikelilingi oleh kanak-kanak. Ini sesuatu yang ganjil. Kadang-kadang beliau singgah di kedai-kedai bersama kumpulan kanak-kanak, dan kanak-kanak itu mengambil seberapa banyak makanan yang ada tanpa membayar apa-apa.

Anehnya, tuan-tuan kedai tidak pula melarang perbuatan itu. Kerana mereka yakin kedai mereka akan beroleh berkat jika dikunjungi Habib Nuh bersama kumpulan kanak-kanak itu. Ini terbukti, mana-mana kedai orang Islam yang didatangi oleh Habib Nuh bersama kanak-kanak itu, kemudiannya menjadi maju dan tidak putus-putus dikunjungi pelanggan.

Sayid Habib Nuh sayang kepada kanak-kanak kerana mereka adalah alilul Jannah (ahli Syurga).

Syed Hassan Al Khattib, orang yang banyak mengetahui riwayat hidup Habib Nuh.

Kelakuan Sayid Habib Nuh itu agak ganjil bagi seorang yang sudah tua. Memang itu merupakan di antara keganjilan Habib Nuh, seorang yang mempunyai keistimewaan yang terlindung.

Wasiat Supaya Dikebumi Atas Bukit

Sebelum meninggal dunia, As Sayid Habib Nuh r.h. berwasiat supaya jenazahnya dikebumikan di sebuah bukit kecil di Jalan Palmer. Wasiat itu agak ganjil. Bukan saja tempat yang dimaksudkannya itu terasing daripada kubur orang-orang lain tetapi bukit tersebut juga terlalu hampir dengan laut dan sering terdedah kepada pukulan ombak.

Tidak lama kemudian, iaitu pada 14 Rabiulawal 1283H, As Sayid Habib Nuh kembali ke rahmatullah. Urusan pengkebumian terus dijalankan. Memandangkan bukit di Jalan Palmer itu dari masa ke masa dihakis oleh air maka keluarga Habib Nuh berbincang semula dan akhirnya memutuskan untuk mengkebumikan jenazah beliau di tempat lain.

Setelah selesai dimandikan, dikapan dan disembahyangkan, orang ramai pun hendak mengangkat jenazahnya untuk dibawa ke kubur. Tetapi entah mengapa keranda yang berisi jenazah yang mulia itu tidak terangkat. Walaupun dicuba oleh puluhan orang namun tidak juga terangkat. Semua hadirin menjadi hairan dan heboh.

Datang seorang yang berilmu mengingatkan tentang wajibnya menunaikan wasiat. Dia menasihatkan ahli keluarga Habib Nuh supaya mengkebumikan saja jenazahnya di tempat yang diwasiatkan itu. Tentang apa saja akan berlaku ke atas bukit itu, serah saja kepada Allah SWT. Mungkin melalui pandangan kasyafnya, As Sayid Habib Nuh nampak bukit itu akan tetap terpelihara keadaannya sampai bila-bila.

Ahli keluarga dan hadirin akur dengan nasihat tersebut. Selepas itu keranda Habib Nuh dapat diangkat dengan mudah untuk dikebumikan di tempatnya sekarang (bukit kecil di Jalan Palmer).

Diceritakan juga, keranda itu terpaksa dibawa melalui satu lorong kecil yang di kiri kanan dan di atasnya penuh dengan pokok buluh Cina. Semasa melalui lorong itu, keranda tersebut merempuh sarang tebuan sehingga sarang itu pecah. Tetapi tebuan-tebuan itu tidak sedikit pun mengganggu orang ramai yang mengiringi jenazah itu.

Beberapa tahun selepas jenazah Habib Nuh dikebumikan iaitu pada tahun 1890, seorang hartawan bernama Sayid Muhammad bin Ahmad Al Sagof membuat binaan di atas maqam Habib Nuh itu. Beberapa tahun lalu maqam itu dibaik pulih kerana binaan lama sudah hampir roboh.

Pada tahun 1962, kerajaan Singapura menambak laut di sekitar maqam itu sehingga menjadi dataran, dan di situ di- dirikan bangunan-bangunan. Keadaan tempat itu sekarang jauh berbeza dengan apa yang digambarkan akan berlaku sebelum adanya maqam Habib Nuh di situ. Dengan itu maqam As Sayid Nuh terus terselamat. Beberapa tahun lalu, urusan penjagaan maqam ini diambil alih oleh Majlis Ugama Islam Singapura.

Dan seperti biasa maqam Habib Nuh itu sering diziarahi oleh orang ramai termasuk orang-orang Arab dari Hadralmaut dan negara-negara Arab lain, serta umat Islam di sekitar Asia untuk mendapat keberkatan daripada kewaliannya. Juga sebagai memenuhi seruan Rasulullah SAW supaya menziarahi kubur agar dapat mengingati mati (zikrul maut).

2

TOKKU PALOH

Ulama Regu Sultan

TUKKU PALOH atau nama sebenarnya Sayid Abdul Rahman bin Muhammad Al Idrus adalah ulama kerohanian yang berkecimpung dalam bidang pentadbiran dan diplomatik di Terengganu. Beliau hidup dalam zaman pemerintahan lapan orang sultan silih berganti; paling lama dan paling kuat pe- ngaruh beliau ialah semasa pemerintahan Sultan Zainal Abi- din III, Sultan Terengganu ke-11.

Kerana kewibawaannya, beliau diberi mandat oleh Sultan mentadbir kawasan Paloh dan mengawasi kawasan Hulu Terengganu. Beliau juga diterima sebagai penasihat pertama dan utama kepada Sultan dalam berbagai persoalan. Beliau tegas dan pintar dalam bidang diplomatik, dan sering diberi peluang mewakili Sultan berunding dengan pihak British sehingga pada zaman itu British gagal menjajah Terengganu.

Tukku Paloh terkenal sebagai seorang wali ALLAH yang mempunyai berbagai karamah dan sentiasa mendapat bantuan ALLAH SWT khususnya sewaktu mengendalikan urusan rakyat. Tukku Paloh adalah khalifah Tareqat Naqsyabandiah, dan beliau turut mengamal dan mengembangluaskan 'Syahadat Tukku', satu amalan yang disusun oleh ayahnya Tukku Tuan Besar.

Pencatur Dasar Luar Terengganu

"Kalau untuk mencampuri urusan pentadbiran kami, saya me-nolak walau atas alasan apa sekalipun," kata Tukku Paloh.

"Tetapi, kalau hendak tanah, silakan. Isilah ke dalam armada tuan sebanyak mana pihak British mahu... ambillah tanah."

Itulah jawapan Tokku Paloh kepada wakil British, semasa berlaku perundingan antara pihak British dengan Tokku Paloh yang mewakili kerajaan Negeri Terengganu. Jawapan dalam bentuk sindiran itu, yang diluahkan dengan tenang tapi tegas, ternyata menyakitkan hati wakil-wakil British itu. Mereka ba- ngun untuk beredar. Tetapi, dengan kuasa ALLAH, punggung mereka tidak semena-mena terlekat di kerusi. Apabila mereka mengangkat punggung, kerusi turut terangkat sama buat seketika sebelum jatuh ke lantai. Waktu itu Tukku Paloh bersuara secara bersahaja:

"Sudahlah tuan-tuan hendak ambil tanah Terengganu, kerusi rumah saya pun tuan-tuan hendak ambil."

Demikianlah gagalnya diplomasi British untuk menjajah Terengganu pada sekitar awal abad ke-20. Taktik diplomasi yang berjaya digunakan di beberapa negeri lain, gagal di Terengganu kerana adanya gandingan rapat antara ulama dan umarak (pemerintah). Tegasnya, antara Sayid Abdul Rahman Al Idrus atau Tukku Paloh, dengan Sultan Zainal Abidin III, Sultan Terengganu ke-11 (memerintah 1881-1918).

Keturunan Rasulullah

Dilahirkan pada tahun 1817 (1236 Hijrah) di Kg. Cabang Tiga, Kuala Terengganu, Tukku Paloh adalah nasab ke-32 daripada Rasulullah SAW di kalangan keluarga Al Idrus. Nasab sebelah bapanya sampai kepada Sayidina Hussein r.a. anak Sayidatina Fatimah Az Zahrah r.ha. binti Rasulullah.

Ibunya, Hajah Aminah, ialah isteri pertama daripada beberapa orang isteri Sayid Muhammad yang terkenal dengan gelaran Tukku Tuan Besar. Semasa pemerintahan Sultan Omar, Tukku Tuan Besar menjadi Syeikhul Ulama iaitu ketua seluruh ulama Terengganu, dan dianugerahkan gelaran Paduka Raja Indra oleh baginda Sultan. Kedua-dua kedudukan itu menjadikan Tukku Tuan Besar sangat dihormati dan berpengaruh di kalangan istana dan rakyat keseluruhannya.

Sebagai seorang ulama yang bertanggungjawab dan berpengaruh, Tukku Tuan Besar berusaha sehingga terlaksana hukum-hukum Islam secara meluas dalam sistem pentadbiran dan kehidupan di bawah pemerintahan Sultan Omar (memerintah 1839-1875), hingga Terengganu terus terkenal sebagai negeri yang berpegang teguh dengan Islam, di sekitar pertengahan abad ke-18 Masihi.

Menyedari pentingnya penyebaran ilmu agama dan bimbingan amal, maka Tukku Tuan Besar mendirikan masjid di Kampung Cabang Tiga. (Masjid ini kini telah diubahsuai dan meriah dengan ahli jemaah). Di sinilah Tukku Tuan Besar yang juga pengarang beberapa buah kitab itu menyebarkan ilmu dan tarbiah kepada ramai anak muridnya dan anak-anaknya sendiri termasuk Sayid Abdul Rahman (Tukku Paloh).

Dengan itu nyatalah Tukku Paloh itu bukan saja berketurunan Rasulullah SAW yang mulia malah mendapat didikan dan asuhan dalam keluarga yang kuat beragama. Semua adik-beradiknya juga mempunyai keahlian dalam hal-ehwal agama dan di antara yang terkenal ialah Sayid Zain (dilantik menjadi Menteri Besar pada tahun 1864 oleh Sultan Omar), Sayid Ahmad (bergelar Tuan Ngah Seberang Baroh) dan Sayid Mustaffa (seorang ulama yang juga ahli Majlis Mesyuarat Negeri; merupakan salah seorang dari empat pembesar yang pernah diwakilkan memegang pemerintahan negeri sewaktu Sultan Zainal Abidin HI melawat Siam pada Ogos 1896 selaku tetamu Raja Siam).

Di kalangan adik-beradiknya, Tukku Palohlah yang paling masyhur dan mempunyai banyak keistimewaan yang luar biasa.

Menurut cucunya Sayid Abdul Aziz, sejak kecilnya lagi sudah ada tanda-tanda pelik yang mengisyaratkan Tukku Paloh akan muncul menjadi orang penting masyarakat. Satu ketika semasa Tukku Paloh berada bersama ayahnya Tukku Tuan Besar, tiba-tiba saja Tukku Paloh melihat seorang yang berserban dan berjubah hijau memanggilnya. Tukku Tuan Besar menahannya seraya berkata, "Engkau jangan pergi dekat orang itu, nanti engkau tidak boleh bersama abah lagi."

Perkataan Tukku Tuan Besar itu tidak begitu pasti apa maksudnya. Tetapi yang nyata, Tukku Tuan Besar juga seorang yang kasyaf; dapat melihat kemunculan seorang yang berserban dan berjubah hijau itu. Siapa orangnya? Wallahu a'lam.

Menuntut di Makkah

Tukku Paloh mendapat didikan awal daripada ayahnya sendiri dan beberapa orang ulama tempatan. Kemudian beliau mengikut jejak ayahnya mendalami ilmu dan meluaskan pengalaman di Makkah Al Mukarramah. Di sana beliau belajar dengan ulama-ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah, dan khatam banyak kitab muktabar dalam berbagai bidang ilmu- tauhid, feqah, tasawuf, tafsir, nahu, saraf dan lain-lain.

Penulis gagal menemui orang yang tahu secara detail liku-liku perjalanan Tukku Paloh menuntut ilmu. Bagaimanapun, yang jelasnya Tukku Paloh sangat arif tentang ilmu tasawuf dan ilmu tareqat. Malah beliau ada mengarang kitab dan risalah mengenai persoalan kerohanian.

Setelah lebih 10 tahun di Makkah, Tukku Paloh pulang sebagai seorang ulama besar. Beliau seorang yang warak dan terkenal sebagai pemimpin kerohanian yang mengembangkan Tareqat Naqsyabandiah. Beliau adalah khalifah tareqat ini.

Sepulangnya dari Makkah, Tukku Paloh terus mengajar di masjid peninggalan ayahnya di Kampung Cabang Tiga, Kuala Terengganu. Ini merupakan langkah awal beliau berkhidmat kepada orang ramai, sebelum melangkah kepada kegiatan yang lebih mencabar, bukan saja dalam bidang pengajaran ilmu tetapi juga dalam bidang pentadbiran, pemerintahan dan jihadnya menentang mungkar dan penjajah British.

Regu Sultan Zainal Abidin III

Seperti juga ayahnya, Tukku Paloh seorang yang sangat berpengaruh di kalangan istana dan menjadi tempat rujuk sultan. Malah perlantikan sultan itu sendiri mempunyai kaitan rapat dengan pengaruh Tukku Paloh di kalangan istana, yang diwarisi daripada ayahnya Sayid Muhammad bin Zainal Abidin, yang terkenal dengan panggilan Tukku Tuan Besar, juga merupakan tokoh agama yang amat terkenal dan pengarang kepada lebih kurang 16 buah buku agama dan nazam.

Hubungan Tukku Paloh dengan sultan ini boleh disamakan dengan hubungan antara Sultan Zainal Abidin I (memerintah 1725-1734) dengan seorang lagi ulama besar Terengganu, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah. Ulama yang terkenal dengan gelaran Tuk Pulau Manis ini juga dikenali sebagai wali ALLAH, dan banyak mengarang kitab. Sebagai Syeikhul Ulama dan mufti, Tuk Pulau Manis amat berpengaruh di kalangan istana dan dikatakan bertanggungjawab atas pertabalan Sultan Zainal Abidin I yang kemudian menjadi menantu beliau.

Menyedari peri pentingnya pemerintahan raja yang adil yang berlunaskan hukum-hukum ALLAH SWT, Tukku Paloh bersama Sayid Abdullah (Menteri Besar ketika itu) mengetuai sokongan terhadap perlantikan Tengku Zainal Abidin sebagai Sultan Terengganu menggantikan Sultan Ahmad Shah II (memerintah 1876-1881).

Sokongan dua orang yang berpengaruh ini sungguh berkesan sehingga Sultan Zainal Abidin kekal sebagai raja yang berjaya menegakkan pemerintahan yang kukuh dan bermaruah walaupun usianya ketika mula memegang tampuk pemerintahan negeri baru 16 tahun. Kejayaan baginda itu adalah berkat mendampingi serta menerima keputusan ulama. Baginda memerintah selama kira-kira 36 tahun 11 bulan hingga ke akhir hayatnya pada tahun 1918.

Ketika Sultan Zainal Abidin III mula naik takhta, Tukku Paloh belum menjawat apa-apa jawatan penting secara rasmi. Tetapi sebagai seorang tokoh agama, beliau sudah berpengaruh di kalangan istana.

Kemudian beliau menjadi Syeikhul Ulama (ketua ulama) Terengganu dan dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri dalam kerajaan Sultan Zainal Abidin. Dengan kedudukan itu Tukku Paloh bertanggungjawab membantu kerajaan mentadbir negeri dan rakyat.

Bagaimanapun, ulama dan ahli tareqat yang arif perjalanan rohani ini lebih banyak berhubung secara peribadi dalam berbagai-bagai hal dengan Sultan Zainal Abidin. Keistimewaan ini menjadikan Tukku Paloh sebagai penasihat Sultan dan orang yang bertanggungjawab di belakang keputusan-keputusan yang dibuat oleh Sultan dalam pelbagai perkara terutamanya mengenai dasar luar negeri.

Ini terbukti dengan keputusan berani Tukku Paloh memberi perlindungan kepada pahlawan-pahlawan Pahang sekitar tahun 1894 dan keengganannya bekerjasama dengan pihak British. Pendirian beliau ini mempengaruhi sikap Sultan Zainal Abidin (kebetulan menantu kepada Sultan Ahmad Pahang) untuk terus menerus menentang pertapakan British di Terengganu.

Penglibatan Tukku Paloh dalam perjuangan menentang campurtangan British di Pahang berlaku apabila pahlawan-pahlawan Pahang yang memberontak terpaksa berundur akibat tekanan hebat daripada pihak berkuasa. Mereka yang dipimpin oleh Datuk Bahaman, Tuk Gajah dan anaknya Mat Kilau berada dalam keadaan serba salah dan hampir-hampir putus asa.

Akhirnya pada bulan Mei 1894, mereka membuat keputusan menghubungi Tukku Paloh. Ternyata hubungan ini memberi nafas dan tenaga baru kepada perjuangan mereka kerana Tukku Paloh bukan saja bersimpati malah bersedia membantu pahlawan-pahlawan itu menentang pencerobohan British di Pahang. Selama berada di Paloh, pahlawan-pahlawan yang terkenal hebat itu menggunakan sepenuh kesempatan menuntut ilmu agama dan mendalami perjalanan rohani sebagai bekalan dalam perjuangan yang amat sukar itu. Mereka berguru dengan Tukku Paloh.

Kemudian baru Tukku Paloh menyeru pahlawan-pahlawan itu supaya melancarkan perang jihad. Sebagai bekalan rohani, beliau memberi memberi mereka wirid-wirid dan jampi-jampi tertentu dan menghadiahkan mereka pedang yang bertulis ayat- ayat Al Quran pada matanya. Dan dengan sokongan dan pengaruh Tukku Paloh, pasukan pahlawan itu semakin besar dan mendapat sokongan sultan dan rakyat Terengganu untuk melancarkan serangan tahap kedua berdasarkan kecintaan kepada agama dan tanahair dengan semboyan 'perang jihad'. Semangat perang jihad begitu ketara sekali di kalangan para pejuang itu.

Maqam Tokku Paloh di Paloh, Kuala Terengganu

Almarhum Sultan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Ahmad Shah, regu Tokku Paloh dalam mentadbir Negeri Terengganu. (Naik takhta pada 27 Muharram 1299 dan mangkat pada 21 Safar 1337). Foto ihsan Istana Maziah, Kuala Terengganu.

Sayid Omar bin Sayid Abdul Kadir Al Idrus, salah seorang cucu Tukku Paloh, ulama terkenal di Terengganu.

Sayid Mukhsin Sayid Abdullah, juga cucu Tukku Paloh

Ketika inilah, Hugh Clifford, Residen British di Pahang, menyedari bahayanya pahlawan-pahlawan itu berada di negeri jiran kerana mendapat sokongan Tukku Paloh untuk melancarkan serangan baru dengan kekuatan agama. Demi menjaga kepentingan British di Pahang, pada bulan April 1895 Clifford mengetuai satu angkatan seramai 250 orang untuk melumpuhkan kekuatan pihak yang disifatkannya sebagai pemberontak-pemberontak.

Sesampai di Terengganu, Clifford mengadap Sultan Zainal Abidin untuk mendapat kerjasama baginda. Sultan Zainal Abidin dengan senang hati mengeluarkan surat kuasa (waran) kepada Clifford untuk menangkap sesiapa saja daripada kalangan rakyat baginda yang bersubahat dengan pemberontak-pemberontak. Tetapi surat itu tidak memberi kuasa untuk menyiasat kerabat diraja, keluarga Sayid serta pembesar-pembesar baginda.

Baginda juga mengeluarkan satu surat sulit kepada orang-orang Besut supaya membantu pahlawan-pahlawan Pahang yang bersembunyi di daerah itu. Taktik diplomasi yang bijak itu menyelamatkan semua pejuang Pahang dan mengecewakan usaha ketua penjajah Pahang bernama Clifford itu.

Clifford sentiasa curiga terhadap Tukku Paloh kerana dalam beberapa perundingan yang diadakan dengannya, pemim-pin British itu percaya Tukku Paloh tidak berkata yang sebenarnya mengenai pemberontak-pemberontak.

Kadangkala wakil-wakil British itu dipersendakan oleh Tukku Paloh. Menurut cerita Syed Omar Abdul Kadir Al Idrus (cucu Tukku Paloh) kepada penulis, dalam satu pertemuan antara Tukku Paloh dan Clifford terjadi antara lain dialog seperti berikut:

> **Clifford:** Saya datang mahu mendapat kerjasama Tukku untuk menangkap pemberontak-pemberontak dari Pahang yang berada dalam negeri Terengganu.
>
> **Tukku Paloh:** Siapa yang dimaksudkan? Kerana kami orang Islam tidak boleh menyimpan pemberontak dan penjahat-penjahat. Kalau ada penjahat tentu kami sudah tangkap dan mengenakan hukuman berdasarkan hukum Islam.

Clifford: Itu, Datuk Bahaman, Tuk Gajah, Mat Kilau dan pengikut-pengikut mereka melakukan banyak kacau dalam negeri Pahang. Sekarang mereka lari ke negeri ini.

Tukku Paloh: Orang-orang itu semua baik-baik, bukan pengacau, bukan pemberontak kerana mereka menuntut pembebasan daripada campurtangan kuasa luar dalam negeri mereka, dan sebagai orang-orang Islam mereka mesti menuntut hak itu.

Sebagai satu helah, Tukku Paloh membenarkan juga angkatan Clifford itu menyiasat di Paloh sama ada benar pahlawan-pahlawan Pahang itu bersembunyi di sana (ketika itu semua mereka sudah bersembunyi di tempat-tempat selamat).

Clifford masih tidak berpuas hati kerana pasukannya gagal menemui 'pemberontak-pemberontak' itu. Dia percaya mereka ada bersembunyi di kawasan rumah Tukku Paloh. Ini berdasarkan beberapa bukti yang dia sendiri perolehi semasa siasatan dibuat. Tetapi dia dan pasukannya tidak berdaya ber-buat apa-apa walaupun berkali-kali berunding dengan Tukku Paloh. Sebab itu bagi Clifford, penghalang besar kepada usahanya untuk menangkap pahlawan-pahlawan Pahang itu ialah Tukku Paloh sendiri.

Malah usaha terakhir Clifford meminta jasa baik Sultan supaya memaksa Tukku Paloh menyerahkan mereka itu juga gagal. Ini membuatkan dia sedar pengaruh Tukku Paloh begitu besar sekali di istana. Akhirnya Clifford mengambil keputusan meninggalkan Terengganu pada 17 Jun 1895.

Menentang Pertapakan British di Terengganu

Percubaan British untuk menjajah Terengganu bermula sejak awal abad ke-20. Gabenor Negeri-negeri Selat, Frank Swettenham, tanpa terlebih dahulu berunding, datang ke Terengganu pada tahun 1902 dan mengadap Sultan untuk mendapat persetujuan sultan mengenai satu rangka perjanjian yang disediakan di London antara kerajaan British dan Siam. Tetapi perjanjian yang kononnya memberi pengiktirafan yang lebih jelas terhadap naungan kerajaan Siam ke atas Terengganu itu secara rasmi ditolak oleh kerajaan Terengganu.

Sultan Zainal Abidin dan penasihat-penasihat baginda menyedari kesan daripada perjanjian itu dan nampak perancangan jauh kerajaan British yang beria-ia benar mempelopori perjanjian itu supaya ditandatangani. Sedangkan kerajaan Siam sentiasa menghormati pemerintahan Terengganu yang berdaulat.

Perkiraan itu ternyata berlaku pada 10 Mac 1909 bertempat di Bangkok di mana kerajaan British secara senyap menandatangani satu perjanjian baru dengan kerajaan Siam. Entah ganjaran apa yang diperolehi oleh kerajaan Siam, melalui perjanjian itu kerajaan Siam memindahkan (menyerahkan) segala hak naungan, perlindungan, pentadbiran, kawalan dan apa saja yang dipunyainya ke atas negeri-negeri Kelantan, Perlis, Kedah dan Terengganu serta pulau-pulau berhampiran.

Dengan perjanjian baru itu bermakna Terengganu bulat-bulat duduk di bawah kekuasaan British seperti terkandung dalam butir-butir peijanjian pertama tajaan British yang kononnya untuk menjelaskan pengiktirafan terhadap naungan Siam itu.

Sekali lagi kerajaan Terengganu tidak mengiktiraf dan menentang perjanjian berniat jahat itu. Malah pihak istana dan pembesar-pembesar negeri sangat marah dengan taktik halus British. Tukku Paloh, yang sangat berpengaruh terhadap dasar luar Terengganu, memberi pandangannya mengenai cita-cita British yang berkehendakkan Terengganu dengan pertolong- an Siam itu, dengan katanya antara lain:

> "Dimaklumkan bahawa perkara ehwal treaty (perjanjian) yang dikehendaki oleh Inggeris dengan kebenaran Siam itu sangat besarlah pada paham paduka ayahanda (maksudnya beliau) waqiahnya dan sangatlah pada fuad (hati) Serf Paduka anakanda Sultan Zainal Abidin akan akllahu al dafihi (telah menolong akan engkau oleh ALLAH SWT atas penolakannya) kerana sudah bersatu kira antara Siam dan Inggeris tetapi insya-ALLAH tiada sekali-kali ALLAH SWT tasalitkan (beri kekuasaan-Nya) kuffar (orang kafir) atas Muslimin melainkan sebab tadyik (menghilangkan) mereka itu akan huquk (hak) syariat dan tiada bersungguh-sungguh mereka itu berpegang atas syariat yang mutahharah (undang-undang suci Islam) dan pemasukan ke dalam agama Islam akan barang yang dibenci oleh Rasulullah SAW. Maka wajiblah pada sekarang ini Seri Paduka Anakanda (Sultan) berkuat pada menzahirkan agama dan membatalkan segala mungkarat (kejahatan), jangan sekali tidak hirau..."

Walaupun usaha itu gagal, British terus menjalankan diplomasinya dalam berbagai bentuk rundingan. Antara pegawai yang mewakili British ialah W.L. Conlay. Dalam beberapa kali rundingan yang diadakan dengan pihak istana (tidak kurang dua kali), Sultan Zainal Abidin mengarahkan pihak British supaya berunding secara langsung dengan Tukku Paloh.

Sultan berkata kepada wakil British, "Terengganu ini ada tuannya, sila berunding dengan tuannya (yang dimaksudkan ialah Tukku Paloh)."

Berunding Dengan British

Rundingan pertama yang dijadualkan berlangsung di atas armada British terpaksa dibatalkan oleh British kerana dikatakan kapal armada itu beberapa kali senget apabila Tukku Paloh menyengetkan serbannya. Ini menakutkan wakil-wakil British yang menganggap kejadian itu satu magic (sihir atau silap mata) sedangkan yang sebenarnya adalah karamah kurniaan ALLAH kepada Tukku Paloh.

Ekoran itu, rundingan diadakan juga pada waktu lain dan kali ini di rumah Tukku Paloh. Untuk itu, Tukku Paloh meminjam beberapa buah kerusi bagi meraikan orang putih yang tidak pandai duduk bersila itu. Dengan duduk di atas kerusi, rundingan berjalan dengan panjang lebar dan antara lain wakil British memaklumkan bahawa pihaknya ingin mendapatkan tanah Terengganu dengan alasan membantu membangunkan dan memajukan negeri Terengganu.

Pak Cha (berkopiah putih) satu-satunya murid Tukku Paloh ditemui,berumur lebih 90 tahun, menceritakan tentang gurunya.

Masjid yang didirikan oleh Tukku Paloh. (Sudah dibaharui).

Balai Persidangan. Sekurang-kurangnya dua kali Nabi Khidir a.s. hadir sembahyang jemaah Subuh di sini.
Balai ini tidak mengalami apa-apa ubahsuai.

Haji Hussein Haji Mat menceritakan pengalamannya sewaktu diadili oleh mahkamah kerana mengembangkan Syahadat Tukku Paloh. Beliau dituduh menambah pada dua Kalimah Syahadah.

Dengan kata lain, dalam rundingan itu seolah-olahnya British hendak membantu memajukan Terengganu. Negeri Terengganu ketika itu berpenduduk sekitar 10,000 orang, kebanyakannya bekerja sebagai nelayan, tukang dan petani. Mereka diakui oleh Clifford sebagai "orang Melayu yang paling pandai dan paling rajin di Semenanjung Tanah Melayu".

Tukku Paloh mempunyai pandangan yang jauh dan dapat membaca niat jahat wakil British yang mahu menguasai negeri Terengganu dan seterusnya menjajah. Lalu dengan selamba Tukku menjawab segala kehendak wakil British itu dengan penuh sindiran tanpa sedikit pun terpengaruh dengan 'gula-gula' yang diumpan oleh orang-orang putih itu. Dalam pertemuan inilah berlakunya kerusi yang diduduki oleh wakil-wakil British itu melekat seketika di punggung mereka seperti telah diceritakan pada awal tulisan ini.

Wakil-wakil British itu pulang dari rumah Tukku Paloh dengan hati yang berang bercampur takut akan kelebihan yang ada pada Tukku Paloh. Mereka gagal sama sekali untuk menguasai Terengganu menerusi diplomasi.

Tidak berapa lama selepas itu, beberapa buah armada British datang lagi ke persisiran pantai Kuala Terengganu. Tanpa memberi sebarang amaran, armada itu melepaskan tembakan meriam dan senapang ke arah pantai dan mengarah ke udara. Serangan yang bertujuan menggertak itu telah membunuh seekor kambing di Padang Hiliran.

Orang ramai menjadi gempar dan cemas, dan sekali lagi Sultan Zainal Abidin menyerahkan urusan ini kepada Tukku Paloh. Lalu dengan tenang dan yakin Tukku Paloh bersama orang-orang kanannya termasuk Haji Abdul Rahman Limbong, Syeikh Ibrahim dan Tuk Kelam dan pengikut-pengikutnya yang lain meronda sepanjang pantai. Operasi rondaan itu berjalan siang dan malam.

Dikatakan ekoran dari itu, British tidak lagi membuat kacau, dan semua armadanya berundur. Mengikut laporan, angkatan perang British itu nampak 'beribu-ribu' pahlawan Terengganu lengkap dengan senjata bersiap sedia untuk melancarkan serangan balas. Sebab itulah mereka cabut lari.

Demikian kehebatan perjuangan Tukku Paloh yang mempunyai karamah menentang British berhabis-habisan. Beliau berpegang kepada firman Allah SWT bermaksud:

"Sesungguhnya bumi ini akan diwarisi oleh hamba-hamba-Ku yang soleh." (Al Anbia: 105)

Beliau juga berpegang kepada falsafah: Perjuangan tidak kenal hidup atau mati. Dengan benteng iman dan taqwa yang kukuh pada diri Tukku Paloh itu, pihak British gagal menjajah Terengganu sehinggalah beliau kembali ke rahmatullah pada tahun 1917, dan diikuti dengan kemangkatan Sultan Zainal Abidin III pada tahun berikutnya. Perginya ulama dan umara yang berganding bahu dalam pemerintahan...

Memerintah Paloh Dengan Hukum Islam

Dalam kesibukannya membantu pihak istana memerintah negeri Terengganu, Tukku Paloh diamanah pula mentadbir kawasan Paloh oleh Sultan Zainal Abidin. Dan dalam masa yang sama beliau diminta menjadi ri'ayah (pengawas) daerah Hulu Terengganu termasuk Kuala Berang hingga ke Kampung Cabang Tiga yang jaraknya dari hujung ke hujung kira-kira 50km. Ada juga maklumat yang mengatakan pihak istana meminta Tukku Paloh mengawasi kawasan Kuala Nerus.

Di Paloh, beliau mempunyai kuasa penuh sehingga kerana itu mendapat gelaran istimewa 'Tukku Paloh'. Beliau menyusun struktur pentadbiran yang sesuai dengan keperluan semasa bagi memimpin pengikut dan rakyatnya kepada satu cita-cita murni - Islam. Untuk itu, beliau menggunakan kaedah tarbiah, ta'lim serta bimbingan rohani dan kuatkuasa undang-undang yang melibatkan pembantu-pembantunya yang amanah.

Penulis bersama Sayid Mukhsin di depan rumah peninggalan Tukku Paloh di mana berlangsungnya perundingan dengan pihak British.

Istana kecil. Di sinilah Tukku Paloh dan Sultan Zainal Abidin sering bertemu dan berbincang.

Biasanya urusan-urusan kemasyarakatan dibincangkan secara syura di kalangan orang kanan dan pengikut setianya. Perbincangan atau mesyuarat itu selalunya diadakan di balai yang didirikan oleh Tukku Paloh bersebelahan rumahnya. Ba¬lai ini juga dijadikan tempat beliau mendirikan sembahyang jemaah lima waktu bersama orang ramai.

Dalam hal kedudukan raja yang memerintah, Perlembagaan Terengganu 1911, antara lain menyebut:

> "... Tetapi disyaratkan yang dipilih dan dijadikan raja itu seorang lelaki yang cukup umurnya dan sempurna akal, beragama Islam, berbangsa Melayu Terengganu dan daripda darah daging yang merdeka lagi diakui dengan sah dan halal serta baik pengetahuan- nya, boleh membaca dan menyurat (menulis) bahasanya dan mem- punyai tabiat perangai yang baik dan tingkah laku yang terpuji."

Dan raja akan hilang kelayakan menjadi raja sebagaimana tersebut pada fasal ketiga perlembagaan itu yang berbunyi:

> "... Jika ada kecacatan yang besar yang menyalahi sifat raja seperti gila, buta, bisu atau ada sifat kekejian yang tiada dibenarkan oleh syarak (hukum Allah) menjadi raja."

Perlembagaan ini digubal pada masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III di bawah nasihat utamanya Tukku Paloh ia- itu pada tahun 1911. Ianya bertepatan dengan kehendak Islam di mana tiada siapa yang boleh mengatasi undang-undang ALLAH SWT.

Sembahyang Berimamkan Nabi Khidir a.s.

"Tukku mengajar di surau ini juga," cerita Sayid Abdul Aziz, sambil menunjuk balai serbaguna yang dibangunkan oleh Tukku Paloh itu.

Menurutnya, semasa hayat Tukku Paloh, sekurang-kurangnya dua kali Nabi Khidir a.s. datang berjemaah Subuh di balai tersebut. Peristiwa pertama berlaku semasa Tukku Pa- loh tidak sembahyang berjemaah bersama dengan murid- muridnya. Para ahli jemaah mendapati ada orang asing yang berserban jubah menjadi imam pada pagi itu. Selesai sembahyang, orang yang tidak dikenali itu duduk bersandar di tiang hujung di sebelah kanan balai itu sambil berwirid sebelum beliau pergi menghilangkan diri.

Tukku Paloh tahu hal ini, lalu berkata kepada murid-muridnya, "Kamu tahu siapa yang jadi imam tadi?"

Masing-masing diam dan Tukku Paloh terus berkata, "Beruntunglah kamu, yang menjadi imam itu tadi ialah Nabi Khidir a.s. Dapat pahala besarlah kamu."

Kali kedua, Nabi Khidir a.s. datang berjemaah Subuh di balai itu ketika Tukku Paloh menjadi imam.

Selain balai itu, Tukku Paloh mendirikan sebuah masjid kira-kira 10 rantai dari rumahnya sebagai tempat mendirikan sembahyang Jumaat dan sembahyang lima waktu. Masjid itu juga menjadi tempat murid-muridnya belajar ilmu dan mengadakan perhimpunan besar bagi merayakan satu-satu majlis yang berkaitan agama.

Di dua pusat inilah (balai dan masjid) Tukku Paloh memimpin dan membimbing orang ramai dengan ilmu, amal dan tarbiah rohani. Beliau mengajar ilmu-ilmu tauhid, feqah, tasawuf, tafsir, Hadis dan juga nahu saraf.

Beliau sangat menekankan ilmu dan amalan tasawuf di kalangan pengikut-pengikutnya. Malah Tukku Paloh mengarang kitab Maarijulah fan (tangga orang-orang yang sangat dahaga untuk naik kepada hakikat-hakikat pengenalan). Kitab ini membicarakan persoalan hati bagi mereka yang bermujahadah sehingga menjadi seorang yang bertakarrub ilallah.

Di antara anak murid dan pengikut Tukku Paloh yang terkenal ialah Haji Abdul Rahman Limbong, Haji Mat Shafie Losong, Tuk Kelam, Tuk Janggut, Datuk Baha-man, Mat Kilau, Haji Wan Embong Paloh, Haji Abdullah Chik Fatani, Tuk Gajah, dan Sultan Zainal Abidin III sendiri.

Baginda sultan sering berulang-alik dari istananya ke Paloh untuk belajar ilmu dan berbincang mengenai berbagai perkara dengan Tukku Paloh. Baginda mempunyai minat dan kebolehan yang luar biasa dalam bidang ilmu pengetahuan. Selain Tukku Paloh, guru-guru baginda yang lain termasuklah Hj. Wan Abdullah Mohd Amin (Tuk Syeikh Duyung), Hj. Wan Mohd bin Abdullah, Hj. Wan Abdul Latif bin Abdullah Losong dan lain-lain. Baginda juga boleh berbahasa Arab hasil tunjuk ajar seorang guru khas, Habib Umar.

Berkat dari kesungguhan menuntut ilmu dan sikap memuliakan ulama, Sultan Zainal Abidin III diakui oleh rakyat sebagai raja yang alim dan kuat berpegang kepada ajaran Islam. Hingga dikatakan, semasa pemerintahan baginda, susah untuk dicari seorang yang sudah sampai umur yang belum khatam Al Quran di Terengganu.

Selain itu, Tukku Paloh juga menjadi guru kepada anak-anaknya sendiri seperti Sayid Abu Bakar (Tukku Tuan Embong), Sayid Akil (Engku Sri Wijaya) dan Sayid Sagof (Engku Kelana). Kesemua mereka diakui sebagai ulama.

Dari hari ke hari, anak-anak murid dan pengikut Tukku Paloh semakin ramai. Mereka datang dari merata tempat. Paling ramai ialah orang-orang Pahang yang kebanyakan mereka adalah pahlawan-pahlawan yang menentang British. Di Paloh, mereka dilindungi di bawah pentadbiran yang adil, makmur, tegas berdasarkan hukum ALLAH SWT dan tidak bertolak-ansur dengan pihak British.

Untuk memastikan kawasan Paloh terhindar daripada segala perbuatan maksiat dan pelanggaran undang-undang serta untuk meniaga daripada pencerobohan luar maka Tukku Paloh menubuhkan pasukan penguatkuasa yang terkenal dengan nama Budak Raja. Pasukan ini bertanggungjawab menjaga keamanan sepertimana peranan polis pada hari ini.

Dalam pada itu Tukku suka keluar malam-malam untuk memastikan keselamatan dan kebajikan orang ramai terjamin.

"Pada masa tertentu, Tukku keluar malam berselubung kepala dengan kain, meninjau-ninjau tentang kehidupan orang ramai. Jika ada perkara-perkara tak elok, besok Tukku suruh budak raja pergi tangkap," cerita Sayid Abdul Aziz.

Sikap ini memperlihatkan betapa bertanggungjawabnya Tukku Paloh terhadap keselamatan dan kebajikan anak-anak buahnya seperti berlaku pada khalifah Umar Al Khattab r.a.

Bagaimanapun, kata Sayid Abdul Aziz, kawasan Paloh sentiasa terpelihara daripada gangguan penjahat luar dan dalam. "Musuh dan penjahat tidak dapat masuk ke Paloh dan kalau ada barang curi yang hendak dibawa keluar pun tak boleh." Sayid Abdul Aziz tidak menolak kemungkinan adanya 'pagar kerohanian' yang dibuat oleh Tukku Paloh selain daripada kawalan Budak Raja umpamanya, dan pagar lahir.

Mahkamah Keadilan Sendiri

Tukku Paloh mempunyai mahkamah keadilan sendiri di Paloh. Beliau mendapat mandat daripada sultan untuk menyelesaikan persoalan-persoalan besar dan mengadili penjahat-penjahat di kawasan pentadbirannya. Mana-mana keputusan yang dibuatnya dikira muktamad tanpa perlu merujuk kepada sultan. Dan dalam soal ini beliau ada mengeluarkan surat kuasa terhadap pembawa ajaran sesat.

Dengan itu tidak hairanlah nama Tukku Paloh semakin masyhur sebagai seorang ulama yang berwibawa dalam pemerintahan. Beliau berjaya membangunkan Paloh menjadi kawasan yang aman damai dan mempunyai kekuatan yang di- geruni musuh.

Selain itu, Tukku Paloh juga dilantik sebagai Syeikhul Ulama, jawatan tertinggi dalam urusan agama. Jawatan ini pernah disandang oleh ayahnya Tukku Tuan Besar.

Tukku Paloh adalah juga ahli Majlis Mesyuarat Negeri. Bagaimanapun, Tukku Paloh lebih banyak membuat perhubungan peribadi dengan Sultan Zainal Abidin III daripada perhubungan secara rasmi.

Eratnya hubungan Tukku Paloh dengan Sultan amat nyata di mana salah seorang isterinya, Tengku Mandak, ialah kekanda kepada Sultan Zainal Abidin. Baginda Sultan pula telah menyerahkan anaknya Tengku Sulaiman kepada Tukku Paloh untuk dijadikan anak angkat dan dididik dengan didikan agama. Tengku Sulaiman ini kemudiannya menjadi Sultan Terengganu yang ke-13, memerintah antara 1920-1942.

Perigi Peninggalan Tukku Paloh

Bekas binaan rumah wap peninggalan Tokku Paloh

Demikianlah, setelah begitu lama menyumbang bakti kepada rakyat dan kerajaan maka Tukku Paloh jatuh uzur dan kembali ke rahmatullah menemui kekasihnya ALLAH SWT pada 1 Zulhijjah 1336 Hijrah (1917) dalam usia 100 tahun. Setahun kemudian Sultan Zainal Abidin III pula mangkat iaitu pada 1 November 1918.

Jenazah Tukku Paloh dimaqamkan di satu kawasan tinggi di Paloh. Beliau meninggalkan lebih 23 orang anak daripada lapan orang isteri. Semasa hayatnya Tukku Paloh sentiasa saja beristeri empat orang secara poligami, dan isterinya seramai 13 orang kesemuanya.

Amalan Tareqat dan Syahadat Tukku

Selaku pembawa amalan Tareqat Naqsyabandiah, Tukku Paloh terkenal sebagai seorang yang kuat mengamalkan zikir- zikir yang disusun oleb Syeikh Bahauddin, Syeikhul Tareqat Naqsyabandiah yang susur galurnya sampai kepada Sayidina Abu Bakar As Siddiq (maqam Syeikh Bahauddin terdapat di Uzbekistan). Begitu pula dengan amalan ibadah yang asas seperti sembahyang, puasa dan membaca Al Quran dan lain- lain amalan sunat. Dengan kata lain Tukku Paloh sangat warak dan berhalus dalam beribadah.

Selain mengamalkan zikir Tareqat Naqsyabandiah secara istiqamah, Tukku Paloh juga mengamalkan dan mengembangkan amalan yang disusun oleh ayahnya Tukku Tuan Besar iaitu 'Syahadat Tukku'. Amalan ini terus popular dan hingga kini masih diamalkan di banyak tempat di Terengganu secara jemaah dan bersendirian.

Syahadat Tukku yang diamalkan dengan suara zihar (nyaring) itu ialah:

بسم الله الرحمن الرحيم

(أشهد ان لا اله الا الله وأشهد ان محمدا رسول الله)

—— ∘ ——

اشهد ان لا اله الا الله

ارتين اکو کتهوي دان اکو اعتقاد دڠن هاتيکو دان اکو ڽاتاکن باݢي سلاٴين درفدکو اکن بهوا سڠݢوهڽ تياد توهن يڠ دسمبه دڠن سبنرڽ ملينکن الله جوا٬ يڠ کاي اي درفد تيف٢ سلاٴين درفداڽ دان برکهندق اوله تيف٢ سلاٴين ايت کفداڽ. لاݢي يڠ برصفت اي دڠن تيف٢ صفة کسمفرناٴن دان مهاسوچي اي درفد سݢل ککوراڠن. دان درفد بارڠ٢ ترلينتس اي ددالم سݢل هاتي درفد بارڠ٢ تياد فاتوت اي باݢيڽ لاݢي تياد براستري دان تياد انق دان تياد يڠ ممفرانقکن باݢيڽ. دان تياد برساٴي اي فد ذاتڽ دان صفتڽ دان افعالڽ اکن سسوروڠ٬ ملک اياله توهن يڠ منجادي اي اکن سݢل مخلوق يڠ علويڽ دان يڠ سفليڽ لاݢي کتوڠݢالن اي فد مڠاداکن دان منياداکن دڠن ککراسن تعلوق قدرة دان ارادتڽ ملک ترسرله سݢل کائنات اين سمواڽ فد باوه فرنتاهڽ. دان تياداله جنيس اعتراض باݢي سوروڠ جوا فون اکن کهندقڽ.

واشهد ان محمدا رسول الله

دان اکو کتهوي دان اکو اعتقاد دڠن هاتيکو دان اکو ڽاتاکن باݢي سلاٴين درفدکو اکن بهوا سڠݢوهڽ فڠهولو کيت نبي محمد انق عبدالله ايت حبيب الله دان فسورهن کفد سکلين مخلوق٬ لاݢي ماڠت بنر اي فد تيف٢ بارڠ٢ اي خبرکن دان دڠندي درفد توهنڽ. ملک واجبله اتس تيف٢ مخلوق ايت ممبنر اکنديا٬ دان مڠيکوت اکنديا٬ دان حرام اتس مريکئيت مندوستا اکن ديا اتو مڽالهي اکنديا ملک بارڠسياف يڠ مندوستا اي اکنديا ملک اورڠ ايت ظاليم اي لاݢي کافر اي. دان بارڠسياف يڠ مڽالهي اي اکنديا ملک اورڠ ايت درهکا اي لاݢي ڤناس اي. مدمدهن ممبري توفيق اکن کيت اوله الله باݢي سمفرنا مڠيکوت اکنديا دان مڠکورنيا اي باݢي کيت اکن سمفرنا برفݢڠ دڠن جالنڽ. دان منجادي اي اکن کيت اکن ستڠه درفد اورڠ٢ مڠهيدوف اي اکن سݢل حکم شريعتڽ دان مماتي اي اکن کيت اتس اݢامڽ دان مڠهيمفون اي اکن کيت حرت فرهيمفونتڽ. دمکين لاݢي سݢل يڠ ممفرانق اکن کيت دان اهلي کيت دان سݢل سودارا کيت دان يڠکاسيه اي اکن کيت دان سݢل صحابت کيت درفد سکل اورڠ٢ مسلمين.

امين.

—ooOoo—

DI-CHETAK OLEH MANSOR PRESS

Ertinya aku ketahui dan aku iktiqad dengan hatiku dan aku nyatakan bagi yang lain daripadaku akan bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan ALLAH jua yang kaya la daripada tiap-tiap yang lain daripada-Nya dan berkehendak oleh tiap-tiap yang lain itu kepada-Nya. Lagi yang bersifat la dengan tiap-tiap sifat kesempurnaan yang maha suci la daripada segala kekurangan dan daripada barang yang terlintas la di dalam segala hati daripada barang yang tiada patut la bagi-Nya lagi tiada beristeri dan tiada anak dan tiada yang memperanakkan bagi-Nya. Dan tiada menyamai la pada zat-Nya dan sifat-Nya dan af'al-Nya akan seseorang maka Ialah Tuhan yang menjadi la akan segala makhluk yang 'ulvi-Nya dan syufli-Nya lagi ketunggalan la pada mengadakan dan mentiadakan dengan kekerasan takluk qudrat dan iradat-Nya maka terserahlah segala kainat ini semuanya pada bawah perintah-Nya dan tiadalah jenis 'itirat bagi seorang jua pun akan kehendak-Nya.

Dan aku ketahui dan aku iktiqad dengan hatiku dan aku nyata¬kan bagi yang lain daripadaku akan bahawa sungguhnya penghulu kita Nabi Muhammad anak Abdullah itu hamba Allah dan pesuruh- Nya kepada sekalian makhluk lagi sangat benar ia pada tiap-tiap barang yang ia khabarkan dengan dia daripada Tuhannya. Maka wajiblah atas tiap-tiap makhluk itu benar akan dia dan mengikut akan dia dan haram atas mereka itu mendusta akan dia atau menyalahi akan dia maka barang siapa yang mendusta ia akan dia maka orang itu zalim ia lagi kafir ia, dan barang siapa yang menyalahi ia akan dia maka orang itu derhaka ia lagi binasa ia. Mudah-mudahan memberi taufiq akan kita oleh Allah bagi sempurna mengikut akan dia dan mengurnia ia bagi kita akan sempurna berpegang dengan jalannya dan menjadi ia akan kita akan setengah daripada orang yang menghidup ia akan segala hukum syariat-Nya dan memati Ia akan kita atas keagamaan-Nya dan menghimpun la akan kita serta perhimpunannya. Demikian lagi segala yang memperanak akan kita dan ahli kita dan segala saudara kita dan yang kasih Ia akan kita dan segala sahabat kita daripada segala orang yang Muslimin. Amin.

Syahadat Tukku ini diwariskan kepada murid-muridnya. Pengikut kanan beliau Haji Abdul Rahman Limbong mengembangkan amalan ini kepada murid-murid dan anak cucunya pula. Ini diakui oleh Pak Cik Ali Haji Yusof, cicit Haji Abdul Rahman Limbong. Beliau berkata, "Saya dapat mengamalkan syahadat ini semasa datuk (menantu Haji Abdul Rahman Limbong) dan ayah saya lagi."

Menurut beliau, amalan itu masih kekal sebagaimana dilakukan pada zaman Hj. Abdul Rahman Limbong iaitu bermula dengan ratib Al Hadad dan diakhiri dengan Syahadat Tukku, sekali-sekala disusuli dengan burdah pula.

Kontroversi Syahadat Tukku

Amalan Syahadat Tukku ini pernah menjadi kontroversi apabila salah seorang pembawa amalan ini dihadap ke mahkamah kerana dituduh sesat. Peristiwa ini berlaku kepada Tuan Haji Hussein Haji Mat yang mengembangkan amalan ini di Kampung Gong Ubi Keling, Besut di mana dalam masa yang singkat saja sudah meriah dengan ramai pengikut.

Tuan Haji Hussein tidak menolak kemungkinan tindakan yang dikenakan ke atas dirinya itu didorong oleh iri hati dan hasad dengki orang-orang tertentu kerana surau yang baru beliau bangunkan lebih meriah berbanding dengan surau-surau lain. Mereka mendesak pihak berkuasa mengambil tindakan ke atas beliau (Haji Hussein) atas alasan yang batil dan fitnah.

Mengenang peristiwa pahit yang berlaku pada sekitar tahun 1950 itu, Haji Hussein bercerita:

"Hampir seribu orang yang berada di Mahkamah Kadhi Besut untuk mendengar keputusan perbicaraan saya yang dituduh sesat kerana mengamalkan Syahadat Tukku ini."

Orang ramai nampak cemas kerana peristiwa ini besar dan kali pertama berlaku di Besut. Menurut Haji Hussein, sewaktu perbicaraan, beliau disuruh membaca segala amalan yang diamalkannya selama ini.

"Saya pun membaca habis satu persatu bermula dengan ratib Al Hadad, Burdah dan akhirnya Syahadat Tukku. Selesai saya membaca semuanya, Hakim Cik Awing yang juga Kadhi Besut itu berkata: 'Apa yang Tuan Haji baca itu ada pada saya.'

"Rupa-rupanya Tuan Hakim Cik Awing juga mengamalkan ratib Al Hadad dan Syahadat Tukku.

"Kemudian saya dibebaskan tanpa sebarang tindakan yang dikenakan malah nampaknya tuan hakim itu pula yang seolah-olahnya menggalakkan amalan ini diteruskan. Mendengarkan keputusan yang benar itu maka orang ramai di luar mahkamah turuf bersyukur dan ada yang menitiskan air mata gembira," cerita Haji Hussein lagi.

Sehingga kini Haji Hussein terus mengamalkan Syahadat Tukku ini bersama-sama sahabat-sahabatnya, amalan yang pada setengah orang jahil dikatakan 'syahadat tambahan'.

Syahadat Tukku yang disusun oleh wali ALLAH itu terus popular di kalangan orang yang arif di banyak tempat dalam negeri Terengganu. Amalan yang menjelaskan unsur-unsur tauhid dan pembersihan hati yang amat diperlukan oleh se¬orang hamba terhadap Tuhannya, ALLAH SWT.

Rupa Paras Tukku Paloh

Tentang rupa paras Tukku Paloh, cucunya Sayid Abdul Aziz berkata Tukku Paloh berjanggut tanpa berjambang. Orangnya tidak tinggi tetapi badannya berisi. Rupa kasar itu adalah gambaran yang dilihat dalam mimpinya.

"Beberapa kali saya bermimpi Tuk Aki saya," cerita Sayid Abdul Aziz kepada penulis.

Kenyataan mengenai rupa paras Tukku Paloh yang dilihat dalam mimpi itu diakui oleh murid beliau yang masih hidup iaitu Pak Cha yang berumur lebih 90 tahun. Penulis bertemu dua kali dengan beliau pada akhir tahun 1989 dan 1991.

"Dia rendah," kata Pak Cha sambil menunjuk salah seorang yang berada di tepinya yang berbadan agak gemuk tetapi tidak tinggi sangat.

3

TUAN TULIS

Tempat Rujuk Masyarakat

NAMA sebenar Tuan Tulis adalah Haji Ismail bin Hussein, terkenal sebagai seorang wali Allah yang mendekati masyarakat dengan penuh hikmah. Beliau menjadi tempat rujuk orang ramai dalam pelbagai masalah, khususnya di kalangan penduduk Kuala Talang dalam daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Namanya turut dikenali di kalangan kerabat Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, kerana beliau pernah mengubati Yang Dipertuan Besar yang pertama yang uzur di London pada tahun 1925, sedangkan pada ketika itu Tuan Tulis sebenarnya sudah meninggal dunia.

Rahsia di Sebalik Gelaran Tuan Tulis

Tuan Tulis dilahirkan dalam keluarga miskin (tarikh kelahiran beliau tidak dapat dipastikan), namun beliau sangat tekun mendalami ilmu walaupun terpaksa menempuh berbagai kesukaran.

Dengan berjalan kaki, beliau merantau hingga ke Lubuk Kawah, Temerloh, Pahang, Di sana beliau menemui guru yang membimbingnya dengan ilmu dan amal. Dengan guru itu juga beliau mendalami soal-soal kerohanian.

[Penghujung tahun 1992, penulis bersama beberapa orang kawan berkesempatan meninjau secara dekat kampung Lubuk Kawah. Kunjungan kami disambut mesra oleh penduduk yang sempat kami temui dan mereka adalah ahli keluarga kepada Tuan Guru Hj. Abd Rahman yang lebih dikenali dengan panggilan Tok Ayah Man.]

Tok Ayah Man adalah tuan guru utama kepada Tuan Tulis. Beliau adalah seorang alim lagi wara', berhijrah dari negeri Kelantan dan menerokai Kampung Lubok Kawah pada sekitar penghujung kurun 18 Masihi. Beliau mendirikan pusat pengajian yang masyhur pada masa itu dan muridnya datang dari merata negeri.

Menurut mereka yang ditemui, Tok Ayah Man adalah seorang yang ahli dalam hal-hal kerohanian dan pernah berhadapan dengan kerenah gangguan jin jahat sewaktu pembukaan kampung itu.

Dengan Tok Ayah Man, Tuan Tulis menadah kitab bersama pelajar-pelajar lain. Oleh kerana miskin, beliau tidak dapat membeli kitab-kitab yang menjadi teks pengajian sebagaimana yang dimiliki oleh pelajar-pelajar lain, lalu beliau berusaha menyalin kesemua matan kitab yang dipelajari. Beliau juga mencatat apa saja isi kuliah yang disampaikan oleh gurunya.

"Setiap malam beliau menyalin matan kitab yang akan dipelajari pada keesokan harinya dengan cara meminjam daripada kawan-kawannya. Begitulah tabiatnya," cerita Tuan Haji Ismail Haji Hussein, imam Masjid Tuan Tulis di Kuala Talang, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Melihat kepada tabiatnya yang rajin dan tekun menulis itulah, guru dan sahabat-sahabat sepengajiannya memanggil beliau 'Ismail Tulis'. Gelaran ini sungguh mesra sepanjang beliau dalam pengajian itu. Apabila tamat mengaji, orang- orang kampung menghormatinya pula dengan panggilan 'Tuan Tulis'.

Kerja-kerja menyalin kitab itu dilakukan secara istiqamah (berterusan) sehingga setiap kitab yang khatam diajar oleh gurunya itu turut siap disalin oleh beliau dengan tulisan tangannya sendiri.

Maka banyaklah kitab yang telah siap disalinnya. Yang masih ada dalam simpanan ialah jilid pertama kitab Tafsir Jalalain manakala jilid keduanya sudah hilang bersama banyak lagi kitab lain. Juga masih ada dalam simpanan ialah 30 juzuk Al Quran yang disalin pada masa-masa lapang semasa masih menuntut.

"Kitab-kitab dan Al Quran yang disalin dengan tulisan tangannya sendiri itu ditulis dengan dakwat yang dibuat sendiri. Antara campurannya ialah arang para dan getah limau kasturi. Penanya dibuat daripada bilah segar kabung," kata Tuan Haji Ismail.

Padam Kebakaran Besar di Makkah

Suatu ketika, tukang cukurnya masuk ke dalam rumah untuk mengasah pisau, dia terperanjat apabila mendapati Tuan Tulis sudah tidak ada di atas kerusinya. Tuan Tulis telah menghilangkan diri.

Tidak lama kemudian Tuan Tulis muncul semula. "Ke mana tuan pergi tadi?" tanya tukang cukur kehairanan.

"Aku ke Makkah, bantu memadamkan api kebakaran besar di sana," jawab Tuan Tulis selamba.

Peristiwa itu berlaku pada awal tahun 1900.

Mengubat Secara Rohaniah

Tuan Tulis kembali ke rahmatullah pada tahun 1922. Bagaimanapun, pada tahun 1925, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Pertama, Tuanku Muhammad ibnu Tuanku Antah (ninda kepada Yang Dipertuan Besar sekarang), diberitakan telah diziarahi oleh Tuan Tulis ketika sedang terlantar uzur di London.

Mereka memang saling kenal-mengenal kerana Kuala Talang tempat tinggal Tuan Tulis berdekatan dengan istana Sri Menanti yang juga dalam daerah Kuala Pilah.

Dalam pertemuan di London itu, Tuan Tulis meminta segelas air lalu menjampinya. Air jampi itu disapu di tempat sakit dan selebihnya diminum oleh Tuanku Muhammad. Seketika itu juga Yang Dipertuan Besar merasa sembuh dari penyakitnya.

Kemudian Tuanku Muhammad masuk ke dalam bilik untuk mengambil sesuatu (mungkin hadiah). Apabila keluar dari bilik, baginda mendapati Tuan Tulis sudah ghaib. Dalam kehairanan itulah Tuanku

Muhammad baru sedar bahawa sebenarnya Tuan Tulis sudah meninggal lebih tiga tahun sudah. Dan kehadiran Tuan Tulis itu secara kerohanian.

Pada masa itu juga hati baginda berniat, apabila kembali ke tanah air, baginda akan menziarahi maqam Tuan Tulis. Niat Yang Dipertuan Besar itu ditunaikan beberapa tahun kemudian. Baginda juga menitahkan supaya dibina bangunan di maqam Tuan Tulis di Kuala Talang yang masih wujud hingga sekarang.

Demikian kejadian luar biasa yang merupakan karamah yang dikurniakan oleh ALLAH SWT kepada Tuan Tulis. Kelebihan seumpama itu ALLAH kurniakan kepada hamba-hamba-Nya yang dikehendaki dan disayangi. Mereka yang mendapat kurniaan itu bukan saja dapat menolong orang yang dalam kesempitan secara kerohanian bahkan dapat membantu tentera Islam di medan peperangan menghadapi tentera kafir musyrikin.

Banyak lagi perkara pelik yang diceritakan orang mengenai Tuan Tulis. Pernah berlaku ketika Tuan Tulis mengerjakan sawah bendang dengan dibantu oleh anak-anak muridnya, beliau menyajikan mereka buah tamar yang masih segar seolah-olah baru dipetik. Sedangkan di kawasan itu memang tidak ada pokok tamar.

Selain dari bertani, Tuan Tulis juga banyak menternak kerbau. Anehnya, kerbau-kerbau peliharaannya tidak seperti kerbau orang lain. Tuan Tulis pernah berpesan kepada kerbau-kerbaunya: "Kamu makan rumput saja, jangan makan padi orang."

Dan semua kerbau Tuan Tulis sudah dikenal pasti tidak makan padi walaupun dibiarkan merayau tanpa ditambat. Ini satu keganjilan yang benar-benar berlaku.

Masjid Tuan Tulis di Kuala Talang, Kuala Pilah. Siap dibina secara gotong royong pada tahun 1922, beberapa bulan sebelum Tuan Tulis kembali ke rahmatullah.

Masjid tempat Tuan Tulis menuntut ilmu daripada Tok Ayah Man (Tuan Guru Hj. Abd. Rahman) di Lubuk Kawah, Pahang. Kerana menuntut ilmu,Tuan Tulis berjalan kaki dari Kuala Pilah ke Lubuk Kawah.

"Sebab itu orang kampung tidak halau kerbau milik Tuan Tulis yang masuk bendang," cerita Tuan Haji Isa Jaafar, 67 tahun, penduduk di kampung yang berhampiran dengan Kuala Talang.

Kehalusan budi Tuan Tulis bukan saja kepada sesama manusia tetapi juga kepada binatang. Satu hari di perjalanan, beliau terserempak dengan sekumpulan semut yang tidak dapat meneruskan perjalanan kerana dihalangi oleh lopak air. Tuan Tulis berhenti dan membuat jambatan kecil sehingga semua semut itu dapat menyeberangi lopak itu.

Beliau tidak sanggup melihat burung yang terseksa dalam kurungan. Pernah Tuan Tulis membeli burung yang terkurung dan membebaskannya. Bagaimanapun beliau sendiri memelihara ratusan ekor burung merpati yang dilepas bebas, diberi makan dan minum secukupnya dan disediakan rumah burung untuk mereka berteduh, bertelur dan beranak-pinak.

Selepas kematiannya, sewaktu jenazah Tuah Tulis dibawa ke tanah perkuburan, beratus-ratus burung merpati peliharaannya terbang mengiringi dan melindungi jenazah beliau daripada pancaran matahari terik. Dan setelah selesai pengkebumian, kesemua burung merpati itu menghilang entah ke mana; tidak pulang-pulang lagi ke sarangnya. Wallahu a'lam.

Suka Duduk Dengan Orang Jahil

Sebagai seorang tuan guru yang berwatak pemimpin dan pembimbing, Tuan Tulis menyebarkan ilmu dan mendidik masyarakat secara halus. Baginya pendidikan tidak semestinya berlangsung secara formal di kelas-kelas pengajian atau di masjid dan surau malah yang lebih berkesan pendidikan secara tidak formal (tidak rasmi).

Dalam hubungan ini, kalau Habib Nuh suka menyukakan kanak-kanak, Tuan Tulis pula suka bergaul dengan orang- orang jahil dan sentiasa pula menanyakan masalah-masalah yang mereka hadapi. Beliau sentiasa bersabar dengan kerenah mereka dan terus mendampingi mereka untuk tujuan dakwah.

En. Abd Aziz, cicit Tok Ayah Man.

Tuan Haji Ismail Hussein, Imam Masjid Tuan Tulis: "Tuan Tulis orangnya tidak besar sangat, kecil saja."

Al-Quran tulisan tangan Tuan Tulis. Luarnya uzur tapi tulisan di dalamnya masih jelas.

Sawah bendang di Kuala Talang yang pernah diusahakan oleh Tuan Tulis dan kini masih dikerjakan.

Cebisan kitab Tafsir Jalalain Jilid 2, karangan Imam Sayuti, tulisan tangan Tuan Tulis. Jilid 1 kitab ini sudah hilang. Tuan Tulis menyalin banyak lagi kitab-kitab yang menjadi teks pengajiannya.

"Berdakwah secara menunjuk contoh teladan (lisanul hal) ini amat berkesan di mana akhirnya orang-orang jahil yang liar dengan agama itu terpengaruh dan terikut-ikut dengan tingkah lakunya yang mulia itu," cerita Tuan Haji Isa Jaafar.

Menurut Tuan Haji Isa, Tuan Tulis juga menjadi tempat rujuk masyarakat bagi menyelesaikan masalah yang timbul, baik yang berhubung dengan rumahtangga, pertikaian sempadan sawah bendang, kes-kes kecurian dan lainnya.

Dalam menyelesaikan sesuatu pertikaian, Tuan Tulis tidak mahu menyalahkan mana-mana pihak, sebaliknya menunjuk jalan yang terbaik bagi mengatasi masalah mereka.

"Cara beliau Yang penuh hikmah itu dapat memuaskan hati semua pihak yang terlibat dalam sesuatu perbalahan," kata Tuan Haji Isa kepada penulis.

"Bagaimanapun imej beliau bukan saja sebagai seorang warak yang bijak membuat keputusan tetapi juga seorang tuan guru yang sangat disegani khususnya bagi penduduk Kuala Pilah," katanya lagi.

Tuan Haji Isa Jaafar

Selain mendidik masyarakat secara tidak formal, Tuan Tulis juga mengadakan kelas-kelas pengajian secara formal di surau dan kadang-kadang di rumah.

Lama selepas itu, beliau berusaha mendirikan sebuah masjid di Kampung Kuala Talang. Masjid ini didirikan secara gotong-royong bersama penduduk kampung selama dua tahun dan siap dibina pada tahun 1922.

Di masjid inilah Tuan Tulis kemudiannya mengajar, mengimami sembahyang jemaah serta membimbing orang ramai dengan ilmu dan amal. Ketika itu pengaruhnya memang sudah besar bukan saja di kalangan penduduk tempatan tetapi juga di kalangan masyarakat sekitarnya. Mereka mengenali beliau sebagai seorang yang alim lagi warak serta seorang wali ALLAH.

Menurut Imam Masjid Tuan Tulis sekarang, Tuan Haji Ismail Haji Hussein (namanya kebetulan sama dengan nama sebenar Tuan Tulis), 75 tahun, Tuan Tulis biasanya pakai kain pelikat atau berseluar jerut, baju Melayu atau baju labuh, dan sentiasa berkopiah (pada waktu-waktu tertentu berserban), bertongkat dan gendong (untuk menyimpan barang-barang tertentu dan duit).

"Orangnya tidak besar sangat, kecil saja," kata Haji Ismail mengenai perawakan Tuan Tulis.

Tuan Tulis juga seorang ahli zikir, dan banyak membaca Al Quran. Ibadahnya kemas dan istiqamah.

Selang beberapa bulan selepas menyiapkan pembinaan masjid di Kuala Talang, Tuan Tulis jatuh sakit (sakit tua) dan kembali ke rahmatullah pada hari kesepuluh bulan Ramadhan. Beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir untuk menemui kekasihnya, ALLAH SWT, sewaktu sedang bertafakur selepas sembahyang Subuh pada kira-kira jam 7.30 pagi.

Beliau tidak meninggalkan zuriat dengan isterinya dan tidak juga meninggalkan wang ringgit dan harta melainkan murid-murid yang mendapat ilmu daripadanya serta jariahnya membina masjid yang kekal digunakan sehingga sekarang.

4

AS SYEIKH MUHAMMAD SAID AL LINGGI

Ulama Tareqat Pencorak Masyarakat

KEISTIMEWAAN Asy Syeikh Muhammad Said Al Linggi ialah beliau bukan saja alim empat mazhab feqah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang muktabar tetapi juga terkenal sebagai seorang ulama yang mengembangkan Tareqat Ahmadiah yang diasaskan oleh Asy Syeikh Ahmad Idris Ad Dandrawi r.m. Dan kerana mengembangkan ilmu dan tareqat, beliau menjelajah hingga ke Kampuchea, Thailand dan Singapura, selain di merata Semenanjung Tanah Melayu khususnya negeri asalnya, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Di Negeri Sembilan, Syeikh Said menjadi ulama pertama yang membuka pusat pengajian sistem pondok bertempat di Ampangan, kira-kira 1 km dari bandar Seremban. Beliau tidak pernah rehat daripada mengajar orang ramai di merata tempat khususnya dalam daerah Linggi dan Port Dickson.

Walaupun Negeri Sembilan terkenal dengan berbagai adat namun Syeikh Said sentiasa menentang apa saja adat khurafat dan menyalahi syarak, manakala adat-adat yang bersesuaian dengan syarak dibiarkan masyarakat mengamalkannya. Ulama didikan Makkah, Mesir, Pattani dan pernah ke Palestin ini juga seorang pengarang. Kitab-kitab karangannya banyak menyuluh persoalan-persoalan sufi dan kemasyarakatan. Syeikh Muhammad Said Al Linggi r.m. adalah seorang wali Allah yang dikurniakan banyak karamah zahiri dan karamah maknawi.

Bertemu Rasulullah Dalam Jaga

Masuk waktu Asar, kami sampai di halaman rumah Syeikh Haamid di Batu Tiga, Mambau, Negeri Sembilan. Di depan anak tangga surau depan rumahnya itu kelihatan beberapa pasang kasut. Demikianlah kebiasaan bagi pemimpin zikir dan ahli ibadah, mendirikan surau berdekatan dengan rumah.

"Tentu mereka sedang sembahyang jemaah Asar," fikir kami.

Kami (penulis, Akhi Zakaria Sungib, akhi Roslan Kassim dan seorang penunjuk jalan), yang dalam musafir, sudah mengerjakan sembahyang jamak taqdim, lalu kami duduk-duduk menunggu dalam kereta Proton Saga sambil berbual-bual.

"Insya-ALLAH kita dapat jumpa dia," kata saya kepada kawan-kawan. "Kita tunggu dia keluar dari surau sajalah."

Syeikh Haamid ialah anak bongsu kepada Syeikh Muhammad Said Al Linggi. Abangnya Syeikh Ahmad adalah Mufti pertama Negeri Sembilan.

Sebenarnya kami sudah diberi panduan oleh Syeikh Faiz yang kini mengendalikan pondok Rasah, pondok pengajian peninggalan ayahnya Tuan Mufti Syeikh Ahmad, bahawa waktu yang mudah untuk menemui bapa saudaranya Syeikh Haamid ialah waktu beliau keluar sembahyang Asar. Syeikh Faiz adalah adik kepada Mufti Negeri Sembilan sekarang, Syeikh Murtadha.

Lama juga menunggu. Memang pembawa tareqat biasanya berwirid bersama pengikut-pengikutnya lebih panjang daripada orang kebanyakan. Kami mula bersiar-siar di halaman surau yang itu jugalah halaman rumahnya sambil menghirup udara petang yang nyaman.

Beberapa minit kemudian muncullah beberapa orang melangkah keluar dari pintu surau yang kemas dan sederhana itu. Kami bersalaman dengan semua. Yang tertua di kalangan mereka bertanya, "Tuan-tuan ini dari mana?"

Kami pun memperkenalkan diri dan seterusnya saya berkata, "Hajat kami hendak menemui Tuan Syeikh Haamid kerana hendak mendapat maklumat-maklumat tentang diri As Syeikh Said Al Linggi..."

"Sayalah Haji Haamid. Ada apa-apakah nak ambil riwayat dia, dalam manakib pun dah ada ceritanya dan saya pun tak banyak tahu, kerana sewaktu ayah saya meninggal saya baru berumur tiga tahun. Saya anak bongsu...," jelas orang tua itu sambil mempersilakan kami semua duduk.

Saya dan akhi Zakaria (ketua penyunting) duduk bersamanya di atas anak tangga dan yang lainnya duduk di atas bangku di depan tangga itu. Ustaz Roslan (ketua wartawan) hanya berdiri sambil bersiap sedia dengan kameranya.

Sambil berbual mesra, Syeikh Haamid menceritakan juga setakat yang beliau tahu tentang diri ayahnya. Kadang-kadang beliau merujuk kepada manakib yang ditulis oleh abangnya Mufti Syeikh Ahmad. Dalam bercakap-cakap itu beliau menyentuh tentang ketinggian ilmu, kewarakan, dan usaha ayahnya menyebar dakwah dan mengembangkan Tareqat Ahmadiah. Kami sentiasa mencelah dengan berbagai pertanyaan.

"Tadi," tanya kami, "tuan cerita bagaimana Syeikh Said Al Linggi mendapat ijazah Tareqat Ahmadiah daripada Sidi Syeikh Muhammad Ad Dandarawi dan beliau menerima pula daripada ayahnya Sayidi Syeikh Ahmad bin Idris yang menjadi pengasas tareqat ini. Jadi bolehkah tuan cerita pula ba¬gaimana amalan-amalan zikir dan wirid tareqat ini diterima oleh Syeikhul tareqatnya, Sayidi Syeikh Ahmad Idris?"

"Perkara ini payah bagi orang hari ini hendak terima kerana mereka semua mahu lojik dengan akal. Ini payah benar, kadang-kadang jadi fitnah," jawab beliau.

Bagaimanapun beliau terus senyum manis melihatkan kami ingin mendapat maklumat yang sulit-sulit itu. Kami menjelaskan tujuan mendapatkan maklumat ini untuk didedahkan kepada generasi hari ini yang kian pupus pengetahuan tentang kerohanian sedangkan ianya merupakan sumber kekuatan utama Islam. Beliau mengangguk dan dengan muka berseri- seri meneruskan:

"Sayidi Ahmad Idris menerima amalan tareqat ini daripada Nabi Khidir a.s. dan menerima sekali lagi daripada Nabi Muhammad SAW. Kedua-dua peristiwa itu berlaku dalam keadaan suri."

Syeikh Haamid (tengah), anak Syeikh Muhammad Said Al Linggi. Kini beliau adalah pewaris terpenting amalan Tareqat Ahmadiah daripada ayahandanya.

Maqam Syeikh Said Al Linggi (bertanda anak panah) di Tanah Perkuburan Ampangan, Seremban.

"Boleh tuan jelaskan apa maksud suri?'

"Suri ialah berjumpa secara jaga yakni bukan mimpi, wallahu a'lam," jelas Tuan Syeikh Haamid yang kini menjadi salah seorang pembawa amalan Tareqat Ahmadiah selain daripada Syeikh Faiz dan lain-lain tokoh dalam Negeri Sembilan, negeri yang paling dominan (berpengaruh) dengan amalan Tareqat Ahmadiah.

Kenyataan itu mengingatkan penulis kepada buku Masalah Berjumpa Rasulullah Secara Jaga Selepas Wafatnya, di mana pengarangnya Syeikh Husain Hasan Tomai memetik dari kitab Afdhalus Salawat karangan Sayid As Syeikh Yusuf An Nabhani bahawa Sayidi Ahmad bin Idris juga telah menerima dari

Nabi SAW Al Ahzab Al Khamis. Nabi SAW telah memberi kepadanya beberapa aurad yang baik serta tareqat tertentu untuk diamalkan.

Menurut pengarang buku itu lagi, ada yang mengatakan bahawa Rasulullah SAW telah berkata kepada Syeikh Ahmad Idris: "Wahai Ahmad, sesungguhnya saya telah berikan kepada kamu anak kunci langit dan bumi, iaitu zikir khusus, dan selawat Al Azimah, serta astaghfar al kabir."

Syeikh Husain Hasan Tomai memetik kata-kata Sayidi Ahmad ini: "Kemudian aku menerimanya (amalan-amalan tareqat) dari Rasulullah SAW dengan tanpa wasitah (jumpa Nabi SAW dalam jaga). Aku mengajar kepada ahli tareqat sebagaimana Rasulullah telah mengajar aku dahulu (dalam jaga). Suatu ketika, baginda Rasulullah SAW mengajar (amalan)."

(Penterjemah buku ini, Ustaz Anuar Hj. Abdul Rahman dalam ulasannya, menjelaskan lagi tentang Sayidi Ahmad bin Idris menerima amalan Tareqat Ahmadiah secara jaga daripada baginda Rasulullah SAW. Dan buku ini menyatakan bahawa Syeikh Tareqat Tijaniah juga mendapat ijazah terus daripada Rasulullah SAW secara jaga. Wallahu a'lam.)

Dalam persoalan yaqazah (bertemu secara jaga) ini, Prof. Dr. Awang Mahmud Saedon dari Universiti Islam Antarabangsa, dalam makalah bertajuk 'Tuan Haji Ahmad bin Mohd Said (Al Linggi), Pemimpin Al Tariqah Al Ahmadiyah Al Rasyiddiyah Al Dandarawiyah' yang disiarkan dalam Buku Cenderamata Memperingati Tokoh Ulama Silam ke-5, anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, pada tahun 1980, telah menulis (di halaman 49):

> "Perlu diingat bahawa Sayidi Ahmad pengasas tariqah ini (Ahmadiyah) telah menerima tariqah ini dari Nabi Khidir a.s. atas kehendak Rasulullah s.a.w. Selepas itu Rasulullah sendiri sekali lagi mengajar Saidi Ahmad Idris akan tariqah ini tanpa wasitah di dalam pertemuan atau perhimpunan suri ..."

Beliau merujuk kepada halaman 12 kitab Farid Al Ma'thar Al Marwiyyah Li Al Tariqah Al Ahmadiyyah Al Rasyidiyyah Ad Din Darawiyah, karangan Tuan Mufti Syeikh Ahmad bin Syeikh Muhammad Said.

Dakwah ke Siam, Kampuchea dan Singapura

Perbualan kami dengan Syeikh Haamid petang itu tidak habis pada soal-soal yaqazah saja tetapi juga menyentuh persoalan-persoalan lain tentang diri Syeikh Muhammad Said Al Linggi.

Syeikh Haamid berkata, Syeikh Said dalam usaha berdakwah dan mengembangkan tareqat, telah menjelajah hingga ke Singapura, Pantai Timur Tanah Melayu sampai ke Pattani, Ayuthia dan terus ke Kampuchea.

"Ibunya orang Pattani," tambah Syeikh Haamid. Penulis teringat pertemuan dengan Pak Chik Muhammad Abu Bakar, khadam Syeikh Said, satu ketika dulu, yang mana beliau menceritakan bahawa tuan gurunya menjalankan dakwah dan menyebarkan ilmu ke Singapura. "Saya pernah bersamanya ke Singapura," kata Pak Cik Muhammad Abu Bakar.

Kerana jauhnya perjalanan Syeikh Said, tidak hairanlah daripada 9 orang isterinya terdapat seorang berketurunan Kampuchea. Dan tidak mustahil pengaruh orang-orang besar seperti Syeikh Said itu ada kaitan pula dengan sikap orang-orang berbangsa Cham baik di Kampuchea mahupun di Vietnam. Hingga sekarang orang-orang Cham sangat menghormati orang-orang Melayu kerana mereka sedar guru-guru agama dari Semenanjung Tanah Melayulah yang datang membimbing orang-orang Islam Cham satu masa dulu.

Ini diakui oleh pendakwah-pendakwah bebas dari Malaysia yang beberapa kali berkunjung menjalin silaturrahim ke sana. "Sambutan orang-orang Vietnam berbangsa Cham terhadap kedatangan kami seperti menyambut rombongan anak dara," kata Ustaz Akashah, ketua rombongan Jemaah Tabligh yang berdakwah ke Vietnam tahun sudah. "Mereka mengenang jasa- jasa tuan guru yang mengembangkan Islam di tempat mereka, kebanyakannya datang dari Tanah Melayu," cerita Ustaz Akashah kepada penulis.

Beberapa pendakwah seperti kami juga pernah mengadakan hubungan yang erat dengan masyarakat Kampung Koh Khon dan beberapa buah kampung berdekatan di Selatan Kampuchea. Hubungan ini meliputi semua peringkat masyarakat termasuk para pemimpinnya.

Perkembangan ini menyatakan besar dan berkesannya peranan orang-orang sufi seperti As Syeikh Muhammad Said Al Linggi mengembangkan agama ALLAH hingga sanggup menjelajah ke merata tempat dengan tabah mengharungi apa saja susah payah dunia. Dan kekuatan jiwa dan keluasan fikiran seperti ini hanya ada pada orang-orang yang hampir dirinya dengan Allah atau para wali ALLAH.

Sehingga ke hari ini masih terdapat sebuah masjid yang diasaskan oleh Syeikh Said Al Linggi di Ayuthia, ibu kota Thailand sebelum Bangkok. Ini disahkan oleh beberapa orang termasuk Haji Zain bin Haji Ibrahim bin Syeikh Said Al Linggi sewaktu penulis menemui beliau di Janda Baik, Pahang, awal tahun 1992.

"Sepupu saya yang menjadi imam di masjid itu sekarang ini," tambah Haji Zin, cucu Syeikh Said menerusi anaknya Haji Ibrahim, daripada isteri Syeikh Said yang berasal dari Kelantan. Syeikh Said memperolehi dua anak daripada isteri orang Kelantan ini. Manakala Syeikh Haamid pula adalah anak Syeikh Said dari isterinya orang Ampangan, Negeri Sembilan. Mereka kesemuanya enam beradik. Daripada ibu orang Linggi pula ada empat orang adik-beradik termasuk Allahyarham Haji Mahadi, bekas pelakon.

Bagaimanapun Syeikh Haamid tidak dapat menerangkan secara lebih lengkap tentang anak-anak Syeikh Said. Tetapi yang pasti, datuknya itu mempunyai 17 orang anak dan 9 orang isteri. Dalam satu-satu masa Syeikh Said sentiasa berpoligami empat orang.

Mengenai kegiatan dakwah Syeikh Said, Syeikh Haamid bercerita bahawa pernah seorang raja Siam bermimpi menemui seorang yang berjubah dan berserban serba putih, muka berseri-seri. Raja itu memanggil seorang sami besarnya untuk menta'bir mimpinya itu. Sami itu berkata, "Saya tidak dapat menta'birkan mimpi ini tetapi sedikit masa lagi akan datang seorang alim besar Islam maka tuanku boleh bertanya kepadanya, dia boleh menta'birkan mimpi tuanku dengan tepat."

Tidak lama kemudian datanglah Syeikh Said ke ibu kota itu. Raja Siam sedar tentang kehadiran seorang alim Islam bernama Syeikh Said maka berlakulah pertemuan di antara keduanya. Raja Siam lalu bertanya darihal mimpinya itu. Syeikh Said memberitahunya bahawa orang yang dilihatnya dalam mimpi itu ialah Rasulullah SAW, pembawa ajaran Islam. Raja Siam menerima tafsiran itu dengan senang hati.

Tidak lama kemudian raja Siam itu memeluk Islam di tangan Syeikh Said sendiri. Tetapi tidak lama selepas itu raja itu pun meninggal. Hingga ke hari ini, ada diperkatakan oleh orang-orang Thailand sendiri bahawa terdapat seorang raja Siam yang memeluk Islam di tangan ulama Melayu.

Kejadian ini mungkin sukar diterima oleh sesetengah orang hari ini kerana kita tidak dapat membawa fakta-fakta yang lebih kuat. Bagaimanapun, jika kita meneliti sejarah ulama-ulama dan mubaligh Islam dari tanah Arab dan India yang membawa Islam ke Nusantara, kita akan temui beberapa kejadian yang seumpamanya. Ketika itu orang-orang Melayu termasuk raja-rajanya kebanyakannya masih beragama

Hindu. Ini berlaku kepada Syeikh Ismail yang datang dari Makkah dan beijaya mengIslamkan raja Pasai di Sumatera bernama Merah Silu yang memakai nama Islam, Malikul Salih (tahun 1297). Begitu juga dengan pengIslaman Parameswara di Melaka dengan nama Sultan Muzaffar Shah. Beliau sebelumnya adalah penguasa kerajaan Sri Wijaya di Palembang.

Sebahagian daripada kitab-kitab Syeikh Said Al Linggi.

Bangunan di sebelah kanan adalah Madrasah peninggalan Syeikh Said Al Linggi di Negeri Sembilan. Terdapat sedikit pengubahsuaian.

Begitu juga peranan orang-orang seperti Syeikh Yusuf Tajul Khalwati, seorang ulama tareqat di Makasar; Wali Songo yang merancang pengIslaman orang-orang Jawa, Kalimantan dan beberapa negeri dalam Nusantara; dan Syeikh Jalil di Lembah Bujang, Merbok, Kedah yang sebelumnya terkenal dengan kerajaan hindu Langkasuka.

Sebenarnya banyak lagi kejadian seumpamanya yang tidak dapat dimuat dalam ruangan yang terbatas ini. Malah cerita-ceritanya panjang-panjang pula. Bagaimanapun, sejarah membuktikan bahawa Islam masuk ke Nusantara khususnya di Alam Melayu dibawa oleh mubaligh-mubaligh dan tokoh-tokoh ulama berjiwa sufi yang tinggi kerohanian. Kejadian Syeikh Muhammad Said r.m. mengIslamkan raja Siam itu merupakan karamahnya dalam bentuk maknawi.

Anak Melayu Berjiwa Besar

Syeikh Hj Muhammad Said r.m. dilahirkan pada hari Sabtu, 4 Syaaban 1292 Hijrah bersamaan tahun 1874 Masihi di Kampung Syuaib Ali di Makkah. Ibunya Hajjah Siti Sofiah yang terkenal solehah dan penyantun, berasal dari Pattani, Selatan Thailand serta menjadi guru qiraah Al Quran semasa di Makkah dan di Pattani. Murid ibunya itu tidak terbilang banyaknya. Bapanya pula Tuan Syeikh Hj. Jamaluddin Al Linggi (1833-1887) adalah seorang ulama Negeri Sembilan yang pernah mengajar di Masjidil Haram semasa mereka bermukim di Makkah.

Menurut catatan Dr. Mohd Nur Manuti dan Hj. Hassan Salleh dalam kertas memperingati Tokoh Ulama Silam ke-5 (memperkatakan sejarah perjuangan Hj. Ahmad Said) di UKM, Bangi pada tahun 1980, Syeikh Muhammad Said r.m. mempunyai nasab keturunan daripada Abdullah bin Abbas r.a., sepupu Rasulullah SAW.

Manakala dalam manakib (buku sejarah hidup) Syeikh Muhammad Said r.m., dinyatakan bahawa bapanya Syeikh Jamaluddin Al Linggi ialah seorang ulama yang zahid, qanaah dan dikurniakan berbagai karamah yang pelik-pelik.

"Dalam menjalankan tugasnya sebagai orang alim dia tidak takut melainkan kepada Allah SWT sekalipun raja dan tidak gentar kepada cerca orang yang mencerca.

"Kerana ini sebenarnya maka dikatakan bahawa Sohibul Manakib (Syeikh Muhammad Said) itu 'anak singa' kerana singa tiada memperanak melainkan singa yang seumpamanya." (Manaqib Syeikh Muhammad Said Al Linggi, hal. 11).

Benarlah apa yang diibaratkan oleh penulis manakib bahawa Syeikh Muhammad Said muncul sebagai ulama berwibawa dan terkenal. Malah pengaruhnya lebih luas dari bapanya sendiri Syeikh Jamaluddin yang berasal dari Linggi, Negeri Sembilan.

Ketika berumur 7 tahun, Syeikh Muhammad Said r.m. dibawa balik oleh ibunya ke Pattani. Di sana mulalah beliau mempelajari ilmu-ilmu syariat, usuluddin, tasawuf, nahu, saraf dan lain-lain, selain sudah fasih dalam bidang qiraah Al Quran hasil didikan ibunya.

Selain seorang yang pintar, beliau sangat tekun belajar sehingga ada masa-masanya beliau tidak tidur malam sehingga terbit fajar kerana mentelaah kitab dan menghafaz. Di antara guru-gurunya di Pattani ialah Syeikh Zainal Abidin Al Fatani dan Syeikh Muhammad Nor Kedah.

Dengan kemahuan sendiri serta didorong oleh keluarganya, Syeikh Muhammad Said r.m. melanjutkan pelajarannya ke Makkah sewaktu berumur 17 tahun. Di Makkah, beliau menghabiskan umur remajanya itu sepenuhnya untuk meluaskan pengalaman dan menimba sebanyak-banyaknya ilmu daripada guru-guru yang tertaraf Al Alamah. Di antara guru-gurunya di Makkah ialah Syeikh Muhammad bin Sulaiman Al Makki, Syeikh Mohd. Nawawi Al Bantani As Syafi'i, Syeikh Ahmad Al Mansyawi, Syeikh Ibrahim Al Baijuri, Mufti Asy Syafi'i, Syeikh Mohd. Said, Syeikh Zainal Abidin As Sambawi dan ramai lagi daripada ulama yang warak dan taqwa. Semasa di Madinah beliau sempat belajar dengan Syeikh Jaafar Al Barzanji yang sangat masyhur itu.

Kemudian Syeikh Muhammad Said Al Linggi menziarahi Baitul Muqaddis dan terus ke Mesir di mana beliau diminta mengajar beberapa waktu, kitab-kitab besar seperti Syarah Mahali atas Jami 'ul Jawamik. Selepas lapan bulan beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Al Azhar.

Di Mesir, Syeikh Muhammad Said r.m. berpeluang melanjutkan kefahamannya tentang perjalanan ilmu feqah empat mazhab daripada guru-gurunya seperti Syeikh Shamsuddin Al Bayani dan Syeikh Ahmad Al Rafie Al Maliki. Hal ini diakui oleh Pak Cik Muhammad Abu Bakar, 102 tahun, yang menjadi khadam beliau lebih 15 tahun.

« كنز المعيد »

في مناقب العارف بالله

الشيخ محمد سعيد رضي الله عنه
لاحقر الخليقه. الذي لاشئ في الحقيقه
ابي المحاسن احمد بن محمد سعيد بن جمال الدين
البلايوى اللنغي السمبلاني. وفقه الله
وبانه فيما يرضيه جميع الآمال
والاماني. أمين بجاه أشرف
الانام. عليه وعلى أله
وأصحابه أفضل
صلاة وأزكى
سلام

Manaqib Syeikh Muhammad Said Al Linggi.

Menurut Pak Cik Muhammad, Syeikh Muhammad Said r.m. alim empat mazhab dan kealimannya itu sangat terserlah semasa beliau bermukim di Singapura.

Setelah beberapa tahun di Mesir, Syeikh Muhammad Said kembali ke Makkah. Kali ini beliau bersungguh-sungguh pula beramal, mengajar dan bermujahadatunnafsi sehingga beliau bertemu dengan Syeikhul Tareqat Ahmadiah seperti tercatat dalam manakib beliau:

> "Sehingga berhimpunlah ia r.m dengan Imam yang Rabbani, Khattib yang Sornadini yang mempunyai Tareqat Al Ahmadiah Al Rasyidiyah Hadarat As Sayid Muhammad bin Ahmad Al Dandarawiyah na. maka menerimalah ia r.m. (Syeikh Muhammad Said) daripadanya akan Tareqat Ahmadiah." —Manakib Syeikh Muhammad Said Al Linggi, hal. 23

Maka berlazimlah ia mengamalkan amalan tareqat ini dengan tertib, sempurna dan istiqamah. Beliau diizin pula mengembangkan amalan Tareqat Ahmadiah ini kepada orang ramai. Sejak itu dadanya bukan saja penuh berisi ilmu-ilmu zahir yang tahkik daripada guru dan kitab yang muktabar malah mula pula berisi ilmu-ilmu sufi dan kerohanian yang haq setelah diijazah ilmu tareqat dan hakikat itu.

Kemudian barulah Syeikh Muhammad Said r.m. mengambil keputusan meninggalkan Makkah untuk pulang ke Tanah Melayu, ketika berumur dalam lingkungan 30 tahun. Beliau memilih Kampung Ampangan, Seremban sebagai tempat tinggal tetapnya.

Kepulangannya ke negeri asal bapanya itu tidak lain melainkan atas dorongan yang kuat untuk menyebarkan ilmu, tarbiah, dakwah dan amalan tareqat seperti yang dituntut oleh agama. Atas niat

yang murni itu, mulalah beliau bergelanggang sebagai tuan guru, dan memimpin masyarakat yang rata-rata masih jahil tentang ilmu dan amalan syariat.

Tahun-tahun berikutnya, perjuangan Syeikh Muhammad Said r.m. semakin kencang dalam usahanya menghapuskan bid'ah dhalalah dan kejahilan masyarakat serta berhadapan pula dengan pegangan khurafat dan amalan adat yang menyalahi syariat. Seperti juga pejuang-pejuang Islam sejak dulu, ketegasannya dengan hukum ALLAH SWT ini tidak terlepas dari tentangan dan fitnah yang berbagai-bagai.

Namun beliau tetap tabah, sabar dan berhikmah menghadapi penentang-penentangnya yang masih belum mengerti kebenaran Al Haq dan mutiara hikmah yang diperjuangkan olehnya itu. Berkat sabar dan hikmah, akhirnya beliau menerima ramai pengikut setia dari merata tempat. Mereka terdiri daripada orang-orang penting masyarakat dan orang kebanyakan yang patuh dan menerima beliau sebagai mursyid. Demikianlah Allah SWT memelihara dan menolong orang-orang-Nya daripada diganggu-gugat oleh musuh-musuh.

Beberapa tahun kemudian, beliau mendirikan pondok pengajian di Kampung Ampangan, Seremban bagi menam- pung pelajaran murid-murid sepenuh masa. Institusi pengajian pondok pertama dalam Negeri Sembilan ini berjalan lancar dan mendapat sambutan bukan saja dari pelajar dalam Negeri Sembilan tetapi juga dari negeri-negeri lain.

"Pelajar pondok ini datang dari merata tempat tetapi bilangannya sederhana sahaja dalam lingkungan 60 orang murid yang tinggal tetap, kerana Tuan Syeikh Said r.m. lebih banyak keluar mengajar orang ramai dan memimpin amalan tareqat," kata Pak Cik Muhammad yang turut menjadi murid tetap di pondok Ampangan itu.

Syeikh Muhammad Said selalu keluar memberi kuliah di masjid-masjid dan surau terutamanya pada sebelah malam. Di antara daerah-daerah yang sering dikunjungi olehnya ialah Linggi, Rembau dan Port Dickson. Sewaktu Syeikh Muhammad Said r.m. mengajar di Linggi, Pak Ngah Idris Linggi yang ketika itu masih remaja, pernah mengikuti kuliah pengajiannya.

"Pada masa itu umur saya dalam lingkungan 15 tahun yang lunjuk lain (masih leka) sedangkan Tuan Syeikh Said membawa ke jalan taqwa. Lama-kelamaan baru saya dapat ikut amalan yang beliau berikan sehingga sekarang," cerita Pak Ngah Idris, 79, yang ada hubungan kekeluargaan dengan Syeikh Muhammad Said r.m. bak kata pepatah, "tergesel kena miang, tertegak kena rebas."

Pak Cik Muhammad Abu Bakar berkata Syeikh Muhammad Said r.m. banyak menjelajah sampai ke Kelantan, Terengganu, Johor dan di Singapura.

Hasilnya orang ramai mendapat kesedaran beragama. Manakala amalan Tareqat Ahmadiah berkembang luas dalam Negeri Sembilan, beberapa tempat di selatan Semenanjung hingg ke negeri Kelantan.

Syeikh Muhammad Said sangat kuat mempertahankan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada dicemari oleh ahli-ahli bid'ah yang menyalahi mazhab yang empat. Mere¬ka ingkar daripada bertaklid, sebaliknya mendakwa berijtihad. Atas kegigihan Syeikh Muhammad Said r.m. berjuang maka tiada seorang pun daripada ahli bid'ah itu yang dapat menye- barkan pengaruh mereka semasa hayatnya.

"Dan setengah daripada nazamnya menyebut ia padanya akan kesesatan puak-puak wahabi dan kekarutan-kekarutan mereka itu." (Manakib Syeikh Muhammad Said Al Linggi, hal. 33).

Seperti tercatat dalam manakibnya, Syeikh Muhammad Said r.m. seorang yang zahid (tidak cinta dunia, harta benda dan kedudukan), bersifat qanaah (memadai dengan apa yang ada), pemaaf, tawakkal dan taqwa dan cerdik. Sifat-sifat mulia lagi terpuji ini dimiliki sejak masih menuntut di Tanah Arab lagi. Dengan hati yang suci bersih itu Syeikh Muhammad r.m. menjadi seorang yang bersyahsiah, berjaya dalam kepimpinan dan dikurniakan banyak karamah.

Dalam ruangan terhad ini kita tidak berniat untuk memasukkan peristiwa-peristiwa pelik yang terjadi pada diri beliau yang berupa karamah melebihi 30 peristiwa yang tercatat dalam manakib dan daripada cerita-cerita lisan.

Namun demikian, nyatalah bagi kita Syeikh Muhammad Said r.m. Seorang pemimpin masyarakat dan ulama yang unggul, dapat mencorak masyarakat dengan ilmu dan amal, dan merupakan orang yang bertanggungjawab mengem- bangkan Tareqat Ahmadiah di Semenanjung Tanah Melayu. Dengan kata lain, beliau bukan sahaja ahli fikir seperti kebanyakkan intelek agama hari ini yang hanya mampu berteori dan mengeluarkan pendapat-pendapat pada majlis-majlis rasmi sahaja sedangkan hidup mereka terasing daripada orang ramai, tanpa pengikut dan tidak dapat dicontohi.

Dalam kesibukan masa itu, sempat juga Syeikh Muhammad Said r.m. mengarang kitab dan risalah. Menurut senarai yang dikeluarkan oleh Sekolah Menengah Agama Syeikh Muhammad Said, sekolah menengah agama tertinggi di Negeri Sembilan, terdapat tujuh buah hasil tulisan beliau; antaranya ialah Risalatul Fawa'id, Syarhu Kunuzil-Jawahiril Nuriah, Sullamu Takrif fi Ilmil Tasrif, Rasalatun Fathi dan II Kasyfu Wal Mafis an Ashab Saidi Ahmad bin Idris.

Syeik Muhammad Said Al Linggi meninggal dunia pada 12 Rabiulawal 1345 bersamaan 1926 Masihi dalam usia 52 tahun.

Pak Cik Muhammad bin Abu Bakar (kiri) Pak Ngah Hj Idris Linggi (kanan), anak murid yang ada kaitan kekeluargaan dengan Syeikh Said Al Linggi.

Beliau dimaqamkan di tanah perkuburan yang mengambil sempena namanya, Tanah Perkuburan Syeikh Muhammad Said di Seremban, dengan diiringi doa puluhan ribu pengikutnya. Demikianlah kehendak Allah SWT terhadap hamba-Nya yang dikasihi-Nya.

Almarhum meninggalkan 32 orang anak daripada 9 orang isteri (semasa akhir hayatnya beliau mempunyai empat isteri). Kebanyakan anak dan cucunya alim dalam ilmu agama dan warak terutama Syeikh Abdullah yang merupakan waris sulung yang mengambil alih tugas khalifah Tareqat Ahmadiah, kemudiannya disambung oleh adiknya, Syeikh Ahmad, Mufti Negeri Sembilan yang pertama.

Hingga kini, tugas ini terus disambung oleh mereka yang arif di kalangan anak dan cucu Tuan Hj. Syeikh Muhammad Said r.m. dengan ribuan pengamalnya.

Profil Ringkas Penulis Manakib Syeikh Said

Manakib (sejarah hidup) Syeikh Muhammad Said r.m. ditulis oleh anak keduanya, Sohibul As Samahah As Syeikh Ahmad bin Syeikh Muhammad Said, Mufti pertama Negeri Sembilan (menerima tawaran jawatan mufti setelah didesak oleh orang ramai dengan restu ibunya almarhumah Siti Zubaidah).

Syeikh Ahmad terbilang di antara barisan alim ulama Malaysia yang berwibawa, berpengaruh, pengasas pendidikan menengah Islam pertama dalam Negeri Sembilan dan juga seorang pengarang.

Dilahirkan di Kg. Ampangan, Seremban pada tahun 1914, beliau dibesarkan dalam keluarga mulia dan taat beragama. Syeikh Ahmad juga seorang yang pintar. Pada tahun 1926 beliau melanjutkan pelajaran ke Makkah Al Mukarramah selama lapan tahun. Di sana beliau sentiasa mendahului pelajar-pelajar lain dalam pencapaian ilmu sehingga dalam masa sesingkat itu sudah mendapat gelaran Al Mursyid. Pada waktu-waktu tertentu beliau diamanahkan oleh guru-gurunya mengajar, terutamanya kepada pelajar-pelajar Melayu.

Pada tahun 1934, beliau kembali ke tanahair dengan azam meneruskan amanah bapanya menyebarkan ilmu. Setahun kemudian Syeikh Ahmad Said mendirikan sekolah di kampung Rasah, Seremban yang merupakan sebuah institusi pengajian Islam pertama bertaraf menengah berbentuk pondok di Negeri Sembilan. Sekolah ini diberi nama Al Madrasah As Saidiyyah bersempena dengan nama bapanya Syeikh Muhammad Said r.m. Madarasah ini juga dikenali sebagai Pondok Rasah.

Syeikh Ahmad amat tegas pendiriannya mempertahankan hukum-hukum syarak Ahli Sunnah Wal Jamaah dan tidak bertolak-ansur dengan mana-mana adat Melayu yang bercanggah dengan syariat seperti Adat Pepatih yang luas diamalkan di Negeri Sembilan. Beliau berhujah bahawa peraturan pembahagian pusaka mengikut Al Quran dan Hadis sudah sempurna, adil dan muktamad. Manusia tidak perlu meminda atau mengubahnya lagi. Beliau tetap tegas walaupun menerima tentangan hebat dari masyarakat dan pihak penguasa.

Syeikh Ahmad yang merupakan ulama yang menguasai bidang-bidang syariah, aqidah (tauhid), tasawuf, nahu, saraf, syair, falak dan lain-lain adalah pembawa (khalifah) Tarekat Ahmadiah selepas kematian abang sulungnya Syeikh Abdullah. Mereka berdua menerima amanat dan ijazah terus daripada Syeikh Muhammad Said r.m.

Syeikh Ahmad kembali ke rahmatullah pada tahun 1964 ketika berusia 50 tahun, meninggalkan empat isteri dengan 37 orang anak dan banyak hasil karya yang berupa kitab dan risalah-risalah.

Profil Ringkas Khadam Syeikh Said

Pak Cik Muhammad bin Abu Bakar, 102 tahun, berguru dan menjadi khadam Syeikh Muhammad Said r.m. atas kehendak bapanya. Berkat disiplin beragama sejak kecil, beliau menjalankan tugasnya dengan sempurna seperti yang diharapkan oleh bapanya. Selama lebih 15 tahun lamanya beliau menjadi khadam tuan gurunya iaitu sejak umurnya 20 tahun.

"Ayah saya serah saya kepada Tuan Syeikh Said sewaktu pertemuan mereka di Rahang, Negeri Sembilan," kata Pak Cik Muhammad.

Dilahirkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dalam tahun 1887 dalam keluarga India Muslim yang taat beragama. Ibu ayahnya berasal dari Kerala, India selatan dan berhijrah ke Tanah Melayu bersama-sama pedagang dari India pada penghujung kurun ke-18 Masihi.

Selama menjadi khadam, beliau bukan saja membuat kerja-kerja rumah dan menyempurnakan keperluan-keperluan peribadi Tuan Syeikh Said tetapi juga mengambil peluang belajar daripada Tuan Syeikh Muhammad Said sendiri dan guru-guru lain terutamanya ketika Tuan Syeikh Muhammad Said membuka pondok di Ampangan, Seremban. Sejak itu beliau turut mengamalkan Tareqat Ahmadiah secara istiqamah sehingga ke hari ini.

Sebagai khadam beliau merasakan Tuan Syeikh Muhammad Said sebagai tuan guru, pemimpin dan ayah.

"Saya bebas keluar masuk rumah Tuan Syeikh Muhammad Said hingga ke dapur seperti rumah sendiri. Isteri-isteri beliau sangat biasa dengan saya terutamanya mak tua saya," cerita Pak Cik Muhammad mengenang zaman silam sambil melahirkan kesyukuran kerana ditaqdirkan menjadi khadam kepada seorang wali Allah.

5

SYEIKH MUHAMMAD NOR AL KHOLIDI

Pengasas Kampung Islam Contoh

SYEIKH MUHAMMAD NOR AL KHOLIDI adalah khalfah ke-35 Tareqat Naqsyabandiah dan terkenal sebagai seorang wali Allah dengan berbagai karamah. Beliau juga seorang pemimpin masyarakat yang berwibawa dan beijiwa sufi. Ini terbukti dengan beijayanya beliau memimpin ahli jemaahnya di perkampungan Sungai Cincin, Gombak, sekitar tahun 1894 - 1919, di mana satu struktur pentadbiran dan undang-undang yang dilagangnya sendiri dapat dipraktikkan.

Dengan sokongan orang ramai, Syeikh Muhammad Nor yang berasal dari Sumatera Utara, dapat membangunkan sebuah pusat pengajian yang bukan saja menekankan soal-soal ilmu tetapi juga tarbiah rohaniah.

Bangun Perkampungan Berteraskan Syariat

Kampung Sg Cincin, Gombak terletak kira-kira 13 km dari bandaraya Kuala Lumpur. Syeikh Muhammad Nor Al Kholidi mula menerokanya pada sekitar tahun 1894, kira-kira 10 tahun dari tarikh beliau tiba di Tanah Melayu dari kampung asalnya di Penyambongan, Sumatera Utara.

Turut berhijrah bersama ulama sufi ini ialah adik angkatnya Syeikh Zainal Abidin dan dua ulama lain. Mereka dari keturunan Mendeleng.

"Keempat-empat mereka alim-alim belaka dan apabila sampai ke Semenanjung mereka berpecah, seorang menetap di Tapah, Perak, seorang lagi mungkin di Perak juga, cuma mereka berdua (Syeikh Muhammad Nor dan Syeikh Zainal Abidin) yang tidak pernah berpisah," kata Hajah Fatimah, 69 tahun, anak bongsu kepada Syeikh Muhammad Nor, ketika ditemui di rumah anaknya di Sentol Pasar, Kuala Lumpur.

Hajah Fatimah mendapat cerita sahih tentang ayahnya itu daripada mulut emak tuanya sendiri iaitu isteri Syeikh Muhammad Nor yang kedua, Hajah Halimah. Menurut cerita, Hajah Halimah adalah isteri yang paling alim dan warak di antara tujuh orang isterinya. Malah Syeikh Muhammad Nor pernah berkata bahawa Hajah Halimah adalah kitab tempat rujukannya dan tempat beliau berbincang

terutamanya tentang hal-ehwal kaum wanita. Dan Hajah Halimah juga membantu suaminya mengajar dan membimbing kaum ibu secara terasing dari kaum lelaki.

Bersama Syeikh Zainal Abidin selaku pembantu kanannya, Syeikh Muhammad Nor meneroka perkampungan Sg. Cincin serta berjuang membangunkan sistem hidup Islam di dalamnya. Tapak perkampungan itu adalah tanah yang diwakafkan oleh Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Sultan Selangor yang kelima (memerintah hingga 1938).

Sebenarnya beberapa tahun sebelum itu, Syeikh Muhammad Nor telah membina sebuah masjid bersama orang-orang kampung di Batu 8, Jalan Gombak. Setelah mendapati kawasan di situ tidak sesuai untuk dijadikan perkampungan Islam seperti yang dirancangkan, beliau pun mengambil keputusan untuk berpindah lalu memilih Kampung Sungai Cincin di Batu 7 iaitu satu batu dari masjid itu. Manakala masjid di Batu 8 itu masih kekal sehingga ke hari ini.

Tapak perkampungan yang dipilih itu bukan sahaja cantik dan menarik tetapi juga terdapat berbagai-bagai kemudahan. Bahagian depan kampung ini terletak di lereng bukit yang di antaranya (antara bukit dan perkampungan) mengalir Sungai Gombak menuju ke pusat bandar Kuala Lumpur. Di situ juga bertemunya dua anak sungai yang salah satu daripadanya melintasi kawasan perkampungan itu.

Bahagian belakang perkampungan tersebut merupakan kawasan tanah rendah yang sangat sesuai dengan tanaman padi. Di sebelah barat perkampungan Syeikh Muhammad Nor membina empangan menakung air. Tempatnya agak tinggi sedikit. Daripada takungan inilah disalurkan air ke kawasan sawah padi dan disalurkan ke rumah-rumah dan masjid untuk kegunaan umum. Teknik menyalurkan laluan air dari bukit ke masjid ini banyak terdapat di Indonesia.

Perhubungan untuk membeli barang-barang keperluan atau untuk memasarkan barangan yang dikeluarkan juga mudah sama ada melalui jalan sungai atau jalan darat yang sampai ke pusat bandaraya Kuala Lumpur.

Di atas tapak 14 ekar, Syeikh Muhammad Nor berjaya membangunkan kampung berteraskan syariat dan terlaksana hukum-hakam Islam di dalamnya.

Selain kerana kesungguhan berusaha, kejayaan membangunkan perkampungan Islam di Sungai Cincin adalah berkat ilmu dan pengalaman yang diperolehi bertahun-tahun sebelumnya terutama dalam perantauan Syeikh Muhammad Nor ke Makkah. Beliau pergi ke Makkah bersama Syeikh Zainal Abidin melalui Thailand dan India. Mereka menempuh perjalanan yang sukar untuk mengerjakan haji dan melanjutkan pelajaran terutama dalam bidang tasawuf dan perjalanan tareqat selain untuk menziarahi maqam Rasulullah SAW, Sahabat-Sahabat r.a. dan maqam ibunya sendiri yang kembali ke rahmatullah di Makkah setahun sebelum itu.

Beliau bermukim lebih tiga tahun di Makkah. Sepanjang tempoh itu, beliau memenuhi hajatnya menziarahi orang alim di samping menziarahi maqam orang-orang soleh. Selepas itu beliau berangkat pula ke Mesir melalui jalan darat.

"Di sini niat ayah saya makbul untuk menziarahi 40 kali maqam Imam Syafi'i semasa di Mesir," kata Hajah Fatimah.

Semasa dalam musafir untuk meluaskan pengalaman dan menimba ilmu pengetahuan itu, Syeikh Muhammad Nor banyak menerima bantuan ALLAH SWT secara nyata dan ghaib ketika menghadapi

kesulitan di sepanjang perjalanan. Sebelum menjelajah ke Timur Tengah beliau sudah pun memiliki kemantapan ilmu-ilmu syariat hasil bimbingan tuan-tuan guru di kampung asalnya di Penyambongan.

Dan berkat kesanggupannya menempuh susah payah itu juga telah memantapkan keperibadiannya sebagai seorang pemimpin yang berhemah tinggi dan dapat dicontohi oleh pengikut. Dengan kekuatan yang ada, beliau berjaya membangunkan perkampungan seperti yang diidam-idamkan sejak berhijrah ke Tanah Melayu sekitar tahun 1885. Cita-cita ini sungguh kuat tertanam dalam dirinya dan beliau berusaha dengan susah payah untuk menjadikannya satu kenyataan tanpa memikirkan kesenangan dan kemewahan hidup.

"Memang Syeikh Muhammad Nor tidak meninggalkan harta kekayaan, malah tapak perkampungan seluas 14 ekar yang dia terokai sendiri pun menjadi tanah wakaf dan terma- suk dalam tanah bebas cukai kerana ia milik wakaf raja," kata Encik Abdul Rahman Jalis, 64, bilal masjid di perkampungan peninggalan Syeikh Muhammad Nor.

"Bagaimanapun, pentadbiran kampung ini sentiasa dipegang oleh waris beliau sendiri sejak dulu lagi, dan keutamaan untuk duduk dan memakan hasil tanah ini sentiasa diberikan kepada keluarga Syeikh Muhammad Nor," jelas beliau.

Tegakkan Pusat Tarbiah Wa Ta'lim

Di atas tapak yang begitu strategik, Syeikh Muhammad Nor membangunkan perkampungan yang di dalamnya tertegak tarbiah dan ta'lim (pendidikan dan pelajaran) untuk semua peringkat umur, lelaki dan perempuan. Projek besar ini be¬liau laksanakan di atas kesedaran bahawa manusia hanya dapat ditundukkan kepada perintah dan hukum-hakam ALLAH melalui ilmu dan didikan.

Antara yang mula-mula beliau bina ialah masjid (yang kekal sehingga ke hari ini setelah diubah suai), dan kemudian surau khas untuk kaum ibu.

Bagi memastikan pergaulan dalam kampung benar-benar menepati syariat, beliau menyusun kediaman penduduknya secara begitu sistematik dengan memisahkan penuntut bujang lelaki dari perempuan dan terpisah pula dengan rumah kelamin.

"Syeikh Muhammad Nor mengarahkan supaya pelajar-pelajar bujang membina pondok-pondok mereka di sebelah kanan kampung dan menyediakan rumah-rumah yang kemas untuk pelajar perempuan di sebelah kiri kampung. Dan di sebelah depan diuntukkan bagi orang berkeluarga," kata Hj. Ahmad Othman, 66, imam masjid Kg. Sungai Cincin.

Hj. Ahmad berkata, tidak berlaku sama sekali pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan. Malah kaum ibu tidak dibenarkan keluar rumah kecuali kerana sesuatu hajat terutamanya kerana belajar dan untuk mendapatkan barang keperluan dengan syarat memakai pakaian menutup aurat dan ramai pula yang memakai tunton (atau kini lebih dikenali dengan purdah) yang hanya menampakkan dua biji mata.

Mengenai pakaian tunton ini, Hajah Fatimah mengesahkan bahawa kaum wanita pada masa hayat Syeikh Muhammad Nor dan pada zaman penggantinya iaitu anak sulung beliau sendiri, Syeikh Muhammad Tahir (Almarhum), umumnya memakai tunton. Sehingga kini Hajah Fatimah tetap memakainya.

"Saya tetap memakai tunton ini bersama kakak saya Hajah Habsah yang tinggal bersama anaknya di Bandar Barn Bangi, kerana ini pesanan ayah saya seperti yang dituntut oleh syariat. Selama hayat saya,

saya hanya membuka muka di khalayak ramai ketika bertawaf sewaktu mengerjakan haji, kemudian saya pakai semula hingga sekarang," kata Hajah Fatimah.

Mungkin ada yang bertanya, tidakkah beliau merasa rimas dengan berpakaian begitu?

"Tidak, malah saya boleh membuat berbagai-bagai pekerjaan sepertimana kaum ibu lain," jawab Hajah Fatimah yang berwatak cergas itu.

Perkampungan Sg. Cincin, Batu 7, Jalan Gombak, yang diasaskan oleh Syeikh Muhammad Nor Al Kholidi.

Hajah Fatimah, anak bongsu Syeikh Muhammad Nor.

En. Abdul Rahman Jais, bilal Masjid Sg. Cincin.

Beginilah bentuk kubur percubaan yang dibuat oleh Syeikh Muhammad Nor, yang membawa konsep "Cukuplah mati sebagai peringatan".

Takungan air yang dibina oleh Syeikh Muhammad Nor. Di zaman beliau, air takungan ini disalurkan ke sawah bendang dan ke rumah-rumah penduduk perkampungan.

Rumah penjara tempat pesalah dihukum oleh Syeikh Muhammad Nor.

Menurut Hajah Fatimah lagi, sepertimana yang diceritakan kepadanya oleh mak tuanya Hajah Halimah, pada zaman Syeikh Muhammad Nor kaum wanita di perkampungan itu tidak perlu keluar rumah kerana apa saja keperluan seperti air untuk membasuh, mandi dam mengambil wudhuk, dan penyidai kain baju disediakan di dalam rumah dan kawasan yang berhijab. Begitu juga dengan keperluan-keperluan dapur, semuanya disediakan secukupnya. Memang mudah, senang dan akhlak terpelihara.

Kuatkuasa Undang-undang

Ternyata pemilihan tempat yang begitu menarik dengan kemudahan-kemudahan yang tersedia dan penyusunan penduduk yang begitu rapi itu memudahkan Syeikh Muhammad Nor menguatkuasakan peraturan yang dilagangnya sendiri.

"Dalam soal disiplin, Syeikh Muhammad Nor sangat tegas, dan untuk itu dia menyediakan petugas-petugas kuasa seperti juga polis, di bahagian lelaki dan juga perempuan. Sesiapa yang didapati bersalah akan dihukum takzir setimpalnya dan ramai yang dijatuhi hukuman lokap," kata Imam Hj. Ahmad.

Haji Ahmad Othman, imam Masjid Kg. Sungai Cincin.

Menurut Hajah Fatimah, terdapat empat lokap bagi perempuan berukuran kira-kira empat kaki lebar dan sepuluh kaki panjang dan dua lokap untuk pesalah lelaki yang ukurannya lebih kecil. Fakta ini selari dengan kenyataan Imam Hj. Ahmad dan menantu Syeikh Muhammad Nor sendiri, Hajah Fatimah Syafir (isteri kepada Hj. Muhammad Syeikh).

Kesan-kesan lokap untuk pesalah perempuan masih terdapat di sebelah rumah yang didiami oleh Hajah Fatimah. Lokap itu asalnya sebuah bilik gelap dan hanya ada ruang untuk mengambil makanan dan satu lubang kecil untuk dimasuki sedikit cahaya.

Di antara kesalahan yang menyebabkan seseorang penduduk atau penuntut menerima hukuman lokap itu ialah leka atau meninggalkan sembahyang, derhaka kepada ibu bapa atau engkar kepada guru, bergaduh sesama pelajar, dan mencuri. Denda juga dikenakan kepada muridnya yang malas beribadah seperti tidak bangun malam, tidak datang pada awal waktu sembahyang, dan malas berpuasa. Hukuman

lokap ada yang untuk tempoh seminggu, lima hari, dua hari dan sehari semalam dengan diberi makan minum yang sedikit, serta disuruh membaca wirid-wirid tertentu dan berpuasa sunat.

Anehnya, semua pengikut dan pelajar sangat patuh kepada peraturan yang ditetapkan oleh Syeikh Muhammad Nor dan sanggup dikenakan lokap jika melakukan kesalahan yang akhirnya membawa perubahan kepada kebaikan.

"Malah ada di antara isteri ayah saya yang dilokap olehnya tetapi saya tidak tahu sebab-sebabnya. Ada juga pengikut dan pelajar yang cabut lari kerana tidak sanggup mematuhi peraturan," cerita Hajah Fatimah. Beliau menyifatkan Syeikh Muhammad Nor sebagai seorang yang tegas dan warak serta dikurniai karamah oleh ALLAH.

Hajah Fatimah berkata ayahnya juga seorang yang pemurah dan ini amat nyata dalam masa mengendalikan sekolah. Semua pelajarnya tidak dikenakan sebarang bayaran. Perbelanjaan sepenuhnya ditanggung oleh beliau. Hal ini sangat masyhur di kalangan penuntut dan pengikutnya yang bukan saja datang dari Selangor tetapi juga dari Perak, Negeri Sembilan, dan negeri-negeri lain. Bagaimanapun beliau menganjurkan semua pengikutnya bekerja menanam padi, berkebun dan mendulang bijih.

Menurut anak Syeikh Muhammad Nor, Almarhum Hj. Muhammad Syeikh, yang ditemui semasa hayatnya enam tahun lalu, orang-orang kaya turut menyumbang derma terutama dari kalangan India Muslim yang kebanyakannya berniaga di Kuala Lumpur. Dengan itu para pengikutnya dapat menumpukan perhatian kepada pembelajaran di samping membuat kerja tanpa bimbang mengenai makan minum dan keperluan-keperluan lain.

"Anehnya, sewaktu berlakunya Perang Dunia Pertama, perkampungan Sungai Cincin ini tidak putus-putus dengan rezeki sedangkan masyarakat di luar sedang menghadapi berbagai-bagai kesulitan. Perkampungan ini tidak terganggu dan persekolahan berjalan seperti biasa," kata Hj. Muhammad Syeikh, waris kedua yang mengendalikan perkampungan itu selepas kematian abangnya Hj. Muhammad Tahir.

Mengenai tenaga pengajar, Syeikh Muhammad Nor mempunyai guru-guru pembantu dan di antaranya ialah Hj. Abdul Qadir dan Hj. Kassim (kedua-dua mereka akhirnya menjadi menantu beliau), Hj. Samin dan ramai lagi guru lepasan pondok-pondok tempatan.

Apabila menghadapi masalah-masalah semasa, Syeikh Muhammad Nor selalu pula mengadakan pertemuan dengan orang-orang alim dari merata tempat. Mereka pernah membincangkan soal pendidikan, hukum kariyah masjid, hubungan dengan penjajah Inggeris dan lain-lain.

Syeikh Muhammad Nor juga sentiasa mengambil tahu tentang anak-anak murid dan pengikutnya yang sudah layak berumahtangga. Beliau akan merancang perjodohan di kalangan pengikut-pengikutnya yang lazimnya dibiayai oleh beliau sendiri dan sahabat-sahabat seperkampungan yang lain.

"Pada masa itu semua urusan perkahwinan berjalan mengikut syariat dan sesederhana mungkin tanpa maksiat dan pembaziran," kata Hajah Fatimah.

"Ayah saya mengahwinkan kami semua dengan ahli-ahli jemaah perkampungan Sungai Cincin semasa kami masih muda," tambahnya.

Syeikh Muhammad Nor sendiri mengamalkan poligami dengan-beristeri tiga dan empat orang dalam satu-satu masa. Tujuh orang isterinya kesemuanya solehah dan taat kepada perjuangan yang dilagang oleh beliau.

Syeikh Muhammad Nor bukan saja mendidik pengikutnya dengan peraturan-peraturan yang tegas, malah beliau lebih memberatkan tarbiah rohani berdasarkan amalan sufi. Beliau menekankan banyak pengajian tasawuf dan memimpin wirid, zikir, menganjurkan puasa sunat, membanyakkan ibadah malam dan mengadakan 'kubur percubaan'.

Kubur percubaan ini yang terletak di luar mihrab masjid, bertujuan untuk menginsafkan pengikut-pengikutnya kepada soal-soal mati, Alam Barzakh, Padang Mahsyar, Hari Akhirat, Syurga dan Neraka.

"Bagi sesiapa yang ingin mencuba, dibenarkan masuk ke liang lahad selama beberapa ketika dengan beberapa syarat atau cara tertentu. Insya-Allah dapat merasai sebahagian daripada alam ghaib seperti yang terdapat di alam kubur," cerita Imam Hj. Ahmad, sepertimana pernah dialami oleh mereka semasa hayat Syeikh Muhammad Nor.

Syeikh Muhammad Nor berpegang kepada kata-kata, "Cukuplah mati sebagai pengajaran." Dan zikrul maut itu Sunnah Rasulullah, di mana baginda mengingati mati 100 kali dalam sehari. Dengan cara itu beliau berjaya membentuk pengikut-pengikutnya menjadi soleh, warak, taat dan bertaqwa kepada Allah SWT.

Walaupun perkampungan Sg. Cincin ini terus terkenal tetapi sudah mengalami banyak perubahan. Selain tertegaknya bangunan-bangunan baru, cara hidup penduduk perkampungan turut berubah setelah lebib 60 tahun ditinggalkan oleh Syeikh Muhammad Nor.

"Sekarang sudah tidak seperti dulu lagi. Ayah saya bukan sahaja tegas tentang penutupan aurat dan batasan pergaulan lelaki perempuan, malah melarang semua jenis bunyi-bunyian, seperti yang banyak terdapat pada hari ini," kata Hajah Fatimah.

Namun, seperti juga di tempat-tempat lain, pengajian di masjid terus dijalankan. Begitu juga dengan kelas mengaji untuk kanak-kanak dan sembahyang jemaah lima waktu dan sembahyang Jumaat, masih meriah. Biarpun zaman kegemilangan Perkampungan Sungai Cincin sudah berlalu tetapi masih besar manfaatnya bagi generasi hari ini untuk mengambil contoh iktibar daripada perjuangan hebat Syeikh Muhammad Nor Al Kholidi, seorang wali yang berperanan sebagai pemimpin masyarakat.

Syeikh Muhammad Nor kembali ke rahmatullah dalam usia 58 tahun pada 13 Syaaban 1349 (1932), meninggalkan ramai pengikut setianya dan meninggalkan begitu banyak jasa terhadap perkembangan Islam di negara ini. Allahyarham dimaqamkan di dalam Perkampungan Sungai Cincin. Dan maqam beliau sering diziarahi orang.

Perkampungan Islam yang beliau asaskan masih kekal walaupun zaman kegemilangannya telah berlalu.

"Sehingga ke hari ini," kata Tuk Empat kampung itu kepada penulis, "pihak istana menyerahkan pentadbiran kampung ini kepada penduduk di sini sejak pemerintahan Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Sultan Hisamuddin Alam Shah dan Sultan Salahuddin Abd. Aziz Shah yang sedang berkerajaan."

"Kita tidak perlu bayar apa-apa cukai kerana ia wakaf raja," tambah beliau.

6

TUK KENALI

Menyemarak Kebangkitan Pondok

NAMA Tuk Kenali tidak asing lagi di negara ini, dan satu ketika dulu pengaruh beliau cukup kuat hingga sampai ke Patani. Beliau mempunyai peranan langsung terhadap kebangkitan Islam di Kelantan pada zaman kegemilangannya hingga mendapat julukan 'Serambi Makkah'.

Di samping mengajar, Tuk Kenali aktif dalam penulisan, urusan kemasyarakatan dan juga pemerintahan. Beliau adalah orang penting di belakang penerbitan majalah 'Pengasuh'. Pernah menjadi Ahli Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Ahli Majlis (Dewan) Ulama.

Tuk Kenali berpesan kepada murid-muridnya, antara lain, "Mengaji sungguh-sungguh" dan "Buka pondok".

Sekitar dua dekad pertama abad ke-20 itu, era pondok-pon- dok pengajian berkembang begitu pesat hasil sumbangan barisan pelapis yang mendapat asuhan dan tarbiah secara langsung dari Tuk Kenali serta tokoh-tokoh ulama lain di Kelantan. Murid-murid Tuk Kenali datang dari merata tempat terutamanya Kelantan, Kedah dan Terengganu.

Menurut sumber yang boleh dipegang, Tuk Kenali mengamalkan Tareqat Ahmadiah. Beliau dikurniakan banyak karamah, kelebihan yang pelik-pelik tetapi benar berlaku.

Awang Kenali Anak Genius

Telah menjadi satu kebiasaan baginya, bila hendak pergi mengaji Al Quran, dia akan letakkan sebotol air putih di tepi pintu di sebelah dalam rumahnya. Sepulangnya dari rumah guru mengaji yang terletak berhampiran rumahnya, dia akan duduk dekat botol air itu sambil merenung ke lantai. Kemudian dengan berdakwatkan air dari dalam botol itu, dia menulis dengan jari di atas lantai papan.

Begitulah caranya seorang anak yang mempunyai nama timangan 'Awang', yang baru berusia sekitar enam tahun ketika itu, berusaha menghafaz ilmu yang baru dipelajarinya.

Awang memang dianugerahi ALLAH kepintaran di samping mempunyai sifat ingin tahu dan ingin maju yang kuat. De-ngan beberapa kali ajar dan biasanya sekali ajar saja, dia dapat menulis dan membaca Al Quran dengan tajwid dan tartilnya.

Dia keberatan apabila diminta oleh gurunya membaca ayat- ayat yang telah diajar.

"Sudah kalih (sudah dapat)," katanya ketika ditanya.

Sambil senyum gembira, gurunya akan mengubah kepada ayat-ayat baru kerana ternyata muridnya yang bernama Mohd. Yusof itu cukup kuat ingatannya dan cerah otaknya.

Kepintaran Awang Mohd Yusof menarik perhatian Tuk Penggawa (penghulu: yang pada masa itu sangat besar kuasanya) kampungnya, yang melantiknya menjadi kerani. Tugas Awang Mohd Yusof ialah membilang pokok buah-buahan orang kampung yang mengeluarkan hasil untuk dipungut sumbangannya yang diistilahkan sebagai cukai oleh pejabat Tuk Penggawa. Walaupun tugas itu nampak mudah tetapi yang istimewa ianya dijalankan oleh seorang budak yang baru berusia 9 tahun.

Kecemerlangan Awang Mohd Yusof dalam bidang ilmu pengetahuan tidak berakhir di situ. Kerana tidak lama kemudian dia meninggalkan jawatan kerani untuk memenuhi cita-citanya melanjutkan pelajaran ke Kota Bharu.

Dari situlah bermulanya perjalanan hidupnya yang panjang untuk menguasai ilmu selama lebih 25 tahun termasuk 17 tahun di Makkah dan 5 tahun di Mesir. Dan sebaik pulang dari perantauan menuntut ilmu, mulalah beliau menyumbang bakti kepada masyarakat ramai khususnya dalam bidang pendidikan dan pelajaran.

Menyedari peri pentingnya menyebarkan ilmu secara yang tersusun dan berkesan, beliau membuka dua pusat pengajian pondok di kampung kelahirannya, Kenali, dalam jajahan Kota Bharu. Di sinilah beliau mengasuh dan mendidik, hingga melahirkan tuan-tuan guru yang turut berjuang dengan membuka pondok-pondok pengajian di tempat masing-masing. Sejak itu masyhurlah seorang ulama berbadan gempal, bermisai, berjanggut serta berjambang dan gemar kepada pakaian serban jubah itu sebagai seorang wali ALLAH dengan gelaran Tuk Kenali.

Berkat Doa dan Asuhan Ibu

Kejayaan Tuk Kenali dalam bidang ilmu dan kepimpinan adalah berkat asuhan dan doa ibunya, seorang wanita solehah bernama Fatimah yang mengharapkan anaknya muncul sebagai seorang yang mulia di sisi agama. Asuhan awal ibunya berjaya menanamkan bibit-bibit sifat mulia pada diri beliau hingga sifat-sifat itu menjadi pakaian dirinya sampai beliau dewasa.

Dalam masa yang sama Tuk Kenali mendapat bimbingan awal datuk sebelah ibunya, yang dikenali dengan nama Tuk Leh, seorang imam kampung yang alim. Datuknya itulah yang mula-mula sekali mengajarnya menulis dan membaca Al Quran selepas kematian bapanya Ahmad, seorang petani warak. Sejak itu bermulalah Mohd. Yusof bin Ahmad yang akhirnya masyhur dengan gelaran Tuk Kenali itu, hidup yatim ketika baru berusia lima tahun (tahun 1873).

Beliau terus dididik dan diasuh oleh datuknya Tuk Leh dan beberapa orang tuan guru kampung dengan iringan doa dan harapan ibunya. Dengan kecerdasan akal yang dikurniakan kepadanya, Tuk Kenali deras dalam menghafaz dan memahami apa saja ilmu yang dipelajari.

Sewaktu usianya mencapai 10 tahun, Tuk Kenali mendapat restu ibu dan datuknya untuk mengaji agama di bandar Kota Bharu. Tuk Kenali terpaksa berulang- alik sejauh lapan batu pergi balik dari Kampung Kenali ke bandar Kota Bharu dengan berjalan kaki.

Di Kota Bharu, beliau belajar dengan beberapa orang tuan guru; antaranya Encik Ismail bin Mahmud (pernah menjadi kadhi), Tuan Guru Haji Ibrahim bin Yusof (pernah menjadi Mufti Kelantan), Tuan Guru Haji Abdul Samad bin Mohd Salleh (terkenal dengan gelaran Tuan Tabal), Tuan Guru Haji Muhammad (yang terkenal dengan gelaran Tuan Padang), dan beberapa orang tuan guru lain.

Dalam masa beberapa tahun sahaja beliau dapat membaca kitab-kitab seperti Al Airrumiyyah, Syarh Ibnu 'Uqail, Al Fiyyah dan Matamimah, yang semuanya berhubung dengan nahu saraf. Beliau juga khatam banyak kitab dalam jurusan tauhid, feqah, tasawuf dan lain-lain.

Kebolehan dan kepintaran Tuk Kenali telah memikat hati Haji Salleh Janggut sehingga mendorongnya untuk menjodohkan anak perempuannya, Mek Nik, dengan Tuk Kenali. Tuk Kenali berkahwin ketika baru berusia 16 tahun. Tetapi perkahwinan atas kehendak orang tua itu berlangsung selama setahun sahaja, diikuti dengan perceraian.

Di sebalik peristiwa itu ada hikmah yang besar. Tuk Kenali mempunyai cita-cita besar dan hasrat yang terpendam untuk mendalami ilmu di Makkah. Dengan berkat dorongan ibunya, yang membekalkannya wang $22, dan galakan dari kawan- kawan, Tuk Kenali bertolak ke Tanah Suci dengan kapal layar ketika berusia 18 tahun (sekitar tahun 1886).

Pelayaran ke Makkah dengan kapal layar yang sepatutnya memakan masa tiga bulan itu tergendala kerana kapal mengalami kerosakan dan terpaksa mengambil masa 6 bulan untuk tiba di Makkah. Ketika sampai di Makkah, musim haji telah berakhir.

Di Makkah, hampir tujuh bulan pertama Tuk Kenali tiada tempat tinggal tetap, hanya menetap di Serambi Masjidil Haram. Dan sesudah mempunyai tempat menginap, beliau masih gemar beriktikaf, bermutalaah, belajar dan tidur di masjid.

Tuk Kenali mula hidup sederhana; pakaiannya hanya dua pasang, kerapkali makan berlaukkan ikan kering, sedikit tidur dan sering tidur berbantalkan lengan.

Beliau juga membuat kerja-kerja sambilan untuk menyara belanja pengajiannya, termasuk menjadi tukang masak. Beliau dikatakan menjadi tukang masak di rumaih seorang hartawan. Menurut ceritanya, hartawan itu menerima Tuk Kenali berkhidmat dengannya kerana terpikat dengan kerajinan dan kehalusan akhlak beliau. Dan hartawan itu dikatakan berasal dari Kelantan dan bermukim di Makkah.

Falsafah hidup Tuk Kenali di Makkah ialah: Berbelanja ketika penuh saku, berhenti ketika tangan kosong. Nikmat Allah melebihi bilangan rambut; wajib disyukuri.

Peringkat awal beliau hanya menumpang kitab kawan, membaca di kedai-kedai buku dan di maktabah (perpustakaan) dan di rumah-rumah kawan. Memang Tuk Kenali amat gemar membaca. Sikap itu sangat disenangi oleh gurunya, sehingga dapat pula Tuk Kenali meminjam kitab-kitab kepunyaan gurunya. Tetapi bila ada wang, beliau tidak sayang- sayang membeli sebanyak-banyak kitab.

Tuk Kenali belajar dengan ramai tuan guru dari kalangan ulama-ulama besar di Makkah. Antara gurunya yang berbangsa Arab ialah Al 'Alamah Syeikh Habibullah dari Mesir, Al 'Alamah Syeikh 'Abid, Mufti Al Malikiah, Al 'Alamah Syeikh Muhammad Amin, imam bagi Mazhab Hanafi, Al 'Alamah Syeikh Bakri, Al

'Alamah Syeikh Mohd. Yusof Al Khiadh dan Al 'Alamah As Sayid Abdullah bin Sayid Saleh As Zawawi, Mufti Makkah.

Dan di antara guru-gurunya yang berbangsa Melayu iajah Asy Syeikh Mukhtar 'Athar Al Jawi Al Minangkabawi Al Bukri (Bogor), Asy Syeikh Ahmad bin Abdul Latif Al Minangkabawi, Asy Syeikh Muhammad bin Ismail Al Fatani, Tuan Guru Haji Wan Ali Kutan, Tuan Guru Haji Mohd. Daud dan Al 'Alamah Asy Syeikh Wan Ahmad bin Ahmad Mustaffa Al Fatani.

Guru pencurah ilmu biar seribu, mursyid biar satu. Daripada semua gurunya itu, guru dan pembimbing Tuk Kenali yang utama ialah Al 'Alamah Asy Syeikh Wan Ahmad bin Ahmad Zain bin Mustafa Al Fatani, yang juga menjadi bapa angkatnya. Syeikh Wan Ahmad ini seorang ulama besar yang banyak mengarang kitab serta menjadi pentashih kepada banyak kitab karangan ulama Jawi, khususnya kitab- kitab karangan ulama Pattani.

Syeikh Ahmad Fatani ialah anak saudara kepada Al 'Alamah Asy Syeikh Daud Al Fatani menerusi nasab ayahnya Muhammad Zain yang abang kepada Syeikh Daud. Syeikh Daud ialah ulama terkemuka di Nusantara, pembawa amalan Tareqat Syatariah. Beliau mengarang lebih daripada 50 buah kitab termasuk kitab Furu'il Masail dan Darussamin. Kerana kehalusan budinya, Syeikh Daud mendapat gelaran 'Al Alim al 'Alamah al 'Arif al Rabbani Asy Syeikh Daud.

Berkat ramainya ulama hebat yang menjadi guru kepada Tuk Kenali semasa di Makkah maka beliau muncul sebagai seorang ulama yang pakar dalam berbagai jurusan ilmu khususnya nahu saraf dan tasawuf. Malah dalam jurusan feqah, beliau alim empat mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah dan sangat arif tentang perjalanan mazhab ikutannya iaitu Mazhab Syafi'i.

Di bidang tasawuf, Tuk Kenali adalah pengikut aliran tasawuf Hujjatul Islam Imam Al Ghazali, manakala di bidang tauhid, beliau berpegang dengan aliran tauhid ulama usuluddin yang terkemuka, Imam Abu Hassan Asyaari dan Abu Mansur Al Maturudi.

Setelah 17 tahun di Makkah, Tuk Kenali bersama gurunya Syeikh Wan Ahmad Al Fatani, melawat Mesir. Kedatangan mereka menjadi buah mulut khususnya di kalangan para pelajar. "Ulama besar sedang membuat kunjungan di Mesir," begitu dihebohkan oleh orang ramai.

Diriwayatkan, bila mereka berjalan di dalam kumpulan, biasanya Tuk Kenali yang berbadan besar itu disuruh oleh tuan gurunya berjalan di depan, dan bila saja bertemu orang yang mengajukan pertanyaan, maka Syeikh Wan Ahmad biasanya akan berkata kepada Tuk Kenali, "Awang Yusof, sila jawab."

Tuk Kenali juga sering diberi peluang menjawab soalan- soalan dalam majlis pengajian gurunya itu. Semua soalan dijawabnya dengan tepat dan padat sehingga nama Tuk Kenali segera terkenal di kalangan penuntut-penuntut di Mesir. Secara langsung Tuk Kenali diiktiraf sebagai ulama terkemuka di kalangan cerdik pandai Mesir. Turut bersama dalam rombongan lawatan sambil belajar itu ialah Haji Mahmud Ismail dan Haji Ismail Fatani. Dalam rombongan itu Tuk Kenali bertindak sebagai pengurus perjalanan bagi pihak tuan gurunya.

Walaupun hanya lima tahun di Mesir, Tuk Kenali banyak menimba ilmu dan pengalaman di negara yang mempunyai ramai ulama dan terkenal dengan Universiti Al Azhar itu.

Tidak lama selepas kembali semula ke Makkah, Tuk Kenali mengambil keputusan pulang ke tanahair. Keputusan itu dibuat berdasarkan rasa hatinya bahawa segala ilmu dan pengalaman yang diperolehi telah mencukupi untuk beliau mencurahkannya kepada umat Islam di tanahairnya sendiri.

Sementelahan pula gurunya yang disayangi Syeikh Wan Ahmad Al Fatani telah pulang ke rahmatullah pada tahun 1325 Hijrah (1906).

Tok Kenali berkata, "Jika masih ada Syeikh Ahmad tentu aku tidak pulang lagi (ke Kelantan)." Demikian ikrabnya hubungan Tok Kenali dengan gurunya itu.

Maka pada tahun 1327 Hijrah bersamaan 1908 Masihi, Tuk Kenali pun pulang ke Kelantan. Beliau pulang dengan kapal layar menempuh pelayaran yang mencabar, menyusur hingga ke Singapura, kemudian terus ke Kelantan.

Berita kepulangannya segera meniti dari mulut ke mulut. Orang ramai heboh memperkatakan, "Awang Yusof sudah kelik." Beliau disambut meriah oleh sanak-saudara dan kawan- kawan.

Beliau tinggal bersama ibunya di Kampung Paya dalam daerah Kenali. Pada tahun berikutnya, dengan dorongan kuat ibunya, barulah Tuk Kenali mengadakan kelas pengajian terbuka untuk orang ramai di rumahnya. Dari hari ke hari, anak muridnya bertambah ramai. Mereka mendirikan pondok- pondok kecil di sekeliling rumahnya untuk mengikuti kelas pengajian beliau, sembahyang berjemaah, berwirid dan beramal.

Dalam masa yang sama, Tuk Kenali mengajar di Masjid Al Muhammadi di Kota Bharu, yang ketika itu terkenal sebagai pusat pengajian tinggi. Beliau berpegang kepada falsafah bahawa dakwah, tarbiah dan ilmu perlu disebar luaskan kepada orang ramai.

Masa mengajarnya dalam seminggu dibahagi-bahagikan: tiga hari di Masjid Al Muhammadi dan empat hari di pondoknya di Kampung Paya.

Kemudian ibunya jatuh sakit dan kembali mengadap ALLAH Azzawajalla, meninggalkan anak yang sentiasa mendoakan kesejahteraan ibunya dan gigih beijuang mengembangkan ilmu ke tengah masyarakat.

Selepas kematian ibunya, atas permintaan Datuk Perdana Menteri, Tuk Kenali berpindah ke Kota Bharu untuk mencurahkan sepenuh tenaganya sebagai tenaga pengajar utama di Masjid Al Muhammadi bersama dengan Haji Nik Abdullah, Haji Idris dan beberapa orang tuan guru lain.

Sejak itu, di sekeliling masjid itu semakin padat dengan pondok-pondok kecil yang didiami oleh pelajar-pelajar yang datang dari merata tempat dan negeri. Tuk Kenali memainkan peranan penting menjadikan masjid itu sebuah pusat pengajian pondok tertinggi dan termasyhur di Tanah Melayu ketika itu.

Nama Tuk Kenali semakin masyhur sebagai tuan guru yang mahir dalam ilmu nahu dan saraf serta tasawuf. Beliau juga menguasai ilmu tafsir, Hadis, tauhid, feqah dan sebagainya.

Tuk Kenali lazimnya mengajar tanpa membawa kitab; cukup sekadar mendengar salah seorang anak muridnya membaca, kemudian beliau akan syarahkan dan betulkan jika ada bacaan yang silap. Ternyata beliau sangat arif tentang matan dan syarah kitab-kitab yang diajarnya.

Antara kitab-kitab yang dijadikan teks pengajiannya ialah Ihya Ulumiddin karya Hujjatul Islam Imam Al Ghazali, Sirrus Salikin karangan Syeikh Abdul Samad Al Palembangi dan kitab Hikam karangan Ibnu Ato'illah.

Setelah 23 tahun hidup sebatang kara, barulah Tuk Kenali mencari pasangan hidup ketika umurnya melebihi 40 tahun. Orang pilihannya bernama Siti Ruqayah, seorang janda muda berusia 18 tahun.

Berkat perkahwinan yang bahagia itu, mereka dikurniakan tujuh orang cahaya mata. Anak-anak lelaki beliau semuanya muncul sebagai tuan guru. Mereka adalah:

1. Tuan Guru Haji Ahmad, anak sulung yang sempat mendapat bimbingan ilmu dari ayahnya. Beliau terkenal dengan gelaran Tuk Bakok kerana rumah tempat tinggalnya di Kenali bersebelahan dengan pondok penuntut-penuntut dari Siam yang terkenal dengan kota Bangkok. Tuk Bakok menjadi tuan guru utama di pondok peninggalan ayahnya.

2. Tuan Guru Haji Salleh, anak Tuk Kenali yang paling lama belajar di Makkah dan terus bermukim di sana serta mengajar di Masjidil Haram. Beliau seorang pengarang dan telah mengarang lebih 60 buah kitab dan risalah mengenai berbagai persoalan agama.

3. Tuan Haji Mahmud, anak ketiga Tuk Kenali, seorang yang tidak kurang juga ilmunya, menjadi khatib tetap di masjid peninggalan ayahnya di Kubang Kerian.

4. Tuan Haji Abdullah Zawawi, anak bongsu Tuk Kenali yang mendapat didikan di Makkah sehingga ke peringkat menengah tinggi dan seterusnya memasuki Kuliah Syariah di salah sebuah universiti di Makkah selama empat tahun dan lulus pada tahun 1961, kemudian berkhidmat dengan kerajaan Arab Saudi sebagai pegawai pendidikan dan pernah menjadi pengetua beberapa buah sekolah menengah Arab di Saudi.

Lima tahun selepas mengajar dan memimpin kelas pengajian di Masjid Muhammadi, Tuk Kenali mengambil keputusan pulang ke kampung untuk menghidupkan semula pondok yang telah ditinggalkannya dahulu. Kali ini beliau memilih tapak baru di Kampung Belukar, yang juga dalam daerah Kenali, tidak jauh dari Kampung Paya.

Beliau mengasaskan semula pondok pengajian di tapak baru ini dengan susunan yang lebih kemas baik dari segi pembangunan lahir, lebih-lebih lagi isi tarbiah dan ta'limnya. Tuk Kenali mahu pondok pengajiannya di Kenali itu benar- benar berkesan dari segi ilmu, tarbiah dan perjuangan kepada anak-anak muridnya. Beliau mahu sistem pengajian pondok yang merupakan trend pengajian paling popular pada waktu itu terus berkembang. Ini yang diperjuangkan oleh Tuk Kenali.

Sistem pengajian pondok membolehkan terjalinnya hubungan rapat antara murid dan guru, serta mewujudkan suasana ilmu dan amal; menuntut ilmu bersama, sembahyang bersama dan melakukan lain-lain kegiatan hidup bersama. Pelajar-pelajar juga dapat mencontohi perilaku mulia tuan guru mereka dalam menjalani kehidupan sehari-hari di samping menggalakkan mereka hidup berdikari untuk menyelesaikan keperluan hidup.

Benarlah kata-kata: "Ilmu itu adalah satu kemuliaan yang disanjung oleh orang yang mulia dan tinggi cita-cita. Di mana ada ilmu, di situ ada penuntutnya." Begitulah Tuk Kenali, di mana beliau berpindah, akan dituruti pula oleh anak-anak murid lamanya dan bertambah pula dengan penuntut baru yang datang dari Kedah, Pulau Pinang, Terengganu, Pahang, Selangor, Johor, Selatan Thailand dan anak-anak Kelantan sendiri.

Di antara anak-anak murid Tuk Kenali yang terkemuka ialah:

Syeikh Idris Al Marbawi dari Perak, pengarang dan ulama terkenal (penyusun Kamus Marbawi); Syeikh Othman Jalaluddin, guru pengasas pondok yang warak dan juga seorang pengarang kitab, berasal dari Penanti; Haji Sallehuddin, Pulau Pinang; Haji Tam, Kedah; Tuan Guru Haji Othman (Pak Man), Bukit Besar; Tuan Guru Ahmad Lundang, Haji Ahmad Tawang; Haji Nor Bot; Haji Ali, Pulang Pisang; Haji Mat

Jebang; Tuan Guru Haji Awang Yusof pembangun pondok di Tanah Serendah Sekebun Bunga, Kota Bharu; Tuan Guru Haji Daud bin Haji Omar, Bukit Abal, ahli tasawuf dan tareqat yang terkemuka; Tuan Guru Haji Yaakub bin Ismail, Legor, Selatan Thailand, Tuan Guru Haji Zainal Abidin Sura, Dungun, Terengganu, dan ramai lagi anak murid Tuk Kenali yang hebat-hebat daripada ribuan murid beliau.

Di antara pesanan penting yang disampaikan oleh Tuk Kenali kepada murid-murid kanannya ialah, "Mu buka pondok."

Syeikh Othman Jalaluddin (1880-1952), murid pembantu kanan di Pondok Kenali, mengadu kepada gurunya Tuk Kenali, mengapa beliau dua kali gagal dalam usahanya membangunkan pondok. Tuk Kenali berkata: "Mu gi ngaji lagi, lepas tu buka pondok."

Dengan nasihat itu, Syeikh Othman, yang sebelum itu pernah mengaji di Makkah selama 4 tahun, pergi melanjutkan pelajaran lagi ke Tanah Suci dan belajar dengan beberapa orang guru. Beliau kemudian sempat mengajar di Masjidil Haram untuk beberapa waktu sebelum akhirnya pulang ke tanahair, dan pada tahun 1932 beliau berjaya membangunkan sebuah pondok pengajian yang terkenal di Penanti, Bukit Mertajam iaitu Madrasah Manabi'ul Ulum. Menjelang akhir hayatnya, beliau sekali lagi pergi ke Makkah dan meninggal dunia di sana pada tahun 1952.

Dengan berkat kata-kata Tuk Kenali yang sering menggalakkan anak-anak muridnya membuka pondok, maka mercup tumbuhlah pondok-pondok pengajian dengan pesat sekali. Walaupun pondok-pondok pengajian sudah wujud sebelumnya, Tuk Kenalilah orang yang menyemarakkan kebangkitan pondok sebagai satu institusi pengajian Islam paling berpengaruh di negara ini pada sekitar dua dekad awal abad ke-20 itu. Selain menubuhkan Pondok Tuk Kenali, beliau juga menjadi pengasas Jamiatul Asriyah di Kota Bharu.

Pendidikan Pondok Tuk Kenali

Tuk Kenali menekankan teknik menghafaz pelajaran terutamanya nahu saraf yang menjadi ibu bagi memahami kitab-kitab Arab. Begitu dengan balaghah, bada'i, bayan dan arudh. Baginya, ilmu itu ialah apa yang difahami dan diingati di dada, bukan semata-mata dalam tulisan di kitab.

Penekanan ini mendorong anak-anak muridnya bertungkus- lumus menghafaz terutamanya pada malam-malam sepi di pondok penginapan masing-masing. Ramai muridnya berkata, "Berkat Tuk Kenali, mudah kami menghafaz pelajaran." Pelajaran-pelajaran yang perlu dihafal biasanya ditulis dengan tulisan tangan oleh Tuk Kenali sendiri, dan kemudian beliau pula yang mentasmikan hafalan murid-muridnya itu.

Namun Tuk Kenali tidak pernah memarahi pelajar-pelajar yang lemah dalam pelajaran atau tidak mampu menghafaz. Kerana cerdik dan bodohnya seseorang itu semuanya pemberian ALLAH SWT. Tuk Kenali terus berusaha mendidik dan mengajar.

Sewaktu mengajar, Tuk Kenali selalunya tidak bawa kitab. Cukup dengan mendengar salah seorang muridnya membaca, kemudian disyarahkan dan dibetulkan di mana yang silap. Kelaziman ini membuktikan bahawa beliau sangat arif tentang semua matan dan syarah kitab-kitab yang diajarnya. Stail ini sukar ditiru oleh tuan-tuan guru lain.

Untuk membolehkan murid-muridnya mengulangkaji ilmu dan menghaluskan lagi pemahaman, Tuk Kenali mewujudkan halaqah-halaqah beiajar di kalangan mereka. Setiap satu halaqah kecil itu ada

seorang pelajar yang lebih pandai dilantik menjadi ketua mutalaah atau dipanggil ketua talaah. Kaedah ini kemudian begitu popular di kalangan pelajar-pelajar pondok di merata tempat.

Perkara luar biasa yang dimiliki oleh Tuk Kenali ialah beliau dikurniakan ALLAH SWT hatif yakni perkhabaran ghaib secara kerohanian bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang payah-payah. Kedudukan ini rendah sedikit daripada mereka yang mendapat kasyaf. Ini satu lagi karamah Tuk Kenali.

Pernah Tuk Kenali mengajar jam 12 tengah malam di suatu padang sampai berembun-embun menjelang Subuh. Murid-murid tertentu saja yang dibenarkan hadir. Pengajian itu lebih berbentuk soal jawab (dialog). Apabila ada soalan yang tidak dapat dijawabnya, Tuk Kenali akan berkata, "Tunggu sekejap ya." Lalu Tuk Kenali memberi salam selaku orang berbual dalam telefon, dan kelihatan memberi perhatian (mendengar) kepada sesuatu dan kadang-kadang mengangguk. Kemudian baru beliau beralih kepada murid yang bertanya dan menjawab soalan tadi, seumpama "Oh, wajib hukumnya", "Halal", "Makruh" dan sebagainya mengikut bentuk soalan yang diajukan. Dari situ memperlihatkan bahawa Tuk Kenali mempunyai pertalian kerohanian yang bersih sehingga menghasilkan idea yang bernas.

Pada keseluruhannya Tuk Kenali berpegang kepada cara pendidikan rohaniah yang dilagang oleh Hujjatul Islam Imam Al Ghazali. Ini dapat dilihat pada teks pengajian tasawufnya yang kebanyakannya karangan Imam Al Ghazali. Beliau juga mengajar kitab Hikam karangan Ibnu Ato'illah yang banyak membicarakan perjalanan hati dan para wali.

Tuk Kenali mempunyai syahsiah yang tinggi dan dengan itu menjadi contoh teladan kepada murid-murid dan pengikut- pengikutnya, baik dalam bidang ibadah, akhlak atau bidang- bidang hidup lain yang lebih halus.

Kitab-kitab Pengajian

Semua kitab yang menjadi teks pengajian di Pondok Kenali adalah kitab-kitab yang muktabar karangan ulama-ulama aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Perkara ini dipastikan sendiri oleh Tuk Kenali supaya anak-anak muridnya tidak terpesong daripada pegangan Islam yang sebenar dan dengan itu mendatangkan keberkatan.

Tuk Kenali

Makam Tuk Kenali di Kubang Kerian

Masjid Tuk Kenali, Kubang Kerian. Kini dikendalikan oleh cucunya YB Ustaz Mawardi Haji Ahmad Bakok.
Di sini terdapat sekolah agama rakyat peringkat rendah hingga menengah rendah.

Kolah peninggalan Tuk Kenali yang duduknya bersebelahan perigi.

Perigi yang digali oleh Tuk Kenali di sebelah kanan masjidnya.

Masjid Muhammadi. Tuk Kenali menjadi orang penting yang meletakkan kedudukan masjid ini sebagai pusat pengajian tertinggi lagi masyhur dalam beberapa dekad.

Antara kitab-kitab itu ialah:

Tauhid: antaranya Matan Al Jauharah Al Tauhid karya Imam Ibrahim Al Laqani, Matan As Sanusiyah karya Imam Muhammad bin Yusof As Sanusi, kitab Aqidah An Najin karya Tuan Minal (Zainal Abidin bin Muhammad Al Fatani) dan seterusnya kitab-kitab yang lebih besar seperti Darus Samin dan lain-lain.

Feqah: di antaranya ialah kitab Matan Safinah An Naja, Fathul Qarib, At Tahrir dan Al Iqna'. Tuk Kenali juga mengajar kitab-kitab besar seperti Al Majmu' dan Al Umm, kitab induk Imam Syafi'i r.a. (Dua orang daripada murid Tuk Kenali dikatakan ada berusaha menterjemahkan kita Al Umm ini).

Tasawuf: di antaranya kitab Bidayah Al Hidayah karangan Imam Al Ghazali r.a., Ayyuha Al Walid juga karangan Imam Al Ghazali, Hidayah As Salidin (syarah kitab Bidayah Al Hidayah) karangan Syeikh Abdul

Samad Al Palimbangi, Sirus As Salikin (intisari kitab Ihya Ulumiddin karangan Imam Al Ghazali) juga karangan As Syeikh Abdul Samad Al Palimbangi, dan tidak ketinggalan kitab Al Hikam karangan Ibnu Ato'illah.

Tafsir: antaranya Tafsir Jalalain karangan Jalaluddin Al Mahalli dan Jalaluddin As Sayuti, Tafsir 'Ala Al Jalalain dan Tafsir Al Khazin bertajuk Lubab At Ta'wil Fi Ma'ani At Tanzil.

Bahasa Arab (terutamanya nahu saraf): antara kitab-kitabnya ialah Matan Al Ajirrumiyah, Matan Al Bina, Syafh Ibnu 'Uqail, Matan Al Fiyyah dan syarahnya. Seterusnya kitab Usymuni dan Mughni Al Labib karangan Ibnu Hisyam.

Giat Dalam Penulisan

Ketika Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan mula mengura-urakan penerbitan sebuah majalah Islam, yang dicadangkan oleh Tuk Kenali, maka Datuk Perdana Menteri tidak nampak orang lain untuk menggerakkan majalah itu melainkan Tuk Kenali sendiri. Oleh itu dengan inisiatif Tuk Kenali sebagai tenaga penggerak utamanya, lahirlah sebuah majalah bulanan yang dipanggil Pengasuh pada 11 Julai 1918. Tuk Kenali, selaku Ketua Pengarang Kehormatnya, banyak menghasilkan artikel untuk majalah itu yang sebahagian daripadanya telah dikeluarkan semula dengan ulasan oleh Ustaz Abdullah Qari dalam buku karangannya, Pusaka Tuk Kenali.

Dalam keluaran sulung majalah Pengasuh, Tuk Kenali antara lain membuat saranan berikut:

"...maka cintalah saya dengan harapan bahawa diadakan pada tiap-tiap sebuah negeri di dalam Semenanjung Tanah Melayu kita ini sekurang-kurangnya satu suratkhabar yang dipunyai oleh anak negeri sendiri supaya menepati ia utusan yang bijaksana (Islam)."

Saranan Tuk Kenali itu menunjukkan beliau menyedari pentingnya umat Islam memiliki dan menguasai media massa sebagai alat menyampaikan mesej Islam ke tengah masyarakat. Selain menjadi tenaga penggerak Pengasuh, Tuk Kenali juga adalah penasihat dan penulis untuk sebuah lagi majalah Islam, Al Hidayah.

Dalam bidang penulisan ilmiah, Tuk Kenali telah berusaha menterjemahkan kitab Al Umm dan tafsir Al Khazan walaupun terjemahan kedua-dua kitab itu tidak sempat disiapkan sepenuhnya. Usaha penterjemahan itu adalah atas permintaan Sultan Kelantan sendiri menerusi surat bertarikh 15 April 1929 kepada Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Bagi memenuhi keperluan pelajar peringkat rendah, Tuk Kenali menyusun kitab pelajaran nahu saraf (Tasrif) yang kemudiannya diterbitkan oleh muridnya Tuan Guru Haji Ali Solehuddin dengan judul Ad Durus Al Kunaliyah Al Ibtidaiyah dan kitab Tasrif 'Arf yang disusun oleh muridnya, Syeikh Othman Jalaluddin.

Di samping mempelopori penerbitan majalah Pengasuh, Tuk Kenali juga menerbitkan risalah pelajar (buletin) Talamiz.

Menurut Ustaz Abdullah Qari dalam bukunya Sumbangan Tuk Kenali Kepada Dunia Ilmu, Tuk Kenali adalah juga pengarang kepada kitab Khasiat Bintang-bintang dan Mujarrabat yang menggunakan nama pena Awang Kenali.

Tuk Kenali juga banyak menulis cerita-cerita teladan, cerpen serta syair. Banyak daripadanya dihimpun dan diterbitkan semula oleh Ustaz Abdullah Qari di bawah tajuk, antaranya, 12 Cerpen Tuk Kenali dan

Tuk Kadhi dan Tuk Guru. Dan banyak lagi hasil tulisan Tuk Kenali, atau karya murid-muridnya yang diambil daripada idea beliau, yang tidak dapat disenaraikan dalam ruangan yang terhad ini.

Peranan Dalam Pemerintahan

Di samping mengajar dan mendidik, Tuk Kenali juga melibatkan diri dalam urusan kemasyarakatan dan juga pemerintahan. Beliau dilantik menjadi Ahli Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Bahkan semasa majlis ini hendak ditubuhkan pada tahun 1916, Tuk Kenali telah diminta membantu menyusun undang-undang tubuhnya. Beliau juga turut terlibat menggubal Kanun Tanah Negeri yang meliputi persoalan pembahagian harta pusaka menurut syariat. Kanun itu masih dipakai sehingga ke hari ini.

Dalam masa yang sama, Tuk Kenali juga menjadi Ahli Majlis (Dewan) Ulama yang merupakan badan ulama tertinggi dalam negeri Kelantan. Beliau ditugaskan sebagai Ketua Pelajaran Agama (menyamai jawatan Penolong Mufti).

Dengan itu baik secara rasmi mahupun tidak, pendapat- pendapatnya sering diterima untuk dilaksanakan oleh pemerintah negeri yang diketuai oleh sahabatnya, Haji Nik Mahmud bin Ismail yang berjawatan Datuk Perdana Menteri (Menteri Besar).

Datuk Perdana Menteri pernah datang menemui Tuk Kenali dan bertanya, "Tuk guru, apa jalan untuk kita memajukan bandar kita, adakah dengan membuat banyak-banyak kedai perniagaan?"

Menurut cerita cucunya YB Haji Mawardi Hj Ahmad yang penulis temui, ketika Datuk Perdana Menteri datang, Tuk Kenali sedang dimandikan oleh muridnya di kolah belakang masjid Kenali. Tuk Kenali bangun ingin menghormati ketua negeri itu tetapi sahabatnya Datuk Perdana Menteri itu ber- kata, "Tak payah, tak payahlah." Lalu dengan spontan Tuk Kenali berkata, "Datuk buka sekolah banyak-banyak, insya-ALLAH di situ akan wujud kedai-kedai, bangunan- bangunan dan maju dengan ramai orang."

Mendengar jawapan itu, Datuk Perdana Menteri pun balik dan mengambil keputusan melaksanakan saranan yang mulia itu. Maka sejak itu lahirlah banyak sekolah agama dan juga sekolah kebangsaan di merata tempat dalam negeri Kelantan. Hasilnya amat nyata, dengan adanya sekolah, bidang- bidang lain turut wujud dan membangun. Dengan kata lain, pembangunan lahiriah terhasil dengan sendirinya bila telah wujud pembangunan rohani yang bermula dari pendidikan.

Dampingan Tuk Kenali dan Datuk Perdana Menteri itu merupakan gandingan di antara ulama dan umarak yang amat perlu bagi sesebuah negara yang bercita-citakan Islam. Segala keputusan berkaitan pemerintahan adalah berdasarkan pendapat dan keputusan ulama. Kebetulan mereka berdua adalah sahabat yang sealiran dalam cita-cita.

Baginda Sultan Ismail turut menghormati Tuk Kenali sebagai seorang ulama besar. Bagindalah yang menitahkan supaya Tuk Kenali menterjemahkan kitab induk Al Umm karangan Imam Syafi'i dan kitab tafsir Al Khazan. Kepercayaan ini diberi berdasarkan kemampuan besar Tuk Kenali. Cuma penterjemahan kitab panjang berjilid-jilid ini tidak dapat disiapkan dalam masa hayat beliau.

Istimewanya, walaupun Tuk Kenali rapat dengan kerajaan dan raja yang memerintah, namun beliau tidak pernah tunduk kepada sebarang bentuk maksiat yang dilakukan oleh penguasa dan orang ramai. Beliau hanya terlibat dalam soal- soal kebaikan sahaja, dan sentiasa berusaha menghapuskan maksiat. Dengan kata lain, Tuk Kenali tidak menjadi ulama pengampu yang mengiyakan apa saja yang dibuat oleh pemerintah demi menjaga kedudukan dan periuk nasi.

Tuk Kenali tidak akan hadir sama sekali dalam majlis- majlis maksiat termasuk majlis walimah (kenduri kahwin) yang bercampur maksiat sekalipun ia turut dihadiri oleh orang-orang besar kerajaan. Orang ramai sangat memahami serta malu dengan sikap dan pendirian Tuk Kenali ini.

Akhlak dan Amalan Rohaniah

Tuk Kenali terkenal sebagai orang yang sangat menghormati ibu, dan sentiasa memohonkan restu ibunya untuk membuat sesuatu pekerjaan baru yang besar. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Syurga di bawah tapak kaki ibu."

Beliau sentiasa merendah diri, sangat pemurah, suka menderma terutamanya kepada fakir miskin dan anak-anak yatim. Beliau juga seorang yang zuhud. Baginya dunia ini hanya daki yang akan ditinggalkan pada bila-bila masa saja. Dalam hidup bermasyarakat, beliau tidak pernah menolak jemputan atau hajat orang ramai kecuali uzur.

Satu sifat mulia Tuk Kenali, jika orang terjumpa sesuatu barang kepunyaannya terjatuh atau tertinggal maka beliau tidak mahu menerimanya jika orang itu ingin memulangkan semula kepadanya. Kejadian ini acap kali berlaku. Tuk Kenali akan berkata, "Ambil ket mu lah tu, rezkimu."

Ada tidak pun, murid-muridnya jika hendak memulangkan sesuatu milik Tuk Kenali, ianya dipulangkan melalui Mak Haji, panggilan bagi Hajah Ruqayah, isteri Tuk Kenali.

Begitulah kehalusan budi pekerti Tuk Kenali, yang merupakan hasil daripada amalan tareqat dan penghayatan ilmu tasawuf yang diselaminya daripada kitab-kitab besar karangan ulama-ulama muktabar seperti Al Imam Ghazali, Ibnu Ato'illah dan Syeikh Abdul Samad Al Palimbangi.

Daripada kitab-kitab yang dijadikan teks pengajiannya dalam ilmu tasawuf, dapatlah difahami bahawa Tuk Kenali menerima amalan-amalan rohaniah yang melibatkan tawassul,wasilah dan soal-soal tareqat. Persoalan ini terdapat dalam kitab-kitab Ihya Ulumuddin, Sirrus As Salikin dan Hikam.

Di samping mengamalkan tarekat (Tarekat Ahmadiah yang diasaskan oleh Syeikh Ahmad Idris), Tuk Kenali juga banyak mengamalkan selawat nabi s.a.w, melazimkan bacaan surah Al Ikhlas dan doa yang disusun oleh Imam Ghazali dalam bertajuk Ayyuhal Walad (Wahai Anak). Doa ini agak panjang dan tidak dapat diperturunkan di sini. Begitu juga dengan selawat susunan Tok Kenali. Banyak lagi amalan peninggalan Tok Kenali termasuk amalan yang menyebut "Oh, Oh, Oh" dan "Hu, Hu, Hu" yakni bermaksud "Huwa, Huwa, Huwa" atau "Dia Allah... Dia Allah... Dia Allah... Dia Allah... Dia Allah."

Ustaz YB Mawardi Haji Ahmad Bakok (kiri sekali), cucu Tok Kenali.

Ustaz Abdullah Qari bin Haji Salleh, seorang penulis yang banyak menghasilkan buku dan artikel. Banyak maklumat mengenai Tuk Kenali yang penulis dapat daripadanya.

Penulis bersama Haji Mohammad bin Senik (kanan). Banyak pengetahuannya mengenai sejarah kelahiran pondok Tuk Kenali di Kampung Paya.

Majalah Pengasuh; penerbitannya dipelopori oleh Tuk Kenali yang menjadi Ketua Pengarangnya yang pertama.

Sebahagian daripada tapak Pondok Kenali di Kampung Paya.

Karamah Tuk Kenali

Banyak cerita tentang karamah Tuk Kenali sudah diselit-selitkan secara tidak langsung dalam tulisan ini namun masih banyak lagi kejadian pelik yang benar-benar berlaku ke atas diri Tuk Kenali sebagai seorang wali ALLAH itu. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Tuk Kenali membenci amalan jahiliah berlaga kerbau yang masih menjadi kegemaran orang zaman itu. Satu hari, riuh-rendah orang ramai berpesta meraikan kemenangan kerbau laga milik Tuk Deramin. Kerbau itu dipakaikan baju berhias. Kebetulan bertembung dengan Tuk Kenali, lalu beliau bertanya, "Kenapa dipakai-pakai macam ni?"

Orang di situ menjawab secara mempersenda, "Kerbau itu panas." Tuk Kenali pun membalas jawapan itu dengan berkata, "Biar dia panas." Dan pada malamnya rumah Tuk Deramin termasuk bangsal kerbaunya terbakar hangus.

2. Ada seorang yang menjala ikan tak dapat-dapat sebarang jenis ikan, lalu bertembung dengan Tuk Kenali. Tuk Kenali pun memegang-megang sambil menepuk-nepuk jalanya itu. Selepas itu orang itu menjala dengan sekali campak (tebar) saja sudah dapat banyak sungguh ikan.

3. Pernah berlaku beberapa kali anak muridnya mendapati Tuk Kenali menyeberangi sungai tanpa dilihat melalui jambatan ataupun menaiki perahu. Cerita ini amat panjang. Dan Tuk Kenali pula berjalan cepat sehingga anak-anak muridnya selalu ketinggalan.

"Beliau nampak berjalan macam biasa saja tetapi selalunya beliau sampai dulu seolah-olahnya dunia ini sempit baginya," cerita murid-muridnya.

4. Dalam satu majlis jamuan buah-buahan, seorang daripada hadirin menyambut biji durian yang dikulum oleh Tuk Kenali, seraya berkata, "Tuk guru, yang ni hamba hendak buat benih." Ternyata pokok durian yang ditanam dari biji benih yang berkat itu tumbuh begitu subur dan menghasilkan buah durian yang bermutu tinggi serta lazat.

5. Tuk Kenali dikatakan ada firasat yang benar. Ini dapat dibuktikan dengan ramalannya yang betul-betul berlaku. Sabda Rasulullah SAW, maksudnya: "Takutilah firasat orang Mukmin kerana dia melihat dengan nur (cahaya) ALLAH." Pernah Tuk Kenali memberitahu, "Jepun akan menjajah Tanah Melayu."

Ternyata lapan tahun selepas beliau kembali ke rahmatullah, bangsa bermata sepet itu masuk menguasai Tanah Melayu.

Tuk Kenali juga pernah memberi amaran supaya bersiap sedia kerana banjir besar akan melanda Kelantan. Beliau berkata, "Aku ada alamat akan berlaku bah besar. Kerana itu kamu bersiap sedialah..." Setahun kemudian berlakulah bah besar seperti yang dikasyafkan kepada Tuk Kenali itu yang terkenal dengan 'bah merah', yang tertera dalam catatan sejarah penting negeri Kelantan; berlaku pada 26 Disember 1926. Ia dinamakan 'bah merah' kerana airnya terlalu keruh berwarna kemerah-merahan. Air Sungai Kelantan melimpahi tebing dan menenggelamkan bandar Kota Bharu, hingga 12 hari baru surut. Banyak jiwa terkorban, binatang ternak mati, tanam-tanaman musnah dan rumah serta bangunan-bangunan rosak. (Beberapa hari selepas berlaku bah besar ini, berlaku pula kebakaran besar di Kota Bharu.)

6. Pada satu hari secara tiba-tiba Tuk Kenali memanggil Tuan Haji Taib Kangkong, seorang murid tua yang pandai menyembelih.

"Haji Taib, mana golok sembelihanmu?" tanya Tuk Kenali. "Asah golok itu!" tambah Tuk Kenali.

Haji Taib memang mengetahui tiada binatang yang hendak disembelih lalu terlanjur lidahnya untuk bertanya, "Mana kambing, Tuk Guru?"

"Asahlah golok itu, insya-Allah," balas Tuk Kenali.

Sesudah siap Haji Taib mengasah golok, tiba-tiba datang dua tiga orang membawa kambing masing-masing dan diserahkan kepada Tuk Kenali.

"Ha, sembelihlah kambing-kambing ni," arah Tuk Kenali kepada murid tuanya yang cukup akur dengan perintah gurunya itu.

Pulangnya Ulama Terbilang

Setelah umurnya melebihi 60 tahun, Tuk Kenali semakin uzur sehingga akhir-akhir hayatnya beliau terlantar di rumah kerana dihinggapi sakit patah jentang; berkudis di kaki kiri hingga berlubang merobok. Sakit tak terhingga. Tetapi Tuk Kenali terus sabar dan tenang. Lubang kudisnya semakin membesar dan di dalamnya hidup ulat-ulat kudis.

Satu hari sedang Tuk Kenali mandi di tepi telaga pondoknya, ulat itu terjatuh, lalu beliau memanggil muridnya Haji Muhammad Gelang Tuk Uban.

"Mat cepat mari, ayah panggil," jerit Hajjah Ruqaiyah yang berada di sisi suaminya itu. Haji Muhammad segera mendapatkan tuk guru kesayangannya itu.

"Cepat Mat, selamatkan saudaraku, dia terjatuh ke dalam lubang lalu menghilang," arah Tuk Kenali, meminta muridnya itu mencari ulat itu dan memasukkan semula ke dalam lubang di kakinya. Ulat itu ditemui lalu Tuk Kenali sendiri yang memasukkannya ke dalam lubang kudis di kakinya itu.

"Tuk guru, biar hamba buang ulat di kaki tuk guru," pinta muridnya agar tuan gurunya segera sembuh.

Tuk Kenali yang sudah rasa dirinya tidak akan lama lagi berada di dunia fana itu berkata perlahan-lahan, "Biarlah dia hidup, dia mahu makan seperti kita manusia juga." Peristiwa ini mengingatkan kita kepada

ujian yang menimpa Nabi Allah Ayub a.s. yang sabar menanggung derita sakit kudis penuh badan hingga berulat.

Tidak lama kemudian sakit Tuk Kenali menjadi berat. Beliau berbaring tidak mengeluarkan apa-apa perkataan lagi. Anak-anak dan isteri berada di sekelingnya.

Cucunya YB Haji Mawardi menceritakan satu peristiwa sahih yang beliau dapat secara langsung dari ayahnya sendiri Tuan Haji Ahmad Bakok, anak sulung Tuk Kenali. Ceritanya begini:

Sewaktu masing-masing berada di sekeliling Tuk Kenali yang berbaring tanpa berkata apa-apa, Tuan Guru Haji Ahmad Bakok duduk di sebelah belakang ayahnya (bantal baring Tuk Kenali ditinggikan). Suasana hening seketika. Pada masa itu Tuan Guru Haji Ahmad mendengar kalimah Allah..., Allah..., Allah..., Allah..., Allah..., Allah..., Allah.... dari dalam diri ayahnya. Tuan Guru Haji Ahmad bergerak ke samping tetapi dilihat mulut ayahnya sedikit pun tidak bergerak sedangkan kalimah Allah..., Allah..., Allah... terus kedengaran. Haji Ahmad sedar hati ayahnya hidup dengan lafaz mulia yang terang sampai didengar oleh telinganya.

"Ini cerita sahih daripada ayah saya," cerita YB Haji Mawardi kepada penulis.

Di saat-saat begitulah Tuk Kenali kembali menemui Kekasihnya yang tercinta Allah Azzawajalla pada bulan Syaaban 1352 Hijrah bersamaan 19 November 1933 berusia 65 tahun.

Kembalinya ulama berjiwa sufi yang dikenang jasa-jasa peninggalannya dan menjadi suri teladan kepada generasi kini.

Tuk Kenali Dari Kacamata Anak Muridnya

"Tuk Kenali pandai dan rajin memasak khususnya beberapa jenis masakan Arab seperti kebab. Selalu juga saya diminta menolongnya memasak dan apabila siap dia panggil ramai- ramai makan. Untung juga kami kerana dapat menumpang makan masakan Arab. Masakan Melayu pun dia pandai."

Begitulah antara keistimewaan peribadi Tuk Kenali menurut pandangan Haji Mohd Nor atau lebih dikenali dengan panggilan Tuk Ayah Nor Bot, 87 tahun. Beliau menjadi murid Tuk Kenali selama kira-kira 20 tahun.

Sejak berumur dalam lingkungan 19 tahun, Tuk Ayah Nor Bot menjadi anak murid Tuk Kenali selama 10 tahun di Pondok Kenali, Kubang Kerian dan 10 tahun lagi di Masjid Al Muhammadi, Kota Bharu. Kemudian beliau melanjutkan pelajarannya ke Makkah selama 7 tahun bersama Tuan Guru Haji Ahmad, anak sulung Tuk Kenali.

Semasa di Makkah, Tuk Ayah Nor Bot (Bot ialah nama tempat beliau dilahirkan) tidak dapat lagi mengikuti perkembangan perjuangan Tuk Kenali. Namun beliau mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Tuk Kenali sebagai murid kanan.

"Hamba rasa dia (Tuk Kenali) macam ayah hamba sendiri," kata Tuk Ayah Nor Bot ketika ditemui di rumahnya.

Beliau berkata Tuk Kenali pandai mengajar dengan cara yang mudah difahami oleh murid walaupun matapelajaran rumit seperti nahu, saraf, tafsir. Murid-muridnya pula sentiasa mendapat galakan dan bersemangat serta bersungguh-sungguh mentelaah dan menghafaz sehingga larut malam.

"Ramai di antara kami berlumba-lumba menghafaz ilmu terutamanya nahu saraf," tambah Tuk Ayah Nor Bot dengan senyum berseri-seri. Kemudiannya beliau berjaya membuka pondok di kampungnya, Bot, Kelantan. Ini pun atas galakan Tuk Kenali.

"Tuk Kenali mengajar pada sebelah pagi selepas Isyrak sehingga hampir Zuhur. Pada sebelah malam, tuan-tuan guru lain pula mengambil alih mengajar. Selalu juga Tuk Kenali tidak berjemaah sembahyang fardhu Isyak kerana beliau menunaikan sembahyang Isyak pada waktu tengah malam dan diikuti dengan sembahyang Tahajjud, berwirid dan membaca Al Quran, kadang-kadang sehingga Subuh, dan terus berjemaah Subuh bersama kami," cerita Tuk Ayah mengingati zaman silamnya bersama tuk guru yang disayanginya.

Susunan program hidup itu memudahkan Tuk Kenali memenuhi hajat-hajat orang ramai pada masa lapangnya. Beliau tersangat suka membesarkan pemberian orang dan sentiasa memenuhi jemputan bagi menggembirakan hati orang ramai (kecuali jemputan kenduri kahwin yang ada maksiat).

Tuan Guru Haji Mohd. Nor (Tuk Ayah Nor Bot), Ketereh.

"Tuk Kenali yang saya kenali itu tidak pernah menolak pemberian orang ramai. Kalau musim buah-buahan, silih berganti orang menziarahi beliau untuk memberi buah-buah kadang-kadang berguni-guni banyaknya. Saya selalu mengikuti beliau untuk tolong membawanya ke pondok dan dibahagi-bahagikan kepada kami semua. Kadang-kadang Tuk Kenali menolong beli barang-brang keperluan penduduk pondok apabila ia keluar ke pasar. Anehnya apabila balik dia bawa bakul penuh dengan berisikan ikan, sayur-sayur yang diberikan oleh peniaga-peniaga pasar. Begitulah selalunya. Kemudian dia bagi-bagikan."

Menurut Tuk Ayah lagi, walaupun Tuk Kenali tidak suka memarahi muridnya, lebih-lebih lagi merotan, namun semua muridnya sangat malu dan terlalu menghormati beliau. Beliau juga disegani kawan dan digeruni lawan.

"Ramai juga musuhnya yang tidak senang dengan peribadi dan perjuangan yang tidak baik di belakang beliau. Anehnya tak seorang pun sanggup untuk berdepan dengan beliau. Ini mungkin barangkali satu daripada karamah Tuk Kenali yang berjuang sungguh-sungguh membangunkan pondok," jelas Tuk Ayah lagi.

Mengenai penerbitan majalah Pengasuh, Tuk Ayah tidak begitu pasti kerana pada masa itu dia di Makkah. Tetapi apa yang dia tahu, majalah itu diterbitkan oleh Datuk Perdana Menteri dan digerakkan oleh Tuk Kenali.

Peranan Tuk Kenali dalam Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan terlalu besar. "Dalam setiap mesyuarat, Tuan Mufti Haji Idris selaku pengerusi tetap bertanya kepada Tuk Kenali sebagai rujukan terakhir dalam semua masalah sama ada penting atau tidak," tambah beliau.

Demikian kegigihan serta kebijaksanaan serta tarbiah- tarbiah lisan, tulisan dan contoh teladan yang diberikan, menjadikan Tuk Kenali seorang pemimpin masyarakat dan tuan guru yang berwibawa. Beliau berjaya melahirkan murid-murid dan ulama-ulama yang berjiwa sufi serta mampu mengendali- kan pondok-pondok di tempat masing-masing. Tuk Kenali, seorang tokoh pejuang, pemimpin dan guru kepada ribuan murid dan pengikut dari merata tempat di Nusantara ini.

7

TUAN HUSSEIN KEDAH AL BANJARI

Ulama Berdarah Panglima

TUAN HUSSEIN KEDAH AL BANJARI adalah pengasas kepada enam buah pondok pengajian dalam negeri Kedah dan sebuah di Pokok Sena, Seberang Perai. Ini tidak termasuk usaha beliau membangunkan semula pondok datuknya di Gajah Mati, Jitra, Kedah.

Beliau telah menulis tidak kurang daripada 18 buah kitab mengenai berbagai persoalan agama. Dan dalam bidang ini (mengarang kitab) beliau adalah ulama Kedah yang terbanyak mengarang kitab pada zamannya.

Dalam melaksanakan hukum, Tuan Hussein sangat berhalus dan tegas. Beliaulah orang yang pertama menentang sistem riba dalam soal pinjam-meminjam serta menolak pelaksanaan peraturan tauliah mengajar yang diselewengkan, dan menentang pelaksanaan akta cetak kitab.

Lantaran keberaniannya mempertahankan pendirian, Tuan Hussein menerima tindakan dibuang negeri. Namun semasa di Seberang Perai, beliau terus bergiat menyebarkan ilmu dan mengarang kitab. Tuan Hussein juga seorang pendakwah yang aktif.

Berjuang Tidak Hirau Batasan Politik

Tahun 1810, ketika Kedah sedang berperang dengan Siam, satu rombongan haji singgah di Kuala Kedah dalam perjalanan pulang dengan kapal layar ke Kalimantan. Rombongan ini diketuai oleh Hj. Masoudi, cucu kepada Syeikh Muhammad Arshad Al Banjari iaitu seorang alim besar dan wali Allah yang terkenal dengan kitab feqahnya, Sabilal Muhtadin. Hj. Masoudi dan rombongannya tidak berhajat untuk berlama-lama di Kedah kerana kampung asal mereka di Mertapura, Banjar Masin, Kalimantan melambai-lamai memanggil mereka pulang, setelah berbulan-bulan mereka di perantauan.

Tetapi taqdir Allah mengatasi perancangan manusia. Rombongan mereka ditahan oleh pasukan penyiasat Kedah. Bagaimanapun mereka tidak melakukan apa-apa kesalahan yang melanggar undang-undang negeri, sebaliknya tenaga Hj. Masoudi diperlukan untuk menghadapi serangan Siam.

Berita kehadiran Hj. Masoudi disampaikan ke pengetahuan Raja Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin Shah. Baginda tertarik apabila diberitahu bahawa Hj. Masoudi seorang alim lagi warak dan handal dalam ilmu kerohanian. Baginda lalu melantik Hj. Masoudi sebagai salah seorang panglima menghadapi ancaman Siam. Dalam peperangan itu, Siam menerima pukulan teruk di tangan angkatan perang Kedah yang turut dikepalai oleh Hj. Masoudi.

Sejak itu Hj. Masoudi terus menetap di Kedah bersama ahli keluarganya. Daripada zuriat Hj. Masoudi inilah, 50 tahun kemudiannya lahir Tuan Hussein Kedah Al Banjari, atau nama sebenarnya Hussein bin Hj. Muhammad Nasir, tokoh ulama yang menjadi pengasas kepada enam buah pondok termasuk Madrasah Taufiqiah AI Khairiah di Padang Lumat, Yan, Kedah (kemudiannya dikenali sebagai Pondok Pak Ya). Beliau juga pengarang kepada 18 buah kitab, yang meletakkannya sebagai ulama pondok yang paling banyak mengarang kitab, khususnya di Kedah.

Tuan Hussein lahir di Titi Gajah, Kedah pada 20 Jamadilawal 1280H (1863M). Beliau mendapat asuhan awal dari ibunya Tengku Fatimah dan didikan agama daripada datuknya, Hj. Mohd. Taib, seorang ulama terkenal di Kedah yang mengasas pondok pengajian agama di Titi Gajah sekitar tahun 1870M. Tuan Hussein tinggal dengan datuknya itu sejak kecil. Pendek kata, beliau membesar dalam suasana keagamaan.

Waktu kecil, orang memanggilnya Cik Megat kerana ibunya adalah kerabat diraja. Manakala ayahnya seorang ahli perniagaan, dan sering bermusafir ke luar negeri; biasa naik tongkang berulang-alik antara Borneo dan Burma.

Tuan Hussein suka mengikut datuknya ke majlis-majlis pengajian. Bila datuknya mengajar di surau, Tuan Hussein akan bermain dengan kawan-kawannya di bawah surau. Dan dari bawah surau itu, dia memberi perhatian pada apa yang diajar oleh datuknya.

Masuk umur belasan tahun, Tuan Hussein sudah mahir dalam bahasa Arab, dan sudah agak tinggi ilmu agamanya. Beliau sering bergaul dengan anak-anak murid datuknya yang lebih twa darinya, di Pondok Titi Gajah.

Dalam lingkungan usianya 18 tahun, Tuan Hussein mendapat restu datuknya untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Tuan Hussein berangkat ke Pattani, negeri yang terkenal sebagai pusat penyebaran ilmu agama pada masa itu. Beliau menuntut dengan beberapa orang ulama terkemuka termasuk Tuan Samela, yang pernah menjadi guru datuknya, Hj. Mohd Taib.

Selepas setahun di Pattani, Tuan Hussein menghabiskan lebih 10 tahun menjelajah ke merata negeri bermula pada tahun 1299H (1881M), bagi mendalami ilmu dan meluaskan pengalaman. Negeri-negeri yang dijelajahinya ialah Kelantan, Terengganu, Singapura, Johor dan Melaka.

Semasa dalam perantauan itu, Tuan Hussein bukan saja menuntut ilmu tetapi juga berlatih hidup berdikari. Di sesetengah tempat seperti di Terengganu, beliau tidak belajar, hanya membuat kerja kampung, manakala di Melaka, beliau bekerja mengambil upah menyemat semiar dan atap.

Dari Melaka, beliau menaiki tongkang menyeberang Selat Melaka menuju ke Medan dan terus ke Acheh. Setelah setahun belajar di Acheh, beliau pulang ke Semenanjung dan mendarat di Melaka. Kemudian menuju ke Perak melalui jalan darat.

Di Perak, Tuan Hussein mengajar dan banyak menyelesaikan persoalan masyarakat berdasarkan hukum syarak. Di sinilah beliau mula menunjukkan ketokohan sebagai ulama dan mendapat gelaran 'Tuan Hussein'.

Ketika itu, di Kampung Rebana tempat dia menetap, ada seorang alim yang suka bertelingkah mengenai persoalan tauhid. Orang alim itu mencabar Tuan Hussein berbahas. Demi untuk mempertahankan perkara yang haq, Tuan Hussein menyahut cabaran itu. Dan dengan izin ALLAH, beliau berjaya membuktikan kebenaran dan membetulkan pendapat orang alim yang sombong itu, sekaligus menundukkannya.

Sejak itulah Tuan Hussein mula disanjung dan dihormati sebagai ulama. Ramai orang yang mula datang belajar dengannya.

Kemasyhuran Tuan Hussein memikat hati Tuk Penghulu Abdul Wahab di Panjang Laut, Sitiawan, Perak, yang berkenan menjodohkan Tuan Hussein dengan anaknya bernama Jaharah. Beliau bukan saja tertarik dengan ketinggian ilmu Tuan Hussein bahkan juga dengan keindahan akhlaknya.

Tidak berapa lama kemudian, Tuan Hussein bersama isteri pulang ke Kedah untuk membantu datuknya mengajar di Pondok Titi Gajah. Datuknya Haji Mohd Taib sudah lanjut usianya.

Di Kedah, Tuan Hussein kemudiannya berkahwin dengan Siti Khadijah setelah Jaharah kembali ke rahmatullah kerana sakit bersalin anak kedua. Kedua-dua anak Tuan Hussein bersama Jaharah meninggal dunia.

Pada tahun 1314H (1896) ketika berumur 33 tahun, Tuan Hussein bertolak ke Makkah untuk melanjutkan pelajarannya. Belanja perjalanan ke sana datuknya yang tanggung.

Di Makkah, beliau sempat belajar dengan Syeikh Nawawi Banten (ulama ulung Nusantara), Tuan Ahmad Lingga dan Syeikh Omar Sembewa. Di Tanah Suci juga Tuan Hussein bersahabat rapat dengan Tuk Kenali dan beberapa orang ulama Tanah Melayu lain yang bersamanya menuntut di Makkah. Dengan itu Tuan Hussein sempat menjadi murid kepada Syeikh Ahmad Al Fatani.

Tuan Hussein belajar selama empat tahun di Makkah, dan apabila pulang semula ke Titi Gajah, beliau berusaha selama dua tahun menyusun semula pondok peninggalan datuknya. Tuan Hussein semakin terkenal sebagai orang alim yang berwibawa. Dalam masa yang sama, beliau membangunkan pondok di Alor Ganu kerana memenuhi permintaan masyarakat tempatan. Itulah pondok pertama yang diasaskan sendiri oleh Tuan Hussein.

Beberapa tahun kemudian, beliau berhijrah lagi dan mengasaskan pondok pengajian kedua di Bohor pula. Di Bohor, Tuan Hussein tinggal selama 13 tahun. Itulah paling lama beliau menetap di satu-satu tempat dalam sejarah perjuangannya menuntut ilmu dan membangunkan pondok.

Dalam tahun 1912, Tuan Hussein berhijrah lagi untuk membangunkan pondok ketiga di Bagan Ulu, Pantai Merdeka. Selepas lebih kurang tujuh tahun di Pantai Merdeka, barulah beliau membangunkan pondok keempat di Kampung Selengkoh, Sungai Limau.

Pada tahun 1924, Tuan Hussein mengasaskan pondok kelima, Pondok Al Taufiqiah Al Khairiah di Batu 16, Padang Lumat (sekarang menjadi sekolah menengah agama dengan penuntutnya melebihi 3,000 orang). Beliau hanya sempat empat tahun di Padang Lumat sebelum berhijrah ke Pokok Sena, Kepala Batas.

Penghijrahan Tuan Hussein ke Pokok Sena itu berlaku disebabkan beliau diperintah keluar dari Kedah atas alasan melanggar beberapa peraturan atau undang-undang negeri. Penghijrahan itu mendorong Tuan Hussein membuka pondok keenam di Pokok Sena iaitu Madrasah Al Khairiah Al Islamiah. Madrasah ini yang kini masih hidup, sangat maju semasa di bawah pengendalian anaknya, Allahyarham Sohibul Fadhilah Tuan Guru Hj. Ahmad bin Hussein.

Allahyarham Hj. Ahmad pernah berkata, "Prinsip Tuan Hussein membangunkan pondok ialah untuk mengembangkan ajaran Islam dan memudahkan bagi orang yang ingin mempelajarinya. Dengan sebab itu, kalau sudah didapati tempat itu telah ramai orang yang berpengetahuan agama maka ia akan berpindah ke tempat lain. Dengan sebab kebanyakan orang tidak tahu membaca dan menulis, maka dia pindah ke tempat lain pula; begitulah seterusnya hingga akhir hayatnya."

Tuan Hussein Kedah Al Banjari

Madrasah Al Khairiah Al Islamiah, Pokok Sena. Dibina pada tahun 1950.

Model susunan pondok Tuan Hussein di Pokok Sena

Masjid wakaf Tuan Hussein di Titi Gajah.

Sek. Men. Agama Taufiqiah Khairiah Al Islamiah di Pokok Sena.

Haji Abdul Malik Zain (kiri), anak saudara Tuan Hussein yang menjadi murid bapa saudaranya itu lebih 10 tahun.

Tuan Hussein sangat tegas melaksanakan disiplin pondok. Beliau akan memastikan anak-anak murid dan pengikut-pengikutnya tidak merokok, tidak menyanyi dan tidak bergaul bebas lelaki perempuan. Beliau juga memastikan murid-muridnya sembahyang jemaah dan menghadiri kuliah yang ditetapkan. Malah beliau menyusun kedudukan pondok-pondok lelaki, perempuan dan pondok-pondok kelamin dengan kemas sekali supaya terhindar daripada pergaulan bebas lelaki perempuan.

Semua pelajar perempuannya menutup aurat dan yang lelaki memakai kopiah putih. Tindakan terakhirnya dalam memastikan tatatertib pondok beijalan baik ialah dengan merotan pelajar-pelajar yang tidak mematuhi peraturan.

Kejayaan Tuan Hussein membangunkan enam buah pondok pengajian dalam masa beberapa tahun itu merupakan sesuatu yang dikira luar biasa, yang mungkin satu karamah maknawiyah anugerah ALLAH kepadanya. Beliau juga mempunyai daya tarikan yang mengkagumkan kerana di mana saja beliau menetap dan membuka pondok pengajian, sambutan masyarakat amat menggalakkan.

Lebih mengkagumkan lagi, dalam kesibukan mengajar serta membuka dan mentadbir pondok-pondok pengajian, Tuan Hussein sempat mengarang 18 buah kitab tauhid, feqah dan tasawuf. Antara kitab-kitab karangannya ialah Hidayatus Sibyan, Hidayatul Fatah, Majmu' Al La'i, Hidayatul Asfal, Tamrin As Sibyan, Allamiat Wal Afiat, Malaqis, Syar Al Akbar, Tafreh As Sibyan, Hidayatul Mutafakkrin dan Usul Al Tauhid.

Dalam beberapa buah kitabnya, Tuan Hussein ada membicarakan konsep perniagaan dan dasar pertanian Islam. Antaranya ialah kitab Tanbih Al Ikhwan di Tadbit Al Maishah wa Taslih Al Buidan yang ditulis pada tahun 1354H. Kitab ini diterbitkan di Perak atas permintaan Raja Muda Perak, Raja Abdul Aziz.

Dalam kitabnya, beliau menggariskan panduan-panduan ekonomi tanpa riba dan terhindar daripada sebarang bentuk penipuan dan penindasan. Beliau mengeluarkan nas-nas yang menggalakkan umat Islam menceburkan diri secara cergas dalam bidang perniagaan dan pertanian. Beliau menyatakan bahawa berniaga dan bertani merupakan pekerjaan yang mulia di sisi Allah SWT. Tuan Hussein juga membicarakan soal berkat, penunaian zakat tanaman dan hukum menghidupkan bumi yang mati (tanah terbiar tanpa pemilik).

Selain itu, beliau menyarankan supaya umat Islam kuat bekerja dan pandai mengurus agar perniagaan atau pertanian yang dilaksanakan itu menghasilkan kejayaan. Dalam bidang ini Tuan Hussein turut menjayakan pekerjaan menanam padi di mana saja beliau menetap.

Sebagai ulama dan pendakwah, prinsip hidup Tuan Hussein ialah berdakwah secara bebas (tidak terikat dengan jawatan rasmi) untuk membetulkan aqidah dan cara hidup manusia supaya bertepatan dengan kehendak Allah SWT. Dalam menjalankan peranan ini, beliau tidak menghiraukan batasan politik. Beliau menegur siapa saja yang melakukan mungkar di kalangan orang bawahan mahupun pihak atasan yang memegang kuasa dengan tegas, berani dan berterus-terang. Dalam kitabnya Bidayat At Talibin, Tuan Hussein mengeluarkan sebuah Hadis yang bermaksud:

"Tiada ia takut membuat pekerjaan Allah Taala itu akan cela daripada orang yang mencelakan."

Tolak Jawatan Mufti

Tuan Hussein pernah menolak jawatan. mufti yang ditawarkan oleh Sultan Kedah sebaik saja beliau pulang dari Makkah sekitar tahun 1318H. Beberapa tahun kemudian, Tuan Hussein ditawarkan pula jawatan Syeikhul Islam yang merupakan jawatan tertinggi dalam pentadbiran agama di negeri Kedah tetapi sekali lagi beliau menolak. Jawatan itu akhirnya disandang oleh Hj. Wan Sulaiman.

Selain khuatir tidak mampu menjalankan tanggungjawab dengan adil, Tuan Hussein sebenarnya memilih hidup bebas daripada terikat dengan jawatan rasmi. Beliau menghabiskan usianya dengan berdakwah secara lisan dan tulisan serta mengajar ilmu secara terbuka dan khusus (buka pondok). Dan dengan itu Tuan Hussein disegani oleh kawan dan lawan bukan saja kerana ketinggian ilmunya tetapi juga kerana ketinggian akhlak dan kewibawaannya mentadbir serta sifat kepimpinan yang ada padanya.

Beliau sangat memuliakan tareqat. Bagi Tuan Hussein, tareqat merupakan amalan tertinggi untuk menghaluskan budi pekerti dan akhlak serta jalan menghampirkan diri kepada Allah SWT. Dengan itu, tareqat layak diamalkan oleh mereka yang arif dan faham syariat. Beliau tidak setuju dengan mereka yang hanya mengamalkan tareqat tetapi mengabaikan syariat lahir dan tidak menunaikan tanggungjawab pada masyarakat sebagaimana dituntut oleh Islam.

Tuan Hussein berkata, "Mengajar tareqat kepada orang ramai (orang awam yang jahil tentang syariat) samalah seperti menggantung berlian di leher kucing." Beliau tidak mahu amalan tareqat yang disifatkan sebagai berlian itu diselewengkan oleh mereka yang jahil atau mempunyai kepentingan dunia dan mahukan sanjungan manusia. Melihat kepada amalan-amalannya, Tuan Hussein adalah pengamal Tareqat Satariah. Selain dari itu beliau terus menerus menggalakkan supaya dibanyakkan amalan sunat setelah menyempurnakan amalan fardhu. Amalan sunat adalah darjat yang membawa seseorang itu kepada makrifatullah.

Penentang Sistem Riba

Tuan Hussein adalah penentang keras amalan riba dalam urusan pinjam-meminjam. Pada tahun 1344 Hijrah, apabila Syeikhul Islam Kedah mengeluarkan fatwa yang menghalalkan faedah yang dikenakan oleh syarikat kerjasama kepada peminjam-peminjamnya, beliaulah yang paling kuat menentangnya. Beliau tegas menyatakan bahawa sistem faedah dalam urusan pinjam-meminjam syarikat kerjasama itu merupakan riba yang nyata haramnya.

Tuan Guru Hj Ahmad, anak Tuan Hussein yang mengambil alih Madrasah Al Khairiah Al Islamiah di Pokok Sena, Seberang Perai.

Penulis bersama Tuan Guru Haji Yahya Junid (Pak Ya Junid), anak murid Tuan Hussein yang mengambil alih pondok Taufiqiah Khairiah Al Halimiah Bt 16, Padang Lumat, Kedah.

Pendirian Tuan Hussein ini mempunyai pengaruh yang besar kepada masyarakat hingga Hj. Wan Sulaiman, Syeikhul Islam Kedah ketika itu, berasa tercabar.

Hj. Wan Sulaiman cuba mententeramkan keadaan dengan menemui Tuan Hussein yang pada masa itu tinggal di Pantai Merdeka. Setelah lama berbincang, Tuan Hussein dapat mempertahankan pendiriannya berdasarkan nas-nas syari'i yang sahih. Beliau bagaimanapun sedar Hj. Wan Sulaiman masih mencari-cari jalan dan helah syarak untuk menghalalkan perjalanan syarikat kerjasama yang terjebak dengan amalan riba itu.

Sebenarnya, Hj. Wan Sulaiman telah pun rasa kewibawaannya tercabar sebelum timbul isu fatwa mengenai faedah pinjaman syarikat kerjasama itu. Ini berikutan bantahan Tuan Hussein terhadap

perlaksanaan Akta Tauliah Mengajar dan Cetak Kitab yang digubal pada 17 Safar 1340 Hijrah (20 Oktober 1921). Akta itu, antara lain, menyatakan bahawa:

> Semua jenis kitab atau risalah atau kitab nukilan mesti disemak terlebih dahulu oleh Syeikhul Islam atau pembantunya sebelum diizin cetak untuk sebaran umum. Sesiapa yang melanggar peraturan ini boleh didenda $200 (masa itu nilai $200 amat besar) atau dipenjara tidak lebih daripada satu tahun.
>
> Setiap guru agama mesti mendapat kebenaran mengajar daripada State Council melainkan jika mengajar di rumah sendiri. Jika didapati mengajar tanpa tauliah atau membawa ajaran salah pada pertimbangan Syeikhul Islam (walaupun mempunyai tauliah) boleh didenda $100.00 atau dipenjara tidak lebih daripada enam bulan.

Syeikh Muhammad Arsyad Al Banjari, ulama terkemuka Nusantara. Dari keturunan beliaulah lahirnya Tuan Hussein Kedah Al Banjari.

Sebenarnya Tuan Hussein tidak menolak tujuan akta tauliah mengajar jika benar-benar untuk membanteras ajaran salah. Apa yang beliau tentang keras ialah penyelewengan dalam pelaksanaan akta tersebut di mana orang-orang yang berkelayakan mengajar turut menjadi mangsa akta tersebut. Beberapa orang daripadanya adalah anak-anak murid Tuan Hussein sendiri.

Anehnya Tuan Hussein sendiri yang terkenal sebagai ulama besar pada masa itu pun diarah supaya mengambil tauliah mengajar oleh pejabat Syeikhul Islam Kedah. Tetapi beiiau terus mengajar dan mendidik masyarakat tanpa menghiraukan soal tauliah. Beliau juga memberi perangsang kepada beberapa orang anak muridnya yang telah ditarik tauliah mereka oleh Syeikhul Islam supaya terus mengajar seperti biasa. Sikap ini memperlihatkan keberaniannya mempertahankan hak biarpun dihalang oleh pemerintah.

Selain dari itu Tuan Hussein berpendapat bahawa pelaksanaan akta ini membawa kepada kelembapan perjalanan penyebaran ilmu ALLAH SWT. Bagaimanapun, Syeikhul Islam tidak dapat bertindak keras kerana Tengku Mahmud yang menjadi Presiden State .Council dalam ucapan-ucapannya sering memuji-

muji ketinggian ilmu dan akhlak Tuan Hussein. Anak Tengku Mahmud sendiri, Tengku Abdullah, adalah anak murid Tuan Hussein. Ini yang menyukarkan Haji Wan Sulaiman.

Dalam pada itu Tuan Husein mempunyai rekod sebagai pengkritik kepada perlaksanaan kutipan zakat yang dibuat oleh Majlis Agama Islam. Beliau mendapati amil-amil yang dilantik tidak membahagikan dengan betul hasil kutipan zakat kepada asnab-asnab yang berhak menerimanya. Ini tuntutan syarak yang mesti ditunaikan dengan sempurna. Pendiriannya salam soal ini sangat tegas.

Peluang Hj. Wan Sulaiman untuk mengambil tindakan ke atas Tuan Hussein menjadi kenyataan apabila Tuan Hussein mencetak kitab karangannya, Hidayatul Mutafakkirin, di Perak dengan kebenaran Raja Muda Perak, Raja Abdul Aziz. Kesempatan ini dipergunakan sepenuhnya oleh Hj. Wan Sulaiman untuk mempengaruhi Tengku Mahmud supaya bertindak segera terhadap Tuan Hussein kerana beliau dianggap melanggar Akta Cetak Kitab.

Hj. Wan Sulaiman berjaya mendapat izin menulis sepucuk surat bercop mohor Tengku Mahmud, yang mengandungi arahan tegas supaya Tuan Hussein keluar dari negeri Kedah atas tuduhan melanggar undang-undang Negeri. Surat itu dihantar dengan tangan oleh polis. Dalam masa 24 jam itu juga Tuan Hussein keluar dari pondoknya di Batu 16, Padang Lumat dan berhijrah ke Pokok Sena, Kepala Batas, Seberang Perai. Bagaimanapun kitab Hidayatul Mutafakkirin yang dicetak di Perak itu tersebar juga di Kedah.

Antara isi kandungan surat arahan itu menurut Ahmad Abdul Ghani Said dalam tesisnya: "Kalau tidak mahu mengikut undang-undang Negeri Kedah lebih baik tidak usah duduk di Kedah. Kalau hendak duduk di Kedah ikut undang-undang Kedah."

Surat arahan tulisan tangan Syeikhui Islam Kedah itu tidak sedikit pun menjejaskan pinsip Tuan Hussein. Beliau berpegang kepada hadis Rasulullah SAW: "Tidak ada taat kepada makhluk pada perkara mungkar."

Malah Tuan Hussein tidak pernah kenal erti putus asa dan menyerah kalah dalam perjuangannya menyebarkan ilmu. Beliau terus membangunkan pondok di Pokok Sena. Madrasah Al Khairiah Al Islamiah itu didirikan dengan bantuan anaknya Hj. Ahmad, yang juga seorang ulama terkenal. Tuan Hussein terus menetap di Pokok Sena walaupun Tengku Mahmud datang memujuknya supaya pulang ke Kedah.

Setelah Hj. Wan Sulaiman kembali ke rahmatullah dan dengan pujukan berkali-kali oleh anak Tengku Mahmud, Tengku Abdullah dan dipersetujui anak-anaknya, Tuan Hussein akhirnya pulang ke Kedah sedangkan keadaannya sedang sakit. Pada 17 Zulkaedah 1354H, Tuan Hussein kembali ke rahmatullah dan dimaqamkan di tanah perkuburan wakafnya sendiri di Titi Gajah. Ketika itu beliau berumur 74 tahun.

Tuan Hussein Banyak Tanah Wakaf

Pondok Taufiqiah Khairiah Al Halimiah di Batu 16, Padang Lumat, Yan, Kedah yang diasaskan oleh Tuan Hussein, telah dimajukan menjadi sekolah menengah agama oleh salah seorang anak muridnya, Tuan Guru Hj. Yahya Junid yang terkenal dengan panggilan Pak Ya Junid. Pak Ya mengambil alih pentadbiran pondok ini pada bulan Syawal 1360H.

Menurut Pak Ya, gurunya Tuan Hussein seorang ulama yang tegas dan pemurah. Beliau banyak mewakafkan tanahnya untuk membangunkan pondok yang dia sendiri asaskan, khususnya di Pokok Sena, Titi Gajah dan Padang Lumat.

"Tuan Hussein tidak sayang wang ringgit untuk tujuan menuntut ilmu dan untuk mengembangkan ilmu," cerita Pak Ya kepada penulis.

Mengenai perpindahan Tuan Hussein ke Pokok Sena, Pak Ya berkata, "Walaupun Tuan Hussein berpindah atas arahan pemerintah kerana dituduh melanggar undang-undang negeri, namun beliau berulang sebulan sekali mengajar dan membimbing anak-anak muridnya di Padang Lumat secara senyap-senyap."

Pak Ya mengambil alih serta membangunkan semula pondok berkenaan setelah empat tahun Tuan Hussein meninggal dunia.

"Saya bersama beberapa orang kawan hanya berunding dengan anaknya Tuan Guru Hj. Ahmad yang pada masa itu sedang mengendalikan pondok peninggalan Tuan Hussein di Pokok Sena. Alhamdulillah hajat kami itu diterima dengan gembira oleh Hj. Ahmad kerana wakaf ayahnya itu terus bersambung."

Pak Ya bersama Lebai Abu Bakar, Hj. Abdul Ghani dan beberapa orang lain berusaha membangunkan semula pondok ini dengan modal permulaan $118. Sekarang madrasah yang terkenal dengan nama Pondok Pak Ya ini mempunyai lebih 3,000 pelajar peringkat rendah dan menengah agama.

Dalam pertemuan dengan penulis pada tahun 1989 tidak lama selepas berlaku tragedi kebakaran pondok tersebut yang mengorbankan 27 orang pelajar, Pak Ya berkata:

"Saya sangka ibu bapa menjadi takut kerana pondok ini baru lepas terbakar, tetapi dengan tidak diduga pelajar-pelajar baru mai lagi banyak daripada tahun-tahun lepas, hingga tidak cukup tempat."

PENUTUP

SETELAH kita kenal tujuh wali Melayu yang dipaparkan dalam buku ini, tentu kita merasa bangga dan bersyukur kerana orang-orang seperti merekalah yang menjadi tali penyambung kepada penyebaran ajaran Islam sehingga ke generasi kini. Mereka adalah pejuang agama yang sekaligus menaikkan martabat bangsa Melayu itu sendiri melalui Islam.

Malah dengan tersingkapnya sejarah hidup tokoh-tokoh ini, terbukti betapa tanah air kita kaya dengan pemimpin-pemimpin agama, cuma riwayat hidup mereka kurang diketengahkan. Ini yang malang kerana kita dan anak-anak kita lebih kenal tokoh nasionalis dan tokoh Barat daripada tokoh agama, walhal tokoh agama lebih perlu diketengahkan sebagai contoh ikutan dan suri teladan.

Adapun ketujuh-tujuh orang wali yang riwayat hidup mereka dimuatkan dalam buku ini diiktiraf kewibawaan mereka oleh orang-orang yang hidup sezaman dengan mereka. Dan sehingga kini mereka terus mendapat pengiktirafan.

Sebahagian daripada kesimpulan yang dapat kita ambil daripada keperibadian ketujuh-tujuh tokoh ini adalah seperti berikut:

1. Mereka merupakan orang berilmu, bukan saja berilmu dalam persoalan lahiriah tetapi juga persoalan rohaniah. Selain dari alim dalam ilmu feqah dan tauhid (malah ada yang alim feqah empat mazhab) mereka juga dikurniakan ilmu-ilmu wahbiah atau laduni seperti kasyaf, firasat, hatif dan ilham, ilmu yang diperolehi oleh mereka yang berhati bersih.

2. Mereka adalah orang yang warak, yakni halus keperibadian dengan sifat-sifat taqwa seperti sabar, syukur, pemurah, berani kerana. haq, rajin beribadah, ikhlas dan sebagainya.

3. Mereka aktif dalam perjuangan fisabilillah. Demi mengembangkan agama ALLAH, mereka tidak duduk diam. Masa, tenaga, harta benda dan wang ringgit dikorbankan untuk itu.

4. Mereka merupakan ahli-ahli tareqat dan tiga daripadanya menjadi khalifah tareqat.

5. Mereka dikurniakan karamah baik karamah zahiriah mahupun karamah maknawiyah. Ada yang dikurniakan kedua-dua bentuk karamah tersebut.

6. Kehebatan mereka membuatkan mereka dihormati oleh pemerintah dan digeruni penjajah. Dalam masa yang sama, umat Islam khususnya para pengikut mereka terdidik dan terbela.

Selain dari itu, yang tidak kurang pentingnya bagi generasi kini ialah pengetahuan tentang wujudnya soal-soal kerohanian yang menjadi sumber kekuatan umat Islam. Ini yang disembunyikan oleh musuh-musuh kita di kalangan orientalis Yahudi dan nasrani. Musuh-musuh sangat sedar dan takut dengan senjata ampuh yang tersembunyi ini.

Malangnya orang Islam sendiri terutamanya yang menggelarkan diri mereka ulama atau intelek Islam, telah memomokkan supaya umat Islam menjauhi soal-soal kerohanian ini. Golongan ini, walaupun ijazah berjela-jela namun telah menjadi tali barut musuh secara sedar atau tidak. Bak kata pepatah, hanya kayu yang dapat menumbangkan kayu (pokok). Dengan kata lain, golongan inilah yang membunuh roh kekuatan umat Islam dengan menggunakan ilmu agama yang ada pada mereka.

Melalui buku ini kita cuba memecahkan persoalan ini berdasarkan pengalaman langsung kekasih-kekasih ALLAH ini. Dan ianya boleh menjadi satu ilmu yang amat berharga bagi generasi kini hingga membuatkan

mereka peka dengan perkara-perkara seperti karamah, kasyaf, laduni, yaqazah dan hal-hal seumpamanya. Tidaklah mereka memandang serong pada semua itu melainkan melihatnya sebagai satu kemuliaan kurniaan ALLAH kepada orang-orang yang beijuang untuk menaikkan agama-Nya, sebagaimana yang berlaku pada para Sahabat dan umum salafussoleh yang sering mendapat bantuan ghaib bagi mengalahkan musuh. Inilah senjata canggih kita.

Dengan itu jelas pada kita bahawa ilmu Islam amat luas dan kaya dengan persoalan lahir dan batin. Ini sekaligus menghapus fahaman Islam moden tajaan orientalis dan juga golongan wahabi yang memiskinkan ilmu ALLAH SWT kerana memandang Islam hanya pada zahirnya sahaja.

Walau bagaimanapun penulis merasakan terdapat kelemahan di sana sini yang boleh dibaiki bagi mengemaskan penulisan biografi tokoh-tokoh besar Melayu ini. Lebih-lebih lagi ia dihasilkan berdasarkan penyelidikan yang agak sederhana. Biar apa pun, hendaknya tulisan ini dapat mencapai tujuan menonjolkan ketujuh-tujuh tokoh ini sebagai kekasih-kekasih ALLAH yang wajar diteladani.

Bibliografi

Abdul Rahman Hj. Abdullah. Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisi, Penerbitan Pena Sdn Bhd, Kuala Lumpur.

Abdullah Qari Haji Salleh. Detik-detik Sejarah Hidup Tuk Kenali, Pustaka ASA, Kelantan, 1988.

Abdullah Qari Haji Salleh. Kelantan Serambi Mekkah di Zaman Tuk Kenali, Pustaka ASA, Kelantan, 1988.

Ahmad Abdul Ghani Said. Tesis: 'Tuan Hussein Kedah', Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Al Alaamah Asy Syeikh Abdul Wahab As Sya'rani. Al Mizanul Kubraa (Jilid 2); Diterjemahkan oleh Dr Hj O.K. Rahmat S.H., Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1977.

Asy Syeikh Abdul Samad Al Palimbangi. Sirrus Saalikin; Darul Maarif, Pulau Pinang.

Asy Syeikh Daud Al Fatani. Furu'ul Masaail, Darul Maarif, Pulau Pinang.

Dr. Ishak Mohd. Rejab. Kertas kerja yang dibentangkan dim. 'Seminar Memperingati Tokoh Ulama Silam: Tuan Hussein Kedah'.

Dr. Mahmud Saedon Awang Othman. Artikel: 'Tuan Haji Ahmad bin Said: Pemimpin al-Tariqah al Ahmadiah al Rashidiyyah al Dandarawiyyah!, dim. Buku Cenderamata Memperingati Tokoh Ulama Silam Yang Ke 5; Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, 1980.

Dr Muhammad Nur Manuti dan Haji Hassan Salleh. Artikel: 'Tuan Mufti As Syeikh Al Haji Ahmad bin Al Syeikh Muhammad Said Al Dandarawi', dlm. Buku Cenderamata Memperingati Tokoh Ulama Silam Yang Ke 5; Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, 1980.

Hj. W. Mohd. Shaghir Abdullah. Syeikh Muhammad Arsyad Al Banjari: Pengarang 'Sabilal Muhtadin'- Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 1988.

Husain Hasan Tomai. Masalah Berjumpa Rasulullah Ketika Jaga Selepas Wafatnya; Diterjemah oleh Ustaz Anuar Hj. Abd. Rahman, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1989.

Imam Al Ghazali. Ihya' Ulumiddin. (Jilid 4); Diterjemahkan oleh Prof. TK.H. Ismail Yaakub MA-SH, Pustaka Nasional, Singapura, 1983.

Imam (majalah), Bil. 1 Thn. 1 (Okt. 1989); Imam, Bil. 2 Thn. 1 (Nov. 1989); Imam, Bil. 3 Thn. 1 (Dis. 1989); Imam, Bil. 4 Thn. 1 (Jan. 1990); Imam, Bil. 5 Thn. 1 (Feb. 1990).

Ismail Che Daud. Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (I), Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu, 1988.

Kiyai Sirajuddin Abbas. I'tiqad Ahlus Sunnah Wal Jamaak, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1987.

Muhammad Abu Bakar. Tesis: 'Peranan Tukku Paloh Dalam Sejarah Perkembangan Islam di Terengganu'; Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Muhammad Abu Bakar. Artikel: 'Sayid Abdul Rahman bin Muhammad Al Idrus (Tokku Paloh)' dlm. jurnal Islam di Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur.

Syeikh Ahmad bin Syeikh Said. Manakib Syeikh Said Al Linggi, (tidak tercatit penerbit dan tahun).

Tengku Abu Bakar Acheh. Pengantar llmu Tareqat, FA. H.M. Tawi & Son, Bhg Penerbitan, Jakarta, 1966.

«كنز المعيد»

MEREKA pernah berperanan di Semenanjung Tanah Melayu termasuk Singapura antara akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 bagi menyekat pengaruh budaya penjajah Barat dengan benteng iman, ilmu dan amal. Mereka adalah ahli sufi yang bersiasah dakwah, menggunakan syakilah (stail) masing-masing dalam perjuangan jihad mereka bagi menyemarakkan lagi pegangan agama di kalangan bangsa Melayu sehingga kini begitu sinonium"Melayu-Islam". Jasa-jasa besar mereka harus dikenang dan dicontohi terutamanya oleh generasi hari ini yang mempunyai cita-cita perjuangan murni menggemilangkan semula Islam.

Mereka dikenali sebagai wali hanya Allah SWT sahaja yang Maha Mengetahui (Wallahu a'lam). Keperibadian mereka begitu mulia dengan amalan-amalan bermartabat tinggi di sisi Allah SWT dan Rasul-Nya. Mereka adalah kekasih Allah: Habib Nuh, Tukku Paloh, Tuan Tulis, Syeikh Said Al-Linggi, Syeikh Muhammad Nor Al-Kholidi, Tun Kenali dan Tuan Hussein Kedah Al-Banjari.

Justeru itu amatilah jasa-jasa perjuangan, kebijaksanaan, kewarakan dan kemuliaan karamah daripada Allah SWT pada tujuh tokoh Melayu ini. "Mengingati orang soleh mendatangkan rahmah." Insya-Allah, berbagai suri teladan terdapat dalam buku: 7 WALI MELAYU.

MAHBOOK
Publications